

**Jilid1
Bil. 100**



**Hari Khamis
12hb Disember, 1991**

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT

House of Representatives

PARLIMEN KELAPAN

Eighth Parliament

PENGGAL PERTAMA

First Session

KANDUNGAN

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 16159]**

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan 1992:

Jawatankuasa—

Jadual:

Maksud B. 43 [Ruangan 16203]

Maksud B. 44 [Ruangan 16240]

USUL:

Anggaran Pembangunan 1992:

Jawatankuasa—

Maksud P. 43 [Ruangan 16203]

Maksud P. 44 [Ruangan 16240]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KELAPAN

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin),

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' SERI DR LING LIONG SIK, S.P.M.P., D.P.M.P. (Labis).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' SERI S. SAMY VELLU, S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' SERI DR LIM KENG YAK, S.P.M.P., D.P.C.M. (Beruas).

„ Menteri Kerja Raya, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, DATO' SERI RAFIDAH AZIZ, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Pendidikan, DATO' AMAR DR HAJI SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya).

„ Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, S.S.S.A., D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).

„ Menteri Kewangan, DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM, S.S.A.P. (Permatang Pauh).

„ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO' HAJI ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).

„ Menteri Kesihatan, DATO' LEE KIM SAI, D.S.S.A., P.P.N. (Hulu Langat).

„ Menteri Pertahanan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (Orang Kaya Indera Shabbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan).

„ Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.I.M.P., S.S.S.A., S.S.U., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).

„ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' SABBARUDDIN CHIK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.S. (Temerluh).

- Yang Berhormat Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATO' NAPSIAH BINTI OMAR, D.S.N.S. (Kuala Pilah).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATO' DR MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOR, S.P.M.T., D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Besut).
- Menteri Sumber Manusia, DATO' LIM AH LEK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentung).
- Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABANG ABU BAKAH BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang).
- Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HENG DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei).
- Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DR TING CHEW PEH (Gopeng).
- Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, TAN SRI DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAL, P.S.M., P.G.D.K., S.P.D.K., J.P., A.D.K. (Semporna).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman, TUAN SYED HAMID BIN SYED JAAFAR ALBAR, A.M.N., S.M.J. (Kota Tinggi).
- Menteri Luar Negeri, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- Timbalan Yang di-Pertua, TUAN ONG TEE KEAT, S.M.S. (Ampang Jaya).
- Timbalan Yang di-Pertua, TUAN HAJI JUHAR BIN HAJI MAHRUDDIN (Kinabatangan).
- Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).
- Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA, S.M.I. (Batu Pahat).
- Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' MOHD. TAIOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- „ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).
- Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).
- Timbalan Menteri Perusahaan Awam, DATO' DR SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Mentakab).
- Timbalan Menteri Kewangan, DATO' LOKE YUEN YOW, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim).
- Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN OSU EIN HAJI SUKAM (Papar).
- Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN HAJI JAFFREY, J.M.N. (Silam).

Yang Berhormat Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO' ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, D.S.D.K., S.M.S. (Baling).

Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATO' HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).

Timbalan Menteri Pendidikan, DR LEO MICHAEL TOYAD, J.B.S. (Mukah).

Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO' DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang).

Timbalan Menteri Kewangan, TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN, S.M.J. (Ledang).

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DRS SULEIMAN BIN MOHAMED, D.P.M.S. (Titiwangsa).

Timbalan Menteri Kesihatan, TUAN MOHAMED FARID BIN ARIFFIN (Balik Pulau).

Timbalan Menteri Belia dan Sukan, CIK TENG GAIK KWAN, A.M.N., P.P.N. (Raub).

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN PETER CHIN FAH KUI, P.B.S., A.B.S. (Miri).

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN CHUA JUI MENG, P.I.S. (Bakri).

„ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K. (Kulim Bandar Baharu).

Timbalan Menteri Kerja Raya, TUAN KERK CHOO TING (Taiping).

„ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, DATO' HAJI TENGKU MAHMUD BIN TENGKU MANSOR, D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu).

Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, TUAN MOHD. YASIN BIN KAMARI, A.M.N., P.D.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO WONG SEE WAH, D.S.N.S. (Rasah).

Timbalan Menteri Kerja Raya, DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., K.M.N., A.M.N., P.P.C (Saratok).

Timbalan Menteri Pendidikan, DR FONG CHAN ONN (Selandar).

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO DR HAJI ABDUL HAMID BIN HAJI OTHMAN, D.S.D.K., S.M.J., K.M.N., P.P.T. (Sik).

Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' CHAN KONG CHOY (Lipis).

Timbalan Menteri Sumber Manusia, DATO' M. MAHALINGAM (Kapar).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' ABDUL RAMAN BIN SULIMAN, D.P.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Parit Buntar).
- „ Setiausaha Parlimen, di Jabatan Perdana Menteri, TUAN OTHMAN BIN ABDUL, A.M.P., P.P.T. (Pendang).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Pembangunan Luar Bandar, DATO MOHAMED BIN JAMRAH, D.P.M.P., A.M.P., P.P.T. J.P. (Bagan Datok).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, DATO' ISMAIL BIN SAID, D.P.M.T., S.M.T., A.M.N. (Kemaman).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Pertanian, TUAN MOHD. SHARIFF BIN HAJI OMAR, P.P.T. (Tasek Gelugor).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, TUAN YONG KHOON SENG (Padawan).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Dalam Negeri, TUAN ONG KA TING (Pontian).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Penerangan, DATO' HAJI FAUZI BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Kesihatan DATO' K. KUMARAN (Tapah).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN S. S. SUBRAMANIAM, J.S.M., P.J.K., A.M.S. (Segamat).
- „ TUAN ABDOL MULOK BIN AWANG DAMIT (Labuan).
- „ DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).
- „ TUAN HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Marang).
- „ TUAN HAJI ABDUL HAMID BIN ABDUL RAHMAN (Sungai Benut).
- „ DATUK HAJI ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Terengganu).
- „ TUAN ABDUL MALEK MUNIP (Muar).
- „ DATUK HAJI ABDUL RASHID BIN MUHAMMAD (Kuala Nerus).
- „ DATUK PATINGGI TAN SRI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Kota Samarahan).
- „ TUAN HAJI NIK ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD, S.M.K. (Pengkalan Chepa).
- „ DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).
- „ TUAN AHMAD BIN NOR (Bayan Baru).

Yang Berhormat TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).

- „ TUAN AHMAD SHUKRI BIN HAJI HASSAN (Machang).
- „ DATO' ALIAS BIN MD. ALI, D.P.M.T., J.S.M., S.M.T., K.M.N., P.J.J.C. (Hulu Terengganu).
- „ DATU AMIR KAHAR BIN TUN DATU MUSTAPHA (Marudu).
- „ TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).
- „ DATUK HAJI BASRI BIN BAJURI, D.S.S.A., K.M.N., S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
- „ DATUK BERNARD GILUK DOMPOK, P.G.D.K. (Penampang).
- „ TUAN BILLY ABIT JOO (Hulu Rajang).
- „ TUAN HAJI BUNYAMIN BIN YAAKOB. (Bachok).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).
- „ TUAN CHOR CHEE HEUNG (Alor Setar).
- „ TUN DAIM ZAINUDDIN, S.S.M., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok).
- „ DR V. DAVID (Puchung).
- „ TUAN FONG KUI LUN (Klang).
- „ TUAN FOO PIEW KOK (Batu Gajah).
- „ TUAN GEORGE SANGKIN (Bandau).
- „ TUAN HAJI GHAZALI BIN AHMAD, A.M.N., P.C.K. (Jerai).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN HAJI HAMZAH BIN HAJI MOHAMED ZAIN (Tasek Chenderoh).
- „ TUAN HARRISON NGAU LAING (Baram).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN JENDOL, P. JK. (Alor Gajah).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN MAHMOOD (Kuala Krai).
- „ TUAN IBRAHIM BIN PATEH MOHAMAD (Tanah Merah).
- „ CHE IBRAHIM BIN MUSTAFA (Sungai Petani).
- „ LT. KOL. (B) IBRAHIM BIN SAREH (Jelebu).
- „ PUAN HAJAH ILANI BINTI DATO HAJI ISAHAK (Kota Bharu).
- „ TUAN HAJI ISHAK BIN ARSHAD (Kangar).
- „ DR HAJI JAMALUDDIN BIN HAJI JARJIS (Rompin).
- „ TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- „ TUAN JAMES JIMBUN ANAK PUNGGGA, P.B.S. (Kapit).
- „ TUAN JOSEPH MAUH AK IKEH (Selangau).
- „ TUAN KANG CHOW OH (Kluang).

- Yang Berhormat TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN KERK KIM HOCK (Pasir Pinji).
- „ DR KUA KIA SOONG (Petaling Jaya).
- „ TUAN LAI LUN TZEE (Sandakan).
- „ TUAN LAU DAK KEE (Ipoh).
- „ TUAN ROBERT LAU HOI CHEW (Sibu).
- „ TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- „ TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM HOCK SENG (Bagan).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- „ PUAN LIM LAY HOON (Padang Serai).
- „ DATIN LING CHOOI SIENG (Lumut).
- „ TUAN HAJI MAHBUD BIN HAJI HASHIM (Sabak Bernam).
- „ TUAN MAIDOM P. PANSAI (Kota Belud).
- „ DR T. MARIMUTHU (Telok Kemang).
- „ TUAN MICHAEL ASANG, B.S.K. (Jambongan).
- „ TUAN MICHAEL LISA KAYA @ GOR KAYA (Bukit Mas).
- „ TUAN HAJI MOHAMAD BIN ABDUUAH, D.I.M.P., P.J.K. (Maran).
- „ TUAN HAJI MOHAMAD BIN SABU (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED KAMAL BIN HUSSAIN (Lembah Pantai).
- „ TUAN MOHAMED KHALED BIN NORDIN (Johor Bahru).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ DATO' HAJI MOHD. SHARIF BIN JAJANG, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZIHIN BIN HAJI MOHD. HASSAN, P.M.P., A.M.P. (Larut).
- „ DATUK MONGGOH OROW, P.G.D.K., K.M.N., A.D.K. (Tuaran).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L., K.St.J (Limbawang).
- „ TUAN NASRUDDIN BIN HAJI ALANG SAIDIN, A.M.P. (Parit).
- „ DR NAWAWI BIN MAT AWIN (Tambun).
- „ TUAN NURNKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).
- „ TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
- „ DR OSMAN MINUDIN (Kinabalu).
- „ DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).

- Yang Berhormat TUAN G. PALANIVEL (Hulu Selangor).
 DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).
 DATUK DOMINIC JOSEPH PUTHUCHEARY (Nibong Tebal).
 „ DATO' HAJI QAMARUZ ZAMAN BIN HAJI ISMAIL, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N.,
 B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai).
 TUAN RADIN MALLEH (Padas).
 PUAN HAJAH RAKIBAH BINTI HAJI ABDUL MANAP (Shah Alam).
 TUAN RICHARD RIOT ANAK JAEM (Serian).
 „ PUAN ROHANI BINTI ABD. KARIM (Santubong).
 TUAN RUHANIE BIN HAJI AHMAD (Parit Sulong).
 Y.B.M. TENGGU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K.,
 S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).
 TOAN SAIDIN @ YUSOF BIN ADAM (Tanjong Karang).
 „ DR SANUSI BIN DAENG MARIOK (Rantau Panjang).
 „ TUAN SHAHDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).
 TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
 PUAN SITI ZAINABON BINTI ABU BAKAR (Tebrau).
 TUAN HAJI SHUKRI BIN HAJI MOHAMED (Kok Lanas).
 TUAN TAIMIN BIN LUMAING (Pensiangan).
 „ DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI, P.N.B.S., J.M.N. (Sri Aman).
 TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).
 „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
 „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
 TUAN WAHAB BIN SUHAILI (Batang Sadong),
 WAN HANAFIAH BIN WAN MAT SAMAN (Kota Setar).
 WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR (Batang Lupar).
 TUAN HAJI WAN MOHD. JAMIL BIN WAN MAHMOOD (Tumpat).
 WAN OMAR BIN WAN MAJID (Pasir Puteh).
 TUAN WEE CHOO KEONG (Bukit Bintang).
 TUAN WONG WING ON (Kampar).
 TUAN VUN SHIN CHOI @ JOSEPH VOON (Tanjong Aru).
 DATUK AMAR JAMES WONG KIM MIN (Bintulu).
 „ TUAN JASON WONG SING NANG (Lanang).
 TUAN WOON SEE CHIN, S.M.J., A.M.N., P.I.S. (Senai).
 TUAN GEOFFREY YEE LING FOOK (Tawau).
 TUAN YIM CHEE CHONG (Seremban).
 • TUAN PHILIP YONG CHIEW LIP (Gaya).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Dato' Haji Wan Zahir bin Sheikh Abdul Rahman, D.P.M.P.,
J.S.M.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Taijadin bin Saberan.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

Penolong Setiausaha: Haji Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Hj. Yahya bin Manap.

Penyunting: Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Shamsiah binti Md. Yusop.

Pelapor Perbahasan Parlimen:

Haji Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Haji Hassan.

Hajah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

Su Soon Chuan.

Norwahidah binti Azizi.

Rozita binti Abd. Samad.

Jainah binti Sakimin.

Ahmad Kamal bin Mohd. Yusop.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Khamis, 12hb Disember, 1991

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempergunakan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN

**MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN**

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Saidin bin Adam.

(Soalan No. 1 Y.B. Tuan Saidin bin Adam tidak hadir)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Lim Hock Seng.

(Soalan No. 2 Y.B. Tuan Lim Hock Seng tidak hadir)

ORANG CACAT PENGLIHATAN

3. Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman minta Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyatakan:

- (a) berapa ramaikah orang-orang yang cacat penglihatan (buta) yang telah berdaftar dengan Persatuan Orang Buta Malaysia;
- (b) apakah punca-punca utama yang menyebabkan kebutaan di Malaysia; dan

- (c) apakah langkah-langkah Kerajaan bagi mengelakkan/mengawal kebutaan dan apakah inisiatif-inisiatif Kerajaan yang telah dan sedang diambil bagi membantu golongan-golongan ini.

Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat (Dato' Alexander Yu Lung Lee):
Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Persatuan Orang Buta Malaysia tidak mendaftar orang-orang cacat penglihatan dan oleh yang demikian angka yang dikehendaki tidak ada.
- (b) Punca-punca utama yang menyebabkan kebutaan di Malaysia ialah:
 - (i) selaput (cataract),
 - (ii) kecederaan,
 - (iii) glaukoma,
 - (iv) kencing manis; dan
 - (v) jangkitan.
- (c) Langkah-langkah yang sedang diambil dari segi pencegahan ialah:
 - (1) Penjagaan mata bagi kanak-kanak sekolah dijalankan menerusi program kesihatan di sekolah-sekolah.
 - (2) Bag orang-orang dewasa, pemeriksaan dan rawatan mata diadakan di klinik-klinik kesihatan dan

klirik-klirik pesakit luar yang terdapat di seluruh negara.

- (3) Bagi membantu golongan yang cacat penglihatan, **J a b a t a n - j a b a t a n** Kebajikan Masyarakat Malaysia mempunyai pelbagai skim bantuan seperti Elaun Pekerja Cacat, Bantuan Pelancaran dan Bantuan Peralatan. Jabatan ini juga membantu mereka yang sesuai untuk mendapatkan pekerjaan.

Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam membantu golongan-golongan cacat khususnya cacat penglihatan ini, kita dengar beberapa tahun lepas Kerajaan menggalakkan sektor-sektor swasta dan Jabatan-jabatan Kerajaan untuk mengambil mereka ini bekerja.

Soalan saya, sejauh manakah kerjasama yang telah diberikan oleh sektor-sektor swasta ini dan juga sektor Kerajaan untuk mengambil pekerja-pekerja cacat di dalam negara untuk bekerja dengan mereka?

Dato' Alexander Yu Lung Lee: Tuan Yang di-Pertua, di segi Kerajaan, Kerajaan telah meluluskan dasar bahawa satu peratus daripada semua anggota-anggota perkhidmatan Kerajaan mesti terdiri dari orang cacat. Di sektor swasta, kita menggalakkan mereka untuk memberikan pekerjaan-pekerjaan kepada orang-orang cacat dan di mana orang cacat boleh bekerja seperti menjawab telefon, menaip dan sebagainya, atau menjadi waitress di restoran-restoran Kentucky Fried Chicken, ini kita menggalakkan. Tetapi, kita tidak ada apa-apa peraturan kepada sektor swasta yang memaksa mereka mengambil orang-orang cacat.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:

Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kadang-kadang terdapat orang yang dikatakan buta ini, lebih cerdik dan lebih pandai daripada orang yang celik yang boleh membaca oleh kerana pancaindera mereka dituju kepada satu cara sahaja. Tetapi banyak institusi-institusi yang ditubuhkan oleh Kerajaan atau ditolong oleh Kerajaan mengajar mereka ini membaca menerusi surat Braille, menggunakan typewriter Braille, menggunakan jam tangan yang bercorakkan Braille. Tetapi buku-buku Braille, mesin taip Braille dan jam-jam tangan kegunaan orang buta susah dicari di Malaysia. Jadi, macam manakah pandangan Kementerian kepada soalan ini?

Dato' Alexander Yu Lung Lee:

Tuan Yang di-Pertua, memang peralatan Braille ini susah didapati di Malaysia ini dan kena import. Kalau import tentulah harganya mahal. Kalau kita beri peruntukan, tentulah memerlukan peruntukannya terlalu besar. Tetapi kita boleh mengkaji case by case yang dipohon.

GRADUAN PERAKAUNAN— PENDAFTARAN DENGAN MIA

4. Puan Hajah Ilani binti Dato' Haji Ishak minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) kenapa Graduan Sarjana Muda Akaun dari USA, New Zealand dan Australia tidak layak untuk didaftar dengan Institut Akauntan Malaysia (MIA), walhal mereka ini sudah mendapat latihan perakaunan luar negeri;
- (b) kenapa berlaku Double Standard antara graduan lulusan luar negeri dengan tempatan di segi pengiktirafan oleh Institut Akauntan Malaysia dan Jabatan Perkhidmatan Awam; dan

- (c) siapakah Anggota Majlis Institut Akauntan Malaysia dan bagaimana kedudukannya dari segi Kementerian Pendidikan.

Timbalan Menteri Pendidikan (Dr Fong Chan Onn): Tuan Yangdi-Pertua,

- (a) Kenyataan bahawa graduan perakaunan daripada universiti-universiti di Amerika Syarikat, New Zealand dan Australia tidak layak berdaftar dengan Institut Akauntan Malaysia (IAM) adalah tidak benar. Pendaftaran graduan-graduan perakaunan dari semua institusi pengajian tinggi dari dalam atau luar negara adalah dikawal oleh Akta Perakaunan 1967 bagi tujuan pengawalan profcsion berkenaan. Semua graduan perakaunan termasuk dari Amerika Syarikat, Australia dan New Zealand dikehendaki memenuhi syarat dan peraturan sebagaimana yang ditetapkan di dalam Akta berkenaan bagi membolehkan mereka didaftarkan.
- (b) Kelayakan-kelayakan daripada universiti-universiti tempatan dalam apa bidang sekalipun termasuk perakaunan dijadikan asas dalam menentukan tahap akademik serta nilai taraf sesuatu kelayakan yang dinilai. Di samping itu, Kerajaan telah mewujudkan badan-badan profesional di negara ini yang mempunyai mutu akademik dan praktikal mengikut taraf yang ditetapkan oleh akta profesion-profesion berkenaan seperti Akta Akauntan bagi bidang perakaunan dan Akta Akitek bagi bidang senibina. Kawalan ini adalah penting bagi menjamin kualiti tenaga profesional dalam memberikan perkhidmatan yang bermutu kepada masyarakat umum.

Kelayakan-kelayakan profesional yang dijalankan oleh universiti-universiti tempatan adalah selaras dengan piawaian serta kualiti yang ditetapkan oleh akta-akta profesion yang berkenaan. Oleh yang demikian, kelayakan-kelayakan daripada luar negara juga dinilai berasaskan kepada prinsip di atas.

- (c) Keanggotaan Majlis Institut Akauntan Malaysia adalah terdiri daripada 16 orang ahli, termasuk seorang pendaftar yang dipengerusikan oleh Yang Berbahagia Dato' Hanafiah Noordin. Institut ini adalah di bawah kawalan Akta Akauntan 1967 yang diawasi oleh Kementerian Kewangan dan bukan Kementerian Pendidikan.

Puan Hajah Ilani binti Dato Haji Ishak: Soalan tambahan, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan adakah semua pelajar-pelajar yang dihantar oleh JPA untuk mengikuti bidang perakaunan ini, kesemuanya mereka setelah lulus Sarjana Muda akan dapat diiktirafkan oleh MIA sebagai akauntan?

Dr Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya telah terangkan tadi, selain daripada mendapat Sarjana Muda dari universiti-universiti berkenaan, calon-calon tersebut haruslah mempunyai syarat-syarat mengikut Akta Akauntan, termasuklah pengalaman praktikal dan sebagainya. Dari segi umum, memang kita hantar pelajar-pelajar kita ke institusi-institusi di mana ijazahnya telah diiktirafkan oleh Kerajaan.

Tuan George Sangkin: Soalan tambahan, saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah kriteria-kriteria yang diambil oleh Menteriannya untuk menetapkan nilai taraf CGPA ataupun "cumulative grade points average" graduan-graduan dari universiti Amerika Syarikat di mana

CGPA, misalnya, 2.75 di peringkat Sarjana Muda dari universiti tertentu di Amerika diiktirafkan sebagai setaraf dengan ijazah Sarjana-sarjana Muda Kepujian di universiti-universiti tempatan?

Dr Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa soalan itu terlalu spesifik dan terkeluar dari soalan asalnya. Namun demikian, kalau Ahli Yang Berhormat beri saya notis, saya boleh jawab secara bertulis.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob,

(Soalan No. 5 Y.B. Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob tidak hadir)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Haji Mohammad Abu Bakar bin Rautin Ibrahim.

(Soalan No. 6 Y.B. Dato Haji Mohammad Abu Bakar bin Rautin Ibrahim tidak hadir)

PELANCONG TARAF SEDERHANA-KEMUDAHAN PENGINAPAN

7. Puan Rohani binti Abd. Karim minta Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan menyatakan tentang perancangan kemudahan bagi pelancong-pelancong taraf sederhana (domestic low-budget tourists) selaras dengan Pelan Induk Pelancongan Negara. Kemudahan ini adalah seperti hotel murah dan sederhana, tempat peranginan yang mudah dilawati serta murah. Apakah juga perancangan bagi mempertimbangkan tempat tarikan pelancongan di negeri Sarawak, khususnya dalam Kawasan P.155 Santubong.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan (Dato' Abdul Raman bin Suliman): Tuan Yang di-Pertua, dalam

Rancangan Malaysia Keenam, Kementerian ini telah diperuntukkan sebanyak \$100juta bagai menyediakan kemudahan penginapan pelancongan taraf sederhana di seluruh negara. Pada masa ini, garis panduan berhubung dengan penyediaan kemudahan ini sedang disediakan oleh pihak Kementerian.

Kerajaan Persekutuan bersama-sama dengan Kerajaan-kerajaan Negeri akan mengadakan kemudahan penginapan kos sederhana untuk para pelancong di tempat-tempat yang menjadi tarikan pelancongan berdasarkan kepada kesesuaian tempat-tempat tersebut.

Kementerian ini mendapati bahawa Kawasan P.155 Santubong memang pun telah menjadi kawasan pelancongan yang terkenal di Sarawak dan ianya akan terus dibangunkan di bawah Rancangan Malaysia Yang Keenam.

Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain: Tuan Yang di-Pertua, untuk menambahkan lagi kemudahan-kemudahan pelancongan, adakah pihak Kerajaan merancang ataupun bercadang untuk membina caravan park atau tempat untuk meletak caravan di tempat-tempat tarikan yang tertentu dengan segala kemudahan yang sesuai? Saya rasa ini akan dapat meningkatkan lagi pelancongan secara kos yang rendah. Adakah Kerajaan bersedia untuk mengadakan caravan park tersebut?

Dato' Abdul Raman bin Suliman: Tuan Yang di-Pertua, pada saat ini pihak Kementerian tidak ada cadangan tersebut. Walau bagaimanapun, dari segi menyediakan kemudahan produk pelancongan, pihak-pihak Kerajaan Negeri dan pihak swasta dibenarkan untuk melaksanakan produk seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat.

Che Ibrahim bin Mustafa: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan program-program pengalakan pelancongan asing adalah berkait-erat dengan program pengalakan

pelancongan tempatan, adakah Kerajaan berhasrat untuk mengadakan kempen khusus untuk menggalakkan pelancong-pelancong dalam negeri?

Yang kedua, saya ingin kepastian sama ada industri pelancongan di negara kita juga mengalami kekurangan tenaga pekerja? Jika ada, apakah usaha-usaha yang telah dijalankan untuk mengatasinya?

Dato' Abdul Raman bin Suliman:

Tuan Yang di-Pertua, mengenai program untuk pengalakan ataupun promosi di kalangan pelancong-pelancong tempatan, sebenarnya perkara ini telah dijalankan beberapa tahun yang lalu sejajar dengan pengalakan yang kita buat di luar negara. Bagi pengalakan, umpamanya dalam rancangan Tahun Melawat Malaysia yang telah dilaksanakan, hampir keseluruhan aturcara yang dibuat adalah diarahkan untuk mengekalkan supaya pelancong-pelancong dalam negara melawat di dalam negara kita sendiri. Sebab itulah program-program kebudayaan, kesenian aturcara yang melibatkan pegawai-pegawai dan kakitangan tempatan serta penduduk-penduduk di negara ini dilibatkan bersama dalam program-program kita yang lalu.

Di samping itu, clippings ataupun selitan kita di dalam pengiklanan dengan media di dalam negara kita juga memang banyak kita lakukan bukan sahaja oleh pihak Kementerian malah oleh pihak Kerajaan-kerajaan Negeri yang inginkan supaya produk-produk di dalam negeri masing-masing mendapat tempat di hati rakyat tempatan.

**MAJALAH PARTI POLITIK—
JUALAN**

8. Tuan R. Karpal Singh minta Menteri Dalam menyatakan mengapa Kerajaan telah mengadakan penjualan majalah-majalah berkala parti-parti politik kepada ahli-ahli parti yang

berkenaan sahaja dan bukan kepada orang awam.

Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri (Tuan Ong Ka Ting):

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan majalah-majalah berkala tersebut adalah "lidah rasmi" kepada parti-parti politik yang berkenaan, maka adalah wajar disyaratkan bahawa majalah-majalah tersebut diedar kepada parti politik yang berkenaan sahaja.

Tuan R. Karpal Singh: Tuan Speaker, adakah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri sedar bahawa baru-baru ini dalam CHOGM di Harare dan dahulu daripada itu pun ada disebutkan mengenai kebebasan akhbar dalam negara kita? Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada menyatakan dengan umum "Siapa cakap tidak ada 'freedom of the press' dalam Malaysia? Ada *Roket* dan ada *Harakah* yang mengkritik Kerajaan, Menteri-menteri dan dasar-dasar, dan masa itu lidah-lidah parti politik ini tidak dihadkan untuk ahli-ahli sahaja tetapi kepada orang umum." Adakah apa yang dikatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri itu "consistent" dengan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri tadi? Jangan jadi seorang yang hipokrit, beri satu jawapan yang ikhlas. (*Tepuk*)

Seorang Ahli: Tak payahlah!

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, selama ini saya beri jawapan yang cukup jujur dan ikhlas, tidak hipokrit.

Seorang Ahli: Ya!

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, apa yang dikatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam CHOGM atau di mana-mana sahaja adalah "consistent" dengan keadaan

sekarang ataupun dahulu oleh kerana di negara kita ini selama ini kebebasan akhbar kalau dibandingkan dengan negara-negara lain, saya boleh yakin mengatakan dengan lantang di sini bahawa kebebasan di Malaysia ini merupakan satu negara yang paling bebas dari segi akhbar dan penerbitan majalah-majalah. (*Tepuk*) Saya boleh beri bukti, iaitu di Malaysia sahaja permit untuk penerbitan yang telah dikeluarkan sehingga hari ini, surat-khabar sahaja 111 dan majalah 1,179. Apa yang dinyatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa *Roket* atau *Harakah* itu dibenarkan mengkritik pemimpin-pemimpin Kerajaan dan dasar-dasar Kerajaan walaupun selalunya tidak berasas, tetapi mereka masih dibenarkan untuk diedarkan kepada ahli-ahlinya.

Lagipun pada masa mereka membuat permohonan, dalam borang permohonan itu sudah disebutkan sejelasa-jelasnya permohonan itu lidah rasmi dan hanya untuk ahli-ahli parti itu sahaja. Ini bukan satu syarat istimewa kepada DAP atau kepada PAS, ini juga adalah syarat yang sama dikenakan kepada semua lidah rasmi parti-parti komponen Barisan Nasional.

Beberapa Ahli: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, minta penjelasan. Hendak beri atau tidak?

Tuan Ong Ka Ting: Sudah habis.

Wan Hanafiah bin Wan Mat

Saraan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan, Apakah tindakan Kerajaan kepada surat-suratkhabar yang sepatutnya kepada ahli-ahli partinya sahaja tetapi dijual kepada umum. Sebab saya dapati banyak juga surat-suratkhabar yang di atas itu ditulis "Untuk Ahli Sahaja" tetapi dijual di kedai-kedai surat-khabar.

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, memang itulah satu masalah yang walaupun syarat dikenakan untuk ahli sahaja, bermakna diedarkan untuk ahli, tetapi selama ini hanya *Roket* dan *Harakah* itu dijual, pada hal parti-parti lain tidak pernah melanggar undang-undang begitu. Jadi, sebab itulah surat amaran diberi kepada mereka.

MYANMAR—CAMPURTANGAN NEGARA ASEAN

9. Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

- (a) apakah sikap Malaysia terhadap permintaan James Baker, Setiausaha Negara Amerika minta negara-negara ASEAN menangani urusan politik dalam negeri Myanmar dan sila terangkan sebab-sebab Amerika membuat cadangan itu; dan
- (b) apakah sebenarnya yang tersirat dalam cadangan Jepun kepada dialog Menteri-menteri Luar ASEAN supaya satu pakatan keselamatan patut ditimbang oleh ASEAN dan rakan-rakan dialognya.

Timbalan Menteri tuar Negeri (Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Malaysia bersama-sama dengan rakan ASEANnya berpendirian bahawa adalah tidak wajar bagi negara-negara ASEAN untuk mencampuri urusan politik dalam negara-negara lain. Walau bagaimanapun adalah menjadi harapan kita supaya pihak-pihak berkenaan di Myanmar akan dapat menyelesaikan masalah politik mereka secara aman dan bertolak-ansur melalui perundingan demi kepentingan negara mereka. Malaysia dan negara

ASEAN yang lain telah bersetuju pada Mesyuarat Menteri-menteri Luar ASEAN yang berlangsung di Kuala Lumpur pada 19 hingga 24 Julai tahun ini untuk mengadakan hubungan secara konstruktif atau, dengan izin, constructive engagement dengan Kerajaan Myanmar dengan harapan ianya akan dapat mempengaruhi mereka ke arah satu penyelesaian yang akan membawa keamanan dan kestabilan di Myanmar sejajar dengan aspirasi rakyat Myanmar itu sendiri. Dalam hal ini Mesyuarat Menteri-menteri Luar ASEAN telah bersetuju untuk menghantar Setiausaha Luar Negara Filipina untuk melawat Myanmar.

- (h) Apa yang dicadangkan oleh Jepun ialah untuk mewujudkan satu forum di peringkat pegawai-pegawai bagi membincangkan soal keamanan dan keselamatan di rantau Asia Pasifik. Ini bukanlah satu cadangan mewujudkan satu pasukan keselamatan dalam pertikata yang biasa difahami. Negara-negara ASEAN kini belum lagi memberi sebarang jawapan ke atas cadangan itu kerana negara-negara ASEAN mahu berbincang di antara mereka sendiri dahulu mengenai cadangan tersebut.

Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Ternyata dari kegagalan rombongan yang diketuai oleh Encik Raul Manglapus baru-baru ini ke Myanmar telah gagal iaitu ternyata strategi constructive engagement ini gagal. Apakah Kerajaan Malaysia akan mengutarakan satu lagi strategi yang lebih aktif ataupun lebih persuasive, dengan izin, untuk membenarkan kuasa-kuasa demokrasi bergerak semula di Myanmar. Kerana mengikut apa yang berlaku dalam sejarah pada masa ini

demokrasi selalu akan mencapai kemenangan iaitu kebenaran.

Apakah ASEAN tidak bimbang andainya satu hari kemenangan demokrasi akan berlaku di Myanmar, ASEAN juga yang akan rugi dari segi perhubungan ASEAN dengan Myanmar?

Dato' Dr Abdullah Fadil bin Che Wan: Tuan Yang di-Pertua, di peringkat ini kita tidak boleh menganggapkan yang lawatan Setiausaha Luar Filipina ke Myanmar pada awal bulan ini gagal oleh kerana itu hanyalah lawatan pertama yang dibuat oleh Setiausaha Luar yang berkenaan. Beliau pergi ke sana bersama dengan isteri dan beberapa orang ahli rombongan dan telahpun dapat bertemu dengan tidak kurang daripada enam orang Menteri-menteri yang berkenaan di Myanmar, walau pun tidak dapat dibenarkan berjumpa dengan Puan Aung San Sun Kyi seperti yang diharapkan.

Walau bagaimanapun, kita terpaksa menunggu masa lagi dan pihak Malaysia dengan rakan-rakan negara ASEAN sedang berbincang tentang apakah yang patut dibuat di masa-masa hadapan untuk kita melihat agar keadaan di Myanmar dapat berubah. Dalam keadaan sedemikian, kita mengharapkan juga agar dengan adanya pendekatan kita dengan negara Myanmar dan dengan adanya pula lain-lain strategi ataupun lain-lain rancangan yang bakal dibuat oleh negara ASEAN, lambat laun kita akan dapat juga membawa pemimpin Kerajaan Myanmar untuk bersama-sama memikirkan masalah di hadapan mereka agar sedikit demi sedikit amalan demokrasi akan dapat kita terapkan di kalangan masyarakat Myanmar.

Oleh kerana keadaan ini agak memerlukan masa, kita perlu bersabar dahulu tetapi pihak ASEAN dan Malaysia khususnya tidak akan berdiam diri dan akan berusaha untuk membawa amalan demokrasi itu masuk semula di

kalangan Kerajaan dan masyarakat Myanmar.

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah keutamaan sedang diberi oleh pihak Kerajaan Malaysia dengan ASEAN kepada krisis di Myanmar? Adakah ia menjadi satu punca untuk destabilized, dengan izin, rantau ASEAN? Jikalau keadaan sekarang menimbulkan perpecahan ataupun peperangan dalaman dalam Myanmar itu, maka masalah yang akan dihadapi oleh Thailand dan Malaysia ialah masalah pelarian. Maka bagaimanakah keutamaan yang sesuai sedang diberi kepada negara kita sekarang?

Soalan kedua, adakah benar bahawa jentera militari yang memerintah Myanmar sekarang paling sensitif kepada pandangan dan pendirian Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu yang sudah memainkan peranan baru yang penting dalam arena politik antarabangsa sekarang seperti yang terbukti dalam peperangan di antara Iraq dengan Amerika Syarikat baru-baru ini. Jika ya, adakah Malaysia sebagai ahli Security Council dalam Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu ini bertujuan untuk membawa kes ini ke Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu supaya tekanan akan dibawa' kepada pihak yang memerintah di Myanmar sekarang untuk menyelesaikan masalah supaya proses demokrasi boleh dibiarkan berjalan, to run its course, dengan izin,

Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Tuan Yang di-Pertua, sesungguhnya Malaysia inginkan seluruh negara-negara di Asia Tenggara ini berada di dalam keadaan aman damai dan mengamalkan sistem demokrasi kerana dengan itu akan dapat menstabilizekan lagi keseluruhan kawasan Asia Tenggara yang begitu banyak potensinya buat masa-masa muka. Sudah tentu kita akan cuba sedaya-upaya kita

untuk menstabilizekan negara Myanmar termasuk lain-lain negaradi seluruh Asia Tenggara. Maka kita akan cuba sedaya-upaya kita dengan menggunakan budi bicara kita yang ada khususnya dalam ASEAN itu sendiri untuk mencari matlamat yang tersebut.

Jawapan untuk soalan yang kedua Yang Berhormat tadi, sudah tentu Kerajaan yang memerintah Myanmar itu agak sensitif juga tentang pendapat luar yang dikeluarkan terhadap negara yang berkenaan. Walau bagaimanapun, kita di dalam ASEAN ini meminta dunia luar membiarkan atau membenarkan ASEAN itu sendiri sebagai rakan yang berjiran dengan Myanmar untuk kita cuba secara kita di ASEAN ini menyelesaikan masalah yang ada pada kita dan kini kita lihat bahawasanya masyarakat antarabangsa telah memberi keyakinan dan kepercayaan kepada ASEAN untuk cuba dahulu mencari penyelesaian terhadap masalah di Myanmar. Maka berilah sedikit masa kepada ASEAN untuk cuba mencari jalan keluar kepada masalah ini. Kalau tidak dapat juga, mungkin kita akan minta pula pihak yang lain untuk berusaha mengatasi masalah dalaman di Myanmar.

LEMBAGA AIR NEGARA

10. Tuan Rubanie bin Haji Ahmad minta Menteri Kerja Raya menyatakan apakah perkembangan terakhir mengenai cadangan Kerajaan Persekutuan untuk mewujudkan Lembaga Air Negara. Sudahkah pihak Kerajaan-kerajaan Negeri diberi peluang meneliti serta mengulas kertas cadangan tersebut dan apa pula cadangan balas daripada mereka.

Timbalan Menteri Kerja Raya (Tuan Kerk Choo Ting): Tuan Yang di-Pertua, saya telahpun menjawab soalan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat ketika menjawab

soalan daripada Yang Berhormat dari Bagan Serai pada 5hb Disember, 1991 yang lalu. Buat masa ini saya tidak ada apa-apa maklumat tambahan kepada jawapan yang telah diberi.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:

Tuan Yang di-Pertua, saya cuma ingin bertanya kepada pihak Kementerian dan Timbalan Menteri sama ada kenyataan-kenyataan dan pandangan-pandangan yang diberikan oleh beberapa pemimpin negara termasuk Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor sendiri mengenai cadangan menubuhkan Lembaga Air Negara, sepertimana yang dilaporkan oleh akhbar-akhbar ini adalah laporan yang relevan, laporan yang memang perlu disuarakan demi kebaikan semua pihak, sama ada pihak Timbalan Menteri bersetuju dengan hakikat itu?

Tuan Kerk Choo Ting: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang saya telah menjawab di dalam sesi yang lalu, segala laporan dan apa-apa yang disuarakan oleh mana-mana pihak, termasuk Menteri-menteri Besar dan Ketua-ketua Menteri akan diambil kira di dalam Majlis Air Negara. Oleh sebab itu ia bolehlah dikatakan relevan.

Tuan Wahab bin Suhaili: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sejauh manakah kerjasama yang diberi oleh Kerajaan negeri terhadap mewujudkan Lembaga Air Negara ini?

Kedua, di dalam melantik ahli-ahli yang menganggotai Lembaga Air Negara ini, apakah kriteria yang tertentu, khususnya pengalaman di dalam bidang yang berkenaan yang diambil kira?

Tuan Kerk Choo Ting: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan membantu negeri-negeri oleh Kerajaan Pusat, ini memang sentiasa dijalankan. Pinjaman wang atau peruntukan sentiasa diberi

kepada negeri-negeri untuk membuka empangan atau membekalkan air dengan cukup.

Untuk soalan yang kedua, sama ada siapa yang menjadi anggota Majlis Air Negara, sukalah saya mengumumkan anggota-anggota itu datang daripada Ketua-ketua Menteri atau Menteri-menteri Besar dan Majlis Air Negara ini akan diketuai atau dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri.

DERMA AMAL YANG DIKENAKAN CUKAI

11. Dr Kua Kia Soong minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) mengapakah wang yang didermakan kepada organisasi bukan bertujuan keuntungan untuk menjalankan aktiviti-aktiviti kebudayaan masih lagi dikenakan cukai; dan
- (b) mengapakah tabung bagi pertubuhan untuk orang-orang cacat juga dikenakan cukai walaupun mereka bukan pertubuhan yang bertujuan keuntungan, sedangkan Kerajaan mendakwa bahawa ia ingin mewujudkan suatu masyarakat penyayang.

Timbalan Menteri Kewangan

(Dato' Loke Yuen Yow): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, semua institusi atau organisasi di Malaysia dikenakan peraturan yang sama dengan diwajibkan memohon dahulu sebelum pelepasan cukai kepada penderma-penderma diberikan. Oleh itu, hanya derma wang tunai kepada institusi atau organisasi yang telah diluluskan oleh Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri di bawah Seksyen 44 (6) Akta Cukai Pendapatan 1969 atas permohonan dari institusi atau organisasi berkenaan

sahaja yang boleh diberi pelepasan cukai. Resit yang dikeluarkan oleh institusi atau organisasi ini hendaklah menunjukkan nombor rujukan Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri.

Ingin saya memaklumkan di Dewan yang mulia ini bahawa sebelum memberikan kelulusan, Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri akan meneliti sesuatu kes sehingga heliau berpuashati yang institusi ataupun organisasi tersebut telah mengikuti tafsiran undang-undang yang termaktub mengenai pcnubuhan institusi ataupun organisasi tersebut dan derma-derma yang diterima sebenarnya digunakan bagi tujuan-tujuan yang dinyatakan. Di antara syarat-syarat utama yang perlu dipenuhi ialah seperti berikut:

- (i) institusi, organisasi ataupun tabung mestilah memberi khidmat ataupun manfaat kepada orang ramai pada keseluruhannya dan manfaatnya tidak boleh terhad kepada sesuatu kumpulan yang tertentu sahaja;
- (ii) institusi atau organisasi bukannya sebuah institusi atau organisasi yang mencari keuntungan di mana bayaran dikenakan untuk perkhidmatan, mesti terdapat peruntukan bagi mengurangkan bayaran atau menghapuskan bayaran untuk kumpulan yang miskin dan berpendapatan rendah;
- (iii) institusi atau organisasi berkenaan mestilah untuk manfaat rakyat Malaysia sahaja, yang miskin dan memerlukan tanpa mengira kaum, bangsa dan agama.

Tuan Yang di-Pertua, dalam keadaan ini, pelepasan secara automatik tidak boleh diberikan. Ini adalah untuk mengelakkan penyelewengan oleh institusi atau organisasi yang diluluskan di bawah peruntukan tersebut yang

mungkm menggunakan derma-derma yang diterima untuk tujuan lain selain dari sepatutnya.

Mengenai institusi-institusi amal, mereka hendaklah memohon dahulu sebelum pengecualian cukai diberikan kepada institusi tersebut. Oleh itu hanya institusi-institusi amal yang memenuhi syarat-syarat yang terkandung di dalam perenggan 13, Jadual 6, Akta Cukai Pendapatan 1967 sahaja yang boleh diberikan pengecualian cukai. Di antara syarat-syarat yang ditetapkan ialah:

- (i) institusi khairat yang berkenaan ditubuhkan di Malaysia untuk tujuan-tujuan khairat dan menjalankan aktiviti-aktiviti khairat di Malaysia sahaja; dan
- (ii) institusi tersebut membelanjakan sekurang-kurangnya 70% daripada pendapatannya setiap tahun bagi tujuan khairat.

Semua permohonan untuk kelulusan hendaklah dibuat kepada Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:

Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sebagaimana yang telah dimaklumkan, kebanyakan institusi amal di Malaysia ini mendapat punca kewangan mereka daripada belas ehsan Kerajaan Negeri atau Kerajaan Pusat dan juga daripada pendapatan-pendapatan luar, tetapi dengan adanya requirement untuk meminta kebenaran dahulu sebelum menderma, ini telah menandatangani satu beban kepada institusi amat yang tertentu untuk mendapatkan derma daripada pihak luar, oleh kerana orang yang menderma itu mengharapkan untuk mendapat tax rebate, tetapi kalau dia kena meminta kebenaran dahulu dan menunggu sehingga kebenaran diterima dan baru dapat menderma, ini akan discourage orang yang hendak memberi derma kepada institusi yang tertentu. Jadi, dengan adanya keadaan ini, maka berlakulah satu di mana institusi amat itu tidak mendapat sokongan daripada pihak

luar dan sentiasa meminta bantuan dari pihak Kerajaan. Jadi, bagaimana pandangan Kementerian dalam soal ini?

Dato' Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kewangan memang scdar bahawa peraturan yang dikenakan oleh Kementerian saya ini akan mengakibatkan masalah ini. Tetapi seperti apa yang telah saya katakan tadi, Kerajaan mesti mewujudkan satu kontrol untuk memastikan dcрма-derma yang telah diterima oleh sesuatu pertubuhan sama ada pertubuhan itu pertubuhan amal atau tidak, bahawa derma-derma yang diterima itu akan digunakan untuk tujuan-tujuan yang ditetapkan di bawah Akta yang saya sebutkan tadi. Walau bagaimanapun, institusi-institusi amal yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat tadi hendaklah memohon dahulu walaupun ini akan mengakibatkan sedikit masalah. Tetapi saya tidak bersetuju bahawa ini akan menjejaskan pertubuhan tersebut bahawa mereka tidak mendapat sokongan daripada orang awam. Institusi-institusi amat ini cuma memohon dahulu dan menunggu sekejap dan Kementerian Kewangan akan menyasiat permohonan mereka dan memberi kelulusan secepat mungkin.

Dr Kua Kia Soong: Tuan Speaker, saya diberikan oleh dua organisasi, pertama oleh Dewan Perhimpunan Cina Selangor dan kedua Pertubuhan Orang Cacat Tionghua. Kedua-dua organisasi ini ada membuat permohonan kepada Jabatan Hasil Dalam Negeri berkali-kali sejak beberapa tahun dahulu, tetapi tiap-tiap kali permohonan tidak mendapat sambutan langsung dari Jabatan Hasil Dalam Negeri sedangkan kita tahu bahawa Dewan Perhimpunan Cina semata-mata menjalankan aktiviti-aktiviti sosial dan kebudayaan dan Pertubuhan Orang Cacat Tionghua menjalankan aktiviti untuk kepentingan ahli-ahli mereka sahaja. Bolehkah Timbalan Menteri menjelaskan?

Dato' Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, maafkan saya, saya tidak dapat memberikan komen secara tepat di atas apa yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat kerana kes-kes ini adalah kes spesifik dan kemungkinan ada syarat-syarat yang dikenakan oleh Jabatan Hasil Dalam Negeri yang mana institusi ataupun pertubuhan yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu tidak memenuhinya. Jadi, saya di sini cuma boleh mengatakan bahawa Dewan Perhimpunan Cina itu adalah suatu pertubuhan sosial. Jadi, dari segi Akta ini pelepasan cukai tidak boleh diberikan kepada penderma-penderma yang ingin menderma wang tunai kepada institusi ataupun pertubuhan seperti ini, oleh kerana kita mempunyai banyak pertubuhan yang lain. Jikalau Dewan yang tersebut itu ingin menubuhkan suatu tabung pendidikan atau tabung scholarship, dengan izin, dan sebagainya, Kementerian Kewangan boleh memberikan pertimbangan untuk tujuan yang spesifik, bukan tujuan yang begitu luas.

Mengenai Pertubuhan Orang Cacat Tionghua itu, dari segi Akta boleh diberikan tetapi seperti apa yang saya katakan tadi, kemungkinan ada syarat-syarat yang dikenakan oleh Kementerian Kewangan tidak dipenuhi oleh pemohon. Jadi, saya tidak tahulah kedudukan sebenar masalah kes itu. Kalau Ahli Yang Berhormat masih berminat, bolehlah meminta mereka menghubungi saya, saya akan memberikan pertimbangan semula.

HOSPITAL SULTANAH AMINAH, JOHOR—BAYARAN PESAKIT

12. Tuan Mohamed Khalid bin Nordin minta Menteri Kesihatan menyatakan secara purata pesakit luar yang mengunjungi Hospital Sultanah Aminah, Johor Bahru, setiap hari. Daripada jumlah tersebut berapa ramai di antara mereka yang terdiri daripada warganegara asing dan

nyatakan jenis-jenis bayaran yang dikenakan kepada pesakit-pesakit yang datang yang terdiri daripada warganegara asing dan sama ada bayaran tersebut berbeza dengan bayaran yang dikenakan kepada pesakit-pesakit tempatan.

Setiausaha Parliroen Kementerian Kesihatan (Dato' K. Kumaran): Tuan Yang di-Pertua, purata pesakit luar di Jabatan Pesakit Luar Am Hospital Sultanah Aminah Johor Bahru ialah sebanyak 600 pesakit sehari. Daripada jumlah itu, terdapat purata satu hingga dua pesakit warganegara asing setiap hari kecuali pada hari Ahad terdapat 20 pesakit warganegara asing.

Secara dasarnya Perintah Fee (Perubatan) 1982 membahagikan pesakit kepada dua kumpulan iaitu pesakit luar dan pesakit dalam. Pesakit luar dikehendaki membayar sama ada \$1.00 jika mendapatkan rawatan di Jabatan Pesakit Luar Am atau pesakit dikehendaki membayar \$5.00 jika mendapatkan rawatan di Jabatan Pesakit Luar (Pakar). Pesakit dalam, bayaran rawatan dikenakan mengikut tiga kelas wad iaitu Kelas Satu, Kelas Dua dan Kelas Tiga. Bayaran dikenakan adalah merangkumi caj-caj seperti berikut: caj wad, caj rawatan, caj siasatan termasuk pemeriksaan radiologi, ujian makmat dan siasatan lain-lain, caj pembedahan, caj pergigian, caj anggota tiruan dan caj-caj yang lain.

Bayaran yang sama dikenakan kepada semua pesakit luar am termasuk warganegara asing.

Tuan Abdul Malek Munip: Tuan Yang di-Pertua, soalan lambahan ini mengenai bayaran hospital. Kita memandang pertambahan pesakit bukan warganegara yang pastinya akan menjangkau kepada angka ribuan, kita ingin mengetahui sama ada Kerajaan ada berniat mengcnakan bayaran tambahan nominal untuk khidmat perubatan yang mereka nikmati.

Soalan yang kedua, dalam rangka menerapkan prinsip masyarakat penyayang, saya ingin bertanya sama ada mereka yang mengalami penyakit-penyakit terminal yang memerlukan rawatan seumur hidup, sungguhpun umur tak begitu panjang, bolehkah Kementerian mempertimbangkan skim bagi menolong mengurangkan pembiayaan perubatan sama ada secara langsung seperti dalam bentuk bantuan atau tidak langsung melalui penguangan cukai pendapatan.

Dato' K. Kumaran: Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan yang pertama, pada masa ini Kerajaan tidak bercadang uniuik meminda Akta Fee (Perubatan) 1982 untuk mengenakan lebih caj kepada warganegara asing.

Soalan yang kedua, akan ditimbangkan. (*Ketawa*)

KENAIKAN GAJI SEKTOR AWAM—KESAN KE ATAS EKONOMI NEGARA

13. Tuan Shahidan bin Kassim minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) kesan ke atas ekonomi negara dan kadar simpanan dalam negeri yang akan dihadapi sekiranya Kerajaan meluluskan kenaikan gaji kepada kakitangan sektor awam;
- (b) sama ada kenaikan ini akan juga melibatkan kakitangan awam di peringkat perkhidmatan Kerajaan Negeri, Pasukan Polis dan Pasukan Tentera; dan
- (c) sama ada kenaikan yang dicadangkan akan membolehkan pasukan keselamatan mengurangkan perletakan jawatan anggota-anggota cawangan teknikal mengambil pekerjaan di dalam sektor awam.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Othman bin Abdul): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semasa mengkaji dan seterusnya meluluskan kenaikan gaji baru kepada anggota sektor awam, Kerajaan memangnya telah meneliti dan memberi perhatian utama kepada kemampuannya untuk membayar, ability to pay, dengan izin, yang mana bergamung secara langsung kepada kedudukan kewangan serta prospek pertumbuhan ekonomi dan jangkaan kutipan hasil negara untuk masa hadapan. Ini bermakna kesannya ke atas ekonomi negara dan kadar simpanan dalam negeri seperti yang Ahli Yang Berhormat bangkitkan itu telahpun diambilkira semasa kajian tersebut dijalankan.

Kenaikan gaji yang telah diumumkan oleh Kerajaan pada 12-10-1991 yang lalu adalah untuk semua anggota sektor awam di peringkat Persekutuan termasuk anggota perkhidmatan Polis dan Tentera. Dalam pada itu, mengikut peraturan biasa, Kerajaan Persekutuan juga memperakukan supaya Sistem Saraan Baru ini diterimapakai oleh Pihak Berkuasa Negeri, Badan-badan Berkanun dan Kuasa-kuasa Tempatan untuk pelaksanaan secara keseluruhannya.

Memandangkan Sistem Saraan Baru yang telah diluluskan oleh Kerajaan itu merupakan satu tawaran gaji, elaun dan lain-lain kemudahan yang terbaik pernah diberikan oleh Kerajaan, adalah diharapkan ianya dapat mengurangkan perletakan jawatan bukan sahaja di kalangan anggota Cawangan Teknikal Pasukan Keselamatan tetapi juga bagi sektor awam secara keseluruhannya.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya telah diberitahu bahawa bayaran gaji yang telah diberitahu oleh pihak Kerajaan itu, pengeluarannya akan dibayar dengan peringkat-peringkat

Apakan rasional Kerajaan atas bayaran berperingkat-peringkat mi dengan lidak membayar arrears itu dengan sekali gus.

Tuan Othman bin Abdul: Tuan Yang di-Pertua, telahpun dijelaskan beberapa kali dalam Dewan yang mulia ini sama ada oleh Jabatan Perdana Menteri atau Kememerian Kewangan bahawa rasionalnya ialah kerana kita hendak mengawal inflasi yang kemungkinan berlaku apabila kita membayar semua sekali gus, maka sudah pasti edaran wang dalam masyarakat akan bertambah dan dcngan itu kadar inflasiakan naik. Sebab itulah Kerajaan lelah memuluskan bahawa bayaran saraan ataupun elaun ini akan dibayar mengikut peringkat-peringkat sehingga ke tahun 1993 kerana hendak mengawal sebahagian daripadanya, inflasi yang kemungkinan akan naik.

PENAGIH DADAH DI PUSAT SERENTI—KESAN PEMULIHAN

14. Tuan Haji ishak bin Arshad minta Menteri Dalam Negeri menyaiakan;

- (a) jumlah penagih dadah yang teah menjalani pemulihan di Pusat Serenti di seluruh negara dari tahun 1988-1990.
- (b) dari jumlah tersebut berapa ramaikah yang lelah pulih sepenuhnya yang kembali menagih semula dan yang telah kembali menjalani rawatan di Pusat Serenti; dan
- (c) sejauh manakah bimbingan dan bantuan telah diberikan kepada bekas-bekas penagih oleh pihak Kementerian.

Setiausaha Pariimen Kementerian Dalam Negeri (Tuan Ong Ka Ting); Tuan Yang di-Pertua, untuk rnenjawab bahagian:

- (a) scramai 3,762 pelatih telah tamat tempoh rawatan dan pemulihan

di instilusi dalam tempoh dari tahun 1988-1990.

- (6) (i) dari jumlah itu bilangan yang menagih semula seramai 1,399.
- (ii) yang masuk semula ke Pusat Serenti ialah seramai 844 pelatih.
- (c) bimbingan dan bantuan sokongan yang diberikan kepada pelatih-pelatih yang dibebaskan dari Pusat Serenti adalah seperti berikut:
- (i) menyediakan program jagan lanjutan bagi lempoh dua tahun;
- (ii) menyediakan Pusat Jagaan Lanjutan bagi tempoh enam bulan bagi mereka yang mengalami masalah tempat tinggal dan sosial;
- (iii) Dalam tempoh ini mereka diberi bantuan bimbingan, nasihat, sokongan dan susulan perkembangan reintegrasi oleh:
- Pcgawai Pemulihan Dadah; Keluarga;
- Badan sukarela seperti PENGASIH (Pertubuhan Bekas Penagih), Jawatan-kuasa Pemulihan Dadah dan PEMADAM. Bantuan Pelancaran bagi mereka yang menunjukkan minat dan kebolehan.

Datin Ling Chooi Sieng: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah ujian dijalankan kepada semua penagih dadah itu untuk memastikan sama ada mereka dijangkiti oleh AIDS. Kalau tidak, adakah ini bermakna mereka semua bebas daripada penyakit itu? Kalau ya, berapa orang yang disyaki telah dijangkiti—saya ingin tahu bilangan secara kasar.

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, memang pihak Pusat Serenti ada menjalankan ujian dan memastikan bahawa mereka itu adalah bebas daripada AIDS. Mengenai bilangan yang ada tidak dapat saya beri sekaian dan saya pohon notis. Yang dapat saya berikan ialah bilangan mereka yang berada di Pusat Serenti yang bebas daripada AIDS hanyalah segolongan kecil sahaja.

Dato' Alias bin Md. Ali: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Daripada jawapan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi, jelas menunjukkan bahawa ramai yang balik semula ke Pusat Serenti selepas dirawati di situ dan ramai pula yang menagih dadah semula selepas menerima rawalan.

Soalan saya, kenapa kejadian ini berlaku, adakah ia berpunca daripada latihan yang tidak sempurna di dalam pusat-pusat yang berkenaan, dan kalau ini benar, adakah hendak dikaji semula kurikulum latihan di pusat-pusat tersebut dan juga melanjutkan tempoh tahanan penagih-penagih di situ?

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya terdapat kemajuan yang baik dari segi peratusnya bilangan penagih yang menagih semula kalau dibandingkan dengan dahulu, sekarang dengan tertubuhnya Pusat Jagaan Lanjutan, bilangan penagih yang menagih semula telahpun ditingkatkan sehingga 37.2% sepertimana angka yang telah saya sebutkan itu tadi.

Sistem pemulihan di negara kita ini adalah satu sistem yang paling baik. Ini adalah diiktiraf oleh badan sedunia, bukan kita sendiri yang memberi kepujian untuk kita sendiri. Maka oleh kerana itu, latihan kita ini dianggap sempurna dan tidak payah kita tukar kurikulum ataupun melanjutkan masa.

Apa sebab yang sebenarnya mereka ini menagih semula, faktor yang paling utama ialah bagaimana masyarakat

menerima mereka masuk semula, terutamanya ibu bapa, rakan-rakan ataupun saudaranya apabila penagih ataupun bekas penagih ini keluar, adalah penting untuk ahli keluarga terutamanya dapat menerima mereka dengan baik dan selalu memberi sokongan moral dan sebagainya.

Di samping itu, masyarakat umum juga diseru supaya memberi peluang kepada mereka terutamanya kerja, keyakiaan dan sebagainya. Kalau sekimya mereka berada di masyarakat umum, di mana mereka tidak menerima layanan yang baik ataupun dari segi sikap orang ramai terhadap mereka tidak cukup menggalakkan, maka itulah menjadi satu faktor yang akan mengakibatkan mereka menagih semula. Ini adalah satu perkara yang kita kena ambil perhatian.

SISTEM BANKING MENGIKUT ISLAM

15. Tuzn Haji Abdul Hadi bin Haji Awang minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) apakah kriteria-kriteria yang diambil kira dalam meluluskan kebenaran kepada mana-mana pihak untuk melaksanakan Sistem Banking mengikut Islam;
- (b) berapakah syarikat-syarikat kewangan yang telah memohon kebenaran daripada pihak Kerajaan; dan
- (c) jumlah yang telah diluluskan dan tidak diluluskan serta sila berikan sebab-sebabnya.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Abdul Ghani bin Othman):
Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Pemberian lesen bagi sesebuah bank yang ingin beroperasi

mengikut lunas-lunas Islam adalah diasaskan kepada kriteria-kriteria seperti berikut:

- (i) syarikat berkenaan hendaklah diperbadankan sebagai sebuah syarikat di bawah Akta Syarikat 1965;
- (ii) operasi bank hendaklah dijalankan mengikut lunas-lunas Islam sepenuhnya;
- (iii) ia perlu mematuhi Akta Bank Islam 1983 dan Peraturan-peraturan Pengawasan oleh Bank Negara Malaysia;
- (iv) ia hendaklah menubuhkan Majlis Pengawasan Syariah untuk menentukan bahawa aktiviti perniagaannya berjalan mengikut lunas-lunas Syarak.

Tuan Yang di-Pertua, untuk soalan (b) dan (c), Kerajaan telah membekukan pengeluaran lesen-lesen baru bagi institusi-institusi kewangan berlesen termasuk bank-bank dan syarikat kewangan sejak pertengahan tahun 80an.

Ini adalah memandangkan bahawa bilangan bank yang sedia ada didapati sudah mencukupi untuk menampung keperluan orang ramai dan pada masa ini Kerajaan menggalakkan institusi-institusi yang sedia ada agar meluaskan rangkaian cawangan mereka bagi meningkatkan kemudahan bank kepada orang ramai di negara ini.

Dengan yang demikian, soal penerimaan permohonan-permohonan yang dilulus dan permohonan yang ditolak adalah tidak berbangkit kerana aktiviti pemerosesan bagi permohonan baru adalah tidak wujud pada masa ini.

Walau bagaimanapun, sebagai langkah untuk meluaskan lagi perkhidmatan bank secara Islam di negara ini, Kerajaan bercadang untuk membenarkan institusi-institut kewangan yang sedia ada membuka kaunter bank secara Islam bagi

memberi perkhidmatan pilihan kepada pelanggan-pelanggan mereka yang ingin berurusan mengikut lunas-lunas Islam.

Cadangan tersebut akan dilaksanakan melalui pindaan ke atas Akta-akta yang berkenaan nanti. Dengan demikian, pembekuan lesen baru bagi penubuhan bank yang berkuatkuasa sekarang ini tidak akan menjejaskan perkembangan perkhidmatan bank secara Islam di negara ini.

Tuan Wahab bin Suhaili: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sejak PAS memerintah Negeri Kelantan, adakah Kerajaan Pusat menerima permohonan daripada Kerajaan Negeri Kelantan untuk membuka bank secara Islam ini dan kalau ada sepertimana yang telah dinyatakan oleh Timbalan Menteri tadi, apakah permohonan ini sekiranya sampai ke satu masa nanti akan diberi perhatian?

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, pada pengetahuan saya, tidak ada permohonan daripada parti PAS hingga kini. (*Tepuk*).

Tetapi kita semua sedia maklum bahawa pemimpin-pemimpin PAS sudahpun menerima dengan sebulat hati terhadap amalan institusi-institusi kewangan cara Islam. Dan kalau mana-mana pihak hendak memohon lesen baru, kalau dibuka permohonan untuk mewujudkan institusi kewangan Islam pada masa-masa yang akan datang, termasuk daripada sumber PAS Islam, kita boleh pertimbangkan sekiranya bukan untuk mjuan mempolitikkan institusi-institusi tersebut.

PELANCONG MELAWAT MALAYSIA—JUMLAH

16. Tuan Ahmad bin Omar minta Menteri Kebudayaan, Keseniaan dan Pelancongan menyatakan:

- (a) sehingga akhir bulan Ogos 1991 ini berapakah jumlah pelancong yang melawat negara ini;

- (b) jika mengikut negara asal pelancong, dari negara manakah pelancong yang teramai;
- (c) jumlah hitung panjang perbelanjaan sehari dan lama masa mereka tinggal di sini; dan
- (d) tidakkah kadar bayaran hotel yang semakin tinggi di negara ini menjejaskan kemasukan pelancong-pelancong ke negara ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan (Dato' Abdul Raman bin Suliman): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Analisa Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan ke atas data Jabatan Imigresen Malaysia menunjukkan jumlah pelancong asing yang mengunjungi Semenanjung Malaysia bagi tempoh bulan Januari hingga Ogos 1991 adalah seramai 3.6 juta orang.
- (b) Dari data Jabatan Imigresen Malaysia, jumlah pelancong asing mengikut negara yang mengunjungi Semenanjung Malaysia bagi tempoh bulan Januari hingga Ogos 1991 ialah:

<i>Negara</i>	<i>Orang</i>
Singapura	2.1 juta
Thailand	338,968
Jepun	254,670
United Kingdom/ Ireland	103,878
Indonesia	98,499
Taiwan	95,569

- (c) Untuk tahun 1991 hitung-panjang perbelanjaan pelancong sehari di Semenanjung Malaysia ialah \$146.3 dan hitung-panjang tempoh tinggal bagi pelancong-pelancong di Semenanjung Malaysia ialah 4.6 malam.
- (d) Berdasarkan kepada kajian yang telah dibuat didapati peningkatan kadar bayaran hotel di Malaysia

tidak menjejaskan kemasukan pelancong-pelancong ke negara ini. Hasil daripada kajian perbandingan kadar bayaran hotel di bandar-bandar utama di negara-negara ASEAN menunjukkan berbanding dengan kadar di Malaysia purata bayaran hotel di bandar-bandar utama di Malaysia masih merupakan yang paling murah di rantau ini.

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Yang di-Pertua, pelancongan memang baik jikalau ia merupakan sumber pendapatan tambahan kepada Kerajaan dan rakyat Malaysia ini. Tetapi adakah Kementerian berkenaan menjalankan apa-apa kajian terhadap kesan yang negatif kepada masyarakat tempatan dari segi kos kehidupan seharian untuk rakyat tempatan, sama ada sewa rumahkah, sewa bilik hotelkah atau makanankah, semua naik akibat daripada kemasukan pelancong-pelancong, contohnya dari Singapura ke Johor Bahru sahaja. Walaupun dari segi macro economics memang negara kita untung, tetapi dari segi orang yang berpendapatan sederhana ataupun rendah sahaja, ia menjadi satu beban yang lebih besar dan juga menjadi sumber inflasi kepada ekonomi tempatan kita. Adakah kajian ini dijalankan dan bagaimanakah masalah ini akan dikendalikan?

Dato' Abdul Raman bin Suliman: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini, Kementerian belum lagi membuat kajian mengenai perkara tersebut disebabkan oleh kedatangan petancong. Walau bagaimanapun, pada umumnya bahawa kenaikan harga bukan sahaja disebabkan oleh kedatangan pelancong tetapi juga disebabkan oleh kerana seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat jika dibandingkan barangan di Johor Bahru, umpamanya, kedatangan hampir keseluruhan orang-orang Singapura ke Johor Bahru bukan kerana bertujuan untuk melancong tetapi untuk membeli ataupun menjalankan urusanniaga kerana barang di tempat tersebut adalah lebih

murah. Pada pandangan Kementerian, dari keseluruhan industri pelancongan ini, ia lebih mendatangkan banyak kebaikan daripada kesan negatif kerana dengan adanya industri pelancongan ini, ia juga memberi tambahan kepada pertumbuhan ekonomi dan juga kepada keperluan gunatengah di dalam negara kita, bukan sahaja kepada industri pelancongan tetapi industri-industri sampingan yang lain.

Dato' Alias bin Md. Ali: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dan pada jawapan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sebentar tadi menunjukkan bahawa lebih 60% daripada orang yang datang melancong ke negara kita ialah orang-orang Singapura, manakala daripada negara-negara lain bilangannya amat kecil. Walaupun kita berterima kasih atas usaha pihak Kementerian selama ini menggalakkan pertumbuhan perusahaan pelancongan, bolehkah Yang Berhormat menerangkan kepada Dewan yang mulia ini apakah langkah-langkah selanjutnya yang telah diambil dan akan diambil oleh pihak Kementerian bagi mendapatkan lebih ramai pelancong-pelancong daripada negara-negara bukan jiran datang ke negara ini, terutama negara-negara yang rakyatnya banyak duit macam di Timur Tengah?

Soalan kedua, saya juga ingin tahu mengapa orang-orang daripada Timur Tengah lebih suka pergi melancong ke Bangkok daripada melancong ke Kuala Lumpur?

Dato' Abdul Raman bin Suliman: Tuan Yang di-Pertua, pertama saya hendak beritahu Dewan ini mengenai takrif "pelancong" itu sendiri. Mengikut takrif Kementerian, mereka yang dianggap sebagai pelancong ialah mereka yang datang dan menginap ataupun bermalam di negara kita. Jadi bagi Singapura, pertama saya hendak ingatkan, kalau dari segi pelawat ianya bukan setakat itu, lebih daripada jumlah itu kerana mereka ada yang berulang-alik (day trippers), maknanya yang

datang itu dan balik, tidak bermalam. Itu kita tidak anggap sebagai pelancong.

Dari segi kajian yang telah dibuat mengenai industri pelancongan ini, ia adalah merupakan sebagai satu perkara biasa di seluruh dunia. Di mana-mana negara pun pelancong-pelancong yang ramai datang ialah negara jiran. Umpamanya bagi Negeri Thai, pelancong yang ramai datang dari Malaysia. Begitu juga Malaysia yang amat datang dari Singapura. Amerika pun begitu juga, umpamanya di California, yang ramai datang ke California ialah mereka dari California. Di mana-mana pun begitu. Memang negara jiran adalah merupakan sebagai satu fenomena biasa bagi kedatangan pelancong-pelancong.

Mengenai soalan kedua Yang Berhormat supaya kita menarik lebih ramai pelancong-pelancong. Memang dari segi galakan (promotion) yang kita buat, sepertimana yang saya maklumkan dan begitu juga Yang Berhormat Menteri maklumkan di dalam Dewan ini, iaitu dalam galakan pelancongan kita ke luar negeri, kita bahagikannya kepada tiga strategi. Strategi pertama kita ialah kepada negara-negara utama yang mana kita memikirkan dari segi pemasaran bahawa penggalakan yang lebih kerap kita buat kepada negara-negara tersebut akan menyebabkan ramai pelancong-pelancong negara tersebut datang ke negara kita. Umpamanya, dalam kategori pertama bagi Kementerian, termasuklah negara yang disebutkan oleh Yang Berhormat, iaitu negeri Jepun umpamanya, kemudian U.K., U.S. dan sebagainya. Bagi negara Timur Tengah, memang sekarang ini kita akan pergi kepada negara Timur Tengah tetapi pada ketika ini dari segi keutamaan kita, kita tidak menggalakkan di Timur Tengah kerana masalah bila kita membuat promotion, kita tidak mahu promotion itu tidak mendatangkan kesannya disebabkan dari segi pengangkutan atau perhubungan. Umpamanya, di antara

kita dengan Timur Tengah pada selakat ini dari sudut pengangkutan kebangsaan kita, ia tidaklah merupakan tempat utama pada ketika ini.

Tuan Yang di-Pertua: Masa soal-jawab sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 1, 2, 5, 6, 17 dan 18 adalah diberi di bawah ini).

MAKTAB RENDAH SAINS MARA—PENGAMBILAN PELAJAR

1. Tuan Saidin bin Adam mmta Menteri Perusahaan Awam menyatakan adakah benar bahawa MARA tidak lagi mengambil pelajar-pelajar masuk ke Tingkatan Satu untuk Maktab Rendah Sains MARA (MRSM). Jika benar, tidakkah tindakan ini merugikan dan mengurangkan peluang pelajar-pelajar di luar bandar untuk memasuki sekolah berasrama penuh yang lengkap dengan berbagai kemudahan.

Timbalan Menteri Perusahaan Awam (Dato' Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman): Adalah tidak benar bahawa MARA telah memberhentikan langsung dari mengambil pelajar-pelajar ke Tingkatan Satu untuk Maktab Rendah Sains MARA. Berasaskan keperluan dan keadaan-keadaan yang khusus, pengambilan pelajar-pelajar Tingkatan Satu sebenarnya masih diteruskan di beberapa buah MRSM pada masa ini.

Soal merugikan dan mengurangkan peluang pelajar-pelajar dari luar bandar untuk memasuki MRSM sebenarnya tidak timbul oleh kerana MARA memperuntukkan lebih kurang 80% daripada tempat-tempat kepada pelajar-pelajar yang berkelayakan dari luar bandar dan separuh bandar.

**JUALAN TIKET BULANAN DI
PEJABAT JAMBATAN
PULAU PINANG**

2. Tuan Lim Hock Seng minta Menteri Kerja Raya menyatakan sama ada beliau sedar bahawa orang ramai terpaksa menunggu berjam-jam untuk mendapat tiket bulanan di pejabat Jambatan Pulau Pinang:

- (a) apa langkah yang sesuai boleh diambil untuk menjimatkan masa orang ramai; dan
- (b) bolehkah tiket bulanan serupa ini dibenarkan dijual di pejabat-pejabat agensi Kerajaan seperti Pejabat Pos dan lain-lain.

Tuan Kerk Choo Ting:

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Lembaga Lebuhraya Malaysia senantiasa menyelia keadaan penjualan tiket bulanan di pejabat Jambatan Pulau Pinang. Pada hari-hari biasa, pengguna-pengguna Jambatan Pulau Pinang boleh membeli buku tiket tol dengan senang, lanpa menunggu lama. Walau bagaimanapun, lazimnya bagi dua atau tiga hari dalam sebulan terdapat ramai pembeli yang datang pada masa yang sama dan inilah yang menyebabkan kesesakan di kaunter jualan tiket tol.

Untuk makluman Yang Berhormat, langkah-langkah berikut telah diambil oleh Lembaga Lebuhraya Malaysia untuk mengatasi kejadian kesesakan di kaunter;

- (i) tarikh sahlaku untuk tiket tol yang dijual pada hari-hari tertentu dicop lebih awal supaya dapat menjimatkan masa pada hari jualan;

- (ii) menempatkan dua orang pegawai di kaunter jualan tiket tol untuk menyejajarkan lagi jualan tiket tol;

- (iii) mengambil tempahan daripada syarikat-syarikat yang membuat pembelian tiket yang banyak; dan

- (iv) menambahkan waktu jualan tiket tol selepas waktu pejabat (sehingga 5.30 petang) pada hari-hari Isnin, Rabu dan Sabtu supaya pembeli boleh membuat pembelian tiket tol dengan lebih senang dan selesa.

Di samping langkah-langkah di atas, Lembaga Lebuhraya Malaysia akan menyediakan sebuah komputer persendirian di kaunter jualan untuk mempercepatkan urusan di kaunter.

- (b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan tidak bercadang untuk menjual tiket tol di lain-lain tempat selain dari pejabat Jambatan Pulau Pinang.

**TELAGA MINYAK DI PERAIRAN
MALAYSIA/VIETNAM**

5. Tuan Haji Buniyamin bin Yaakub minta Perdana Menteri menyatakan adakah benar telaga minyak telah dijumpai oleh pihak Carigali di perairan sempadan Malaysia/Vietnam. Jika benar, sudahkah operasi penggaliannya dimulakan.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Wong See Wah): Di perairan sempadan Malaysia dan Vietnam, memang terdapat blok eksplorasi minyak yang telah ditawarkan oleh PETRONAS kepada kontraktor-

kontraktor berkenaan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat ini belum ada lagi penemuan minyak yang membolehkan pengeluaran atau operasi secara komersil.

FILEM KELUARAN NEGARA

6. Dato' Haji Mohammad Abu Bakar bin Rautin Ibrahim minta Menteri Penerangan menyatakan:

- (a) adakah Kerajaan sedar filem keluaran negara ini tidak memfokuskan kemajuan, pembangunan, pemandangan menarik dan unsur-unsur positif yang boleh menarik perhatian penonton luar negara; dan
- (b) adakah Kerajaan sedar kurangnya filem yang bermutu tersebut disebabkan kurangnya pengarah-pengarah dan penulis filem yang berkebolehan dan mernpunyai wawasan yang ke hadapan; dan
- (c) adakah Kerajaan bercadang menghantar pengarah-pengarah dan penulis filem menjalankan latihan di luar negara selain dari pelakon-pelakon yang kurang membantu pembangunan industri filem.

Timbalan Menteri Penerangan (Tuan Ralley bin Haji Jaffrey):

- (a) Filem-filem keluaran negara ini, sepertimana juga filem-filem keluaran negara lain, adalah hasil kerja kreatif dan seni. Pendekatan mengeluarkan filem-filem cerita rekaan atau "cereka" adalah berbeza berbanding dengan pendekatan mengeluarkan filem-filem dokumentari. Sementara filem-filem cereka memfokuskan elemen-elemen drama atau tragedi yang terdapat di dalam masyarakat, filem-filem

dokumentari lazimnya memfokuskan mengenai isu-isu khusus atau bidang-bidang tertentu.

Sungguhpun peranan filem cereka lebih untuk menawan perasaan dan mengusik emosi penonton, tetapi ia masih boleh memaparkan aspek-aspek kemajuan, pembangunan, pemandangan indah dan sebagainya secara tidak langsung. Ini berbeza dengan pendekatan filem dokumentari yang memaparkan isu atau bidang tertentu secara langsung tetapi kadangkala mampu juga menawan perasaan dan mengusik emosi penonton.

Kerajaan mendapati hampir kesemua filem-filem cereka negara ini secara tidak langsung memaparkan aspek-aspek positif yang dimaksudkan, lagipun filem-filem cereka yang memfokuskan aspek-aspek positif secara langsung tidak akan diminati oleh penonton, lebih-lebih lagi bagi penonton luar negara yang sangat kritis pemikirannya.

- (b) & (c) Kerajaan memang sedar dan masih belum berpuas hati terhadap mutu filem-filem tempatan yang dikeluarkan, sungguhpun akhir-akhir ini telah ada tanda perubahan positif dengan penglibatan karyawan generasi baru. Keadaan yang belum menggalakkan ini dapat diukur dari pencapaian pungutan tiket di pawagam-pawagam tempatan dan dari pencapaian di festival-festival filem antarabangsa yang ada "competitive component".

Kerajaan juga sedar terdapat banyak elemen yang menyebabkan keadaan ini. Antara elemen-elemennya ialah masalah pembiayaan, kematangan dan kemahiran para artis dan karyawan, kemudahan latihan dalam bidang perfileman dan kekurangan penulis-penulis skrip dan lakonlayar yang bermutu. Di samping itu, ada juga masalah pemameran dan saingan dari program televisyen dan filem asing yang diimport.

Menyedari kekurangan inilah maka Kerajaan melalui FINAS telah memberi perhatian utama terhadap program latihan perfileman terutamanya bagi para penulis dan pengarah filem. Kini Akademik Filem Malaysia telahpun beroperasi selama 3 tahun menanamkan ilmu perfileman kepada pelajar-pelajarnya. Kita akan dapat melihat kemasukan graduan akademi ini ke dalam industri filem tempatan mulai 1991 dan insya Allah, hasil kerja kreatif mereka yang lebih bermutu selanjutnya.

Selain dari Akademi Filem, Kementerian Penerangan, melalui agensinya FINAS, terus menyediakan kemudahan latihan bagi para karyawan yang sedang mempraktikkan profesion mereka. Kemudahan ini termasuklah latihan melalui bengkel-bengkel sepanjang tahun, memberi pinjaman pelajaran di institusi filem di luar negara dan memberi pemberian langsung terhadap projek-projek berkaitan perfileman yang tidak

bermotif perniagaan tetapi bercorak pendidikan dan pembangunan.

KOMPLEKS MAHKAMAH DI SEREMBAN

17. Tuan Yim Chee Chong minta Menteri Kehakiman menyatakan sama ada Kementerian bercadang untuk mendirikan bangunan yang baru bagi Mahkamah Tinggi Seremban, Negeri Sembilan Darul Khusus.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman (Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar): Kementerian memang ada merancang untuk mendirikan sebuah kompleks mahkamah di Seremban mengandungi Mahkamah Tinggi, Mahkamah Sesyen dan Mahkamah Majistret. Permohonan untuk mendapatkan tapak untuk kompleks telah dibuat dan dikemukakan untuk pertimbangan oleh pihak berkuasa Kerajaan Negeri Sembilan Darul Khusus.

PROJEK PERINDUSTRIAN DI KAWASAN BATU

18. Dr Tan Seng Giaw minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) apakah yang terjadi dengan projek untuk mengadakan kawasan perindustrian di kawasan Batu. Setakat ini, berapakah kawasan perindustrian yang telah dikenalpasti dan dilaksanakan di Wilayah Persekutuan; dan
- (b) apakah langkah-langkah yang sedang dan akan diguna untuk menempatkan semula industri-industri dari kawasan-kawasan bukan industri pada amnya di Wilayah Persekutuan dan khususnya di kawasan Kepong dan Jinjang. Apakah bilangan industri-industri ini di setiap kawasan berkenaan.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Drs Suleiman bin Mohamed):

- (a) Pelan perancangan gunatanah bagi tapak perindustrian di kawasan Batu telah diberi kelulusan dasar dan pihak Malaysia Industrial Estate Limited (MIEL) selaku pemaju projek ini sedang menyiapkan pelan bangunan dan program perlaksanaan.

Setakat ini beberapa kawasan baru telah dikenalpasti bagi pembangunan industri kecil dan sebahagian darinya telahpun menjalankan kerja-kerja pembangunan iaitu di kawasan-kawasan seperti berikut;

- (i) Bandar Tun Razak;
- (ii) Kepong;
- (iii) Kg. Pakar, Jalan Sungai Besi;
- (iv) Kawasan Perindustrian Jalan Kuchai Lama; dan
- (v) Kawasan Perindustrian Batu.

- (b) Dewan Bandaraya Kuala Lumpur juga sedang menyediakan perancangan jangka panjang bagi melaksanakan program penempatan dan penyusunan semula industri di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Usaha-usaha mencari tapak-tapak yang sesuai untuk pembangunan industri juga diteruskan. Pembangunan kawasan di Kepong yang diusahakan oleh BH. Realty Sdn. Bhd. akan dapat menampung sebilangan besar industri-industri yang terlibat dengan pemindahan. Tapak yang dikosongkan akan dimajukan semula mengikut kesesuaian gunatanah kawasan sekitar.

Bilangan industri setinggan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur mengikut kawasan adalah seperti berikut:

Kawasan Pusat Bandar	12
Jinjang	403
Sentul	11
Setapak	40
Wangsa Maju	23
Datuk Keramat	18
Maluri	58
Bukit Anggerik	30
Bandar Tun Razak	75
Seputih	251
Bukit Indah	375
BukitJalil	16
Penchala	2
Chan Sow Lin	12
Jumlah:	<u>1,326</u>

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG PERBEKALAN 1992

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN 1992

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas "Rang Undang-undang Perbekalan 1992 dan Anggaran Pembangunan, 1992 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis." (*Hari Keduabelas*)

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

*Maksud B.43 (Jadual)—
Maksud P.43 (Anggaran Pembangunan,
1992)—*

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, Kepala Bekalan B.43 dan P.43 di bawah Kementerian Kehakiman terbuka untuk dibahas. Jelutong.

3.38ptg.

Tuan R. Karpal Singh (Jelutong): Tuan Pengerusi, saya menyentuh Maksud Bekalan 43, Kementerian Kehakiman, Butiran 020000 dan 030000 dan saya akan bangkitkan isu-isu ini sekaligus.

Tuan Pengerusi, jawatan Menteri Kehakiman yang dukacitanya tidak ada di sini hari ini, apa yang terjadi ialah tugas-tugas yang ditanggungjawabkan oleh seorang Menteri adalah diberi kepada minor officials.

Setiausaha Parlimen Kementerian masing-masing adalah diberi kewajipan untuk menjawab apa yang menjadi tugas utama Menteri-menteri. Dalam masa lampau tidak ada ramai Menteri dalam Dewan yang mulia ini. Sekarang pun ada juga seorang yang duduk di sana. Ini menjadi satu tanda yang tidak baik bagi negara oleh kerana kepentingan-kepentingan nasional diketepikan, Itu adalah apa yang terjadi hasil perbuatan Menteri-menteri ini yang tidak hadir di Dewan yang mulia ini.

Kewajipan-kewajipan Menteri Kehakiman, Yang Arif Tuan Hakim (*Ketawa*)-*minta* maaf, tetapi tugas Tuan Speaker sebagai Pengerusi pun serupa sebagai seorang Yang Arif Tuan Hakim. Masa dahulu Yang Arif, saya ada bertindak dalam Mahkamah; Yang Arif pun dipanggil "Yang Arif", Yang Arif. (*Ketawa*)

Baru-baru ini, Tuan Pengerusi, dalam Perhimpunan Agung UMNO bulan

dahulu Majlis Peguam ada dikatakan oleh ramai pemimpin-pemimpin dalam Majlis itu sebagai satu musuh—musuh di antara lain, raja-raja Melayu bagi negara ini.

Tuan Douglas Uggah Embas: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Ya, Yang Berhormat bangun atas apa, Yang Berhormat?

Tuan Douglas Uggah Embas: Point of order, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Point of order, ya?

Tuan Douglas Uggah Embas: Peraturan Mesyuarat 36(1): "Seseorang Ahli hendaklah menghadkan percakapan kepada perkara yang dibincangkan sahaja dan tidak boleh mengeluarkan apa-apa perkara yang tidak berkait dengan perkara yang dibincangkan." Yang Berhormat dari Jelutong tadi berbincang mengenai Majlis Peguam, Majlis Peguam bukan dalam Kementerian Kehakiman. Jadi, saya rasa dia tidak perlu bincang, jangan buang masa!

Tuan R. Karpal Singh: Saya bukan buang masa, awak yang buang masa tadi! (*Ketawa*) Tidak dengar dengan penuh apa yang saya akan katakan. Saya kata ini dalam konteks Menteri Kehakiman kita sekarang. Pada satu masa dalam Majlis Peguam tahun 1988 dan Yang Berhormat dari Kok Lanas ada di sini, Menteri Kehakiman ini dalam mesyuarat tergepar Majlis Peguam ada menyokong satu usul mengenai Tun Salleh Abas. Tahun 1988, semasa itu saya di bawah tahanan ISA, tetapi apa yang dibangkang oleh rakan saya dari Kok Lanas dan beliau boleh confirm apa yang saya kata sekarang. Menteri Kehakiman ini apabila usul yang menyokong Tun Salleh Abas dibentangkan—bukan satu cangan naik, tetapi kedua-dua tangan! (*Ketawa*)

Apa yang saya difahamkan, adakah itu betul? (*Ketawa*) Dia jad: Menteri Kehakiman kita sekarang dan dalam konteks itu Majlis Peguam....

Tuan Douglas Uggah Embas: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, Yang Berhormat bangun pula atas apa?

Tuan Douglas Uggah Embas: -Atas point of order tadi, Tuan Pengerusi, kerana saya rasa apa yang dibincangkan oleh Yang Berhormat itu terkeluar dari butiran-butiran yang kita bincang pada hari ini.

Tuan Pengerusi: Ya, tetapi soal ini. . .

Tuan Douglas Uggah Embas: Dan itu juga dasar.

Tuan Pengerusi: Dia berucap di atas apa kerja ataupun tugas Menteri Kehakiman sekarang, (*Tepuk*) saya tidak boleh melarang dia.

Tuan R. Karpal Singh: Tuan Pengerusi, sikap Menteri ini adalah satu sikap yang tidak bertanggungjawab. Masa itu menyokong usul Tun Salleh Abas oleh kerana dia bukan berada dalam "main string" politik UMNO. Barangkali ada cuba menyokong Team B, sebab itu pada satu masa tidak dapat peluang untuk bertanding dalam pilihanraya tahun 1986. Pada tahun 1990 beliau ada satu petuang. Sekarang dia menukar sikap. Jikalau Menteri ini menjadi Ahli Kabinet sebagai Menteri, sikap tidak ikhlas, bolehkah kita menerima Menteri ini sebagai seorang yang bertanggungjawab kepada Kementerian Kehakiman? Dukacita, Tuan Pengerusi, dia tidak ada di sini hari ini, oleh kerana apa saya pun tidak tahu.

Kelmarin apabila saya ada membangkitkan dan membahaskan anggaran-anggaran mengenai Kementerian Dalam Negeri, beliau ada masuk dalam dan saya

ada bercakap, "Ha, Menteri Kehakiman pun sudah masuk, good!" Barangkali oleh kerana itu dia tidak berani untuk hadir hari ini.

Mengenai Majlis Peguam, jikalau orang ini sehingga sekarang ini masih menjadi Ahli Majlis Peguam, dan boleh kekal sebagai Menteri Kehakiman, itu adalah tidak baik untuk kepentingan negara.

Tuan Pengerusi, cubaan ada dibuat oleh UMNO untuk menghapuskan Majlis Peguam....

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, ini tidak ada dalam butiran-butiran. Khusus berkenaan dengan Majlis Peguam sahaja tidak ada dalam butiran-butiran.

Tuan R. Karpal Singh: Jikalau begitu, cubaan ada dibuat. Pagi ini saya baca dalam suratkhbar mengenai course CLP di mana Majlis Peguam ada membuat satu percubaan untuk mengambil course CLP ini. Tidak diberi kepada Majlis Peguam, tetapi diberi kepada Universiti Malaya. Ini merupakan satu tanda membalas dendam oleh Menteri ini atas Majlis Peguam.

Lagi satu perkara yang saya ingin bangkitkan adalah mengenai perlantikan Pesuruhjaya Kehakiman. Kerap kali perkara ini ada dibangkitkan dalam Dewan yang mulia ini oleh kerana ini menjadi satu tajuk penting yang harus dibangkitkan. Masa dahulu Tuan Pengerusi pun ada dilantik sebagai Hakim di bawah peruntukan Perlembagaan, tetapi mengapa selepas tahun 1970an, orang yang dilantik bukan Hakim? Orang yang dilantik pertama kali adalah Pesuruhjaya Kehakiman (Judicial Commissioners). Oleh kerana apa?

Pada fikiran saya, Tuan Pengerusi, ini adalah oleh kerana Kerajaan tidak ada kepercayaan kepada seseorang yang dilantik sebagai Hakim. Jikalau seorang dilantik sebagai Hakim, beliau tidak

bolch dipecat dari jawatan itu kecuali mengikut Perlembagaan oleh satu thbunal, ada judicial misconduct. Baru-baru ini ada seorang yang telah dilantik sebagai Hakim telah dipecat. Apa yang ada sekarang ialah, Judicial Commissioners. Saya boleh bandingkan keadaan ini dengan apa yang ada dalam pasukan Polis—seorang dilantik sebagai auxillary inspector. Kerajaan mahu masa dua tahun dan perlantikan ini adalah untuk dua lahun yang boleh diperbaharui jikalau perlu.

Kerajaan hendak dapat tahu adakah orang yang dilantik sebagai Judicial Commissioner ini seorang yang boleh dipercayai untuk memberi keputusan-keputusan bagi Kerajaan. Itu tujuannya. Di mana ada independence of the Judiciary, jikalau seseorang yang dilantik sebagai Judicial Commissioner, dan seperti yang Tuan Pengerusi sedar, tugas-tugas dan kuasa-kuasa yang diberi kepada seseorang Hakim adalah sama dengan yang diberi kepada Judicial Commissioner (Pesuruhjaya Kehakiman).

Beliau ada tugas untuk menjatuhkan hukuman mati. Beliau ada kuasa untuk memberi satu keputusan bagi pihak seseorang warganegara di mana Kerajaan menjadi defendan.

Ujian ini, Tuan Pengerusi, this testing period, tidak diperuntukkan di mana-mana. Bolehkah seorang Yang Ariff Hakim duduk sebagai Hakim dan menghakimi sesuatu perkara dengan kebebasan jikalau beliau mengetahui bahawa setelah tamat tempoh dua tahun ini tidak ada perlanjutan—bukan dipecat tetapi habis.

Ada contoh-contoh, Tuan Pengerusi, di mana Persuruhjaya Kehakiman yang ada dilantik untuk dua tahun itu tidak ada perlanjutan tempohnya. We believe in the security of tenure for Judges, dengan izin, Tuan Pengerusi sejak dari zaman penjajahan dahulu and we have inherited the British legal system, dengan izin, Tuan Pengerusi. Oleh itu jikalau tidak

ada security of tenure, seseorang yang dilantik sebagai Judicial Commissioner tidak boleh menjalankan kuasa-kuasa yang diberi kepada beliau dengan baik. Tetapi Kerajaan ini tidak ada menghormati kehakiman.

Saya beri satu contoh bagaimana Kerajaan tidak menghormati kehakiman, Tuan Pengerusi. Bukan cubaan tetapi tindakan yang ada diambil oleh seorang Hakim dalam jawatannya, dalam tugas-tugas yang ada dijalankan oleh beliau adalah menjadi subject matter of an attack, dengan izin, dalam Dewan yang mulia ini juga.

Sebagai contoh, apa yang terjadi, Tuan Pengerusi, kepada Pay Swee Chin? Di sini dalam Dewan yang mulia ini, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bukan cuba tetapi ada menghentam bukan sahaja kelakuan tetapi apa yang diputuskan oleh Hakim itu dalam kes saya juga iaitu *habeas corpus* pada 9hb Mac, 1988 semasa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menjadi Menteri Kehakiman. Di mana ada judicial independence? Di mana ada Kebebasan Kehakiman jikalau seorang Perdana Menteri boleh mengkritik, walaupun sistem kita ada dibina atas doktrin Separation of Powers? Keputusan seseorang Hakim tidak boleh dibangkiikan dalam Dewan yang mulia ini. Jikalau Kerajaan tidak menerima keputusan itu dan menganggap keputusan itu tidak adil, ada jalan dengan merayu kepada Mahkamah Agung. Kita ada Mahkamah Agung dalam negara ini. Tetapi di sini dalam kerusi itu juga Hakim itu ada diheptam dalam Dewan yang mulia ini. That is what is known as judicial independence dalam negara kita.

Saya harap pada masa hadapan Hakim-hakim dalam negara ini boleh berdiri tanpa ketakutan daripada Kerajaan. Sebanyak 200 permohonan *habeas corpus*, Tuan Pengerusi, ada dibenarkan oleh Hakim-hakim di seluruh negara. Bilangan 200 permohonan ini ada diakui kelmarin oleh Timbalan

Menteri Dalam Negeri. Kita ada independence of the Judiciary dalam negara ini sekarang. Jangan terjejas apa yang perlu ada dalam satu demokrasi. Hakim-hakim jadi orang tengah walaupun orang yang ada di hadapan beliau adalah warganegara atau wakil Kerajaan sebagai defendants atau sebagai plaintiffs and, dengan izin, they must act without fear or favour.

Saya puji kehakiman akan 200 permohonan *habeas corpus* ini, tetapi saya mahu menghentam Kerajaan oleh kerana tidak menghormati keputusan itu dengan sepenuhnya.

Apa yang saya difahamkan, Tuan Pengerusi, di antara 200 permohonan *habeas corpus* yang ada dibcnarkan, lebih kurang 50 orang yang telah dibebaskan oleh Hakim-hakim dalam negara kita telah ditangkap semula. Kerap kali Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan juga Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri mengumumkan di negara kita dan juga di luar negara dan ada berkata dengan jelas bahawa keputusan-keputusan mahkamah-mahkamah dalam negara ini tentu akan dihormati.

Dalam Majlis Perhimpunan Agung UMNO baru-baru inipun, jikalau saya tidak tersilap, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, apabila UMNO berjaya dalam kes dua orang pengkhianat yang masuk dalam UMNO ini, mengatakan, "Oh, we respect the Judiciary."

Bila kalah, hentam judiciary. Tidak boleh ada keadaan seperti itu. Saya harap walaupun tidak ada keputusan-keputusan Hakim-hakim dalam negara ini yang dihormati, Hakim-hakim dalam negara ini boleh berdiri dengan tegas dan tanpa ketakutan administer the rule of law as universally understood, dengan izin. ...

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, masa Yang Berhormat sudah cukup.

Tuan R. Karpal Singh:... dan bertidak. Itu harapan saya. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Kok Lanas.

4.01 ptg.

Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed (Kok Lanas): Tuan Pengerusi, terima kasih kerana memberi peluang kepada saya mengambil bahagian dalam perbincangan mengenai Kementerian Kehakiman. Saya juga merasa amat dukacita sekali seperti rakan saya, Yang Berhormat dari Jelutong, kerana Yang Berhormat Menteri Kehakiman tidak ada dalam Dewan ini untuk menjawab persoalan-persoalan yang akan dibangkitkan berhubung dengan Kementerian Kehakiman. Saya juga hendak membangkitkan mengenai tugas Menteri Kehakiman dan Kementerian Kehakiman.

Yang pertamanya, pada pandangan saya, inilah kali pertama negara kita mempunyai seorang Menteri Kehakiman yang bertanggungjawab secara langsung untuk menjaga tentang pentadbiran mahkamah-mahkamah sama ada Mahkamah Rendah atau Mahkamah Tinggi di seluruh negara ini. Seperti yang saya bangkitkan dalam membahaskan Belanjawan yang lepas semasa Yang Berhormat Menteri Kehakiman menjadi seorang Peguam pada masa itu, beliau turut hadir dalam Majlis Resolusi Peguam pada tahun 1988 dan menyokong resolusi tersebut.

Pada tahun 1990 beliau diberi kesempatan untuk bertanding atas tiket UMNO, menang dan dilantik selaku Menteri Kehakiman. Setelah beliau dilantik selaku Menteri Kehakiman, kita berharap beliau akan menggunakan kebijaksanaannya sebagai seorang yang berkelulusan undang-undang, sebagai seorang yang mahir dengan perjalanan sistem Kehakiman negara ini, sebagai seorang yang setia arif hubungan antara

Majlis Peguam dengan Kerajaan, supaya beliau dapat memainkan suatu peranan yang lebih berkesan untuk merapatkan kembali Majlis Peguam dengan Kerajaan yang pada masa itu sudah menjadi retak. Tetapi malangnya, apabila Menteri ini menjadi Menteri Kehakiman, peranan yang kita harapkan dimainkan oleh Menteri berkenaan untuk merapatkan perhubungan antara Majlis Peguam dengan Kerajaan yang sudah retak pada masa itu, rupa-rupanya apabila beliau menjadi Menteri Kehakiman, retak itu sudah menjadi belah. Inilah yang kita amat kesalkan.

Baru-baru ini sekali lagi Menteri berkenaan di dalam suatu Law Conference yang dianjurkan oleh Majlis Peguam. Beliau telah dijemput untuk menghadiri majlis tersebut oleh Majlis Peguam dan saya difahamkan beliau telah memberi jawapan untuk hadir di dalam majlis itu atas sifatnya selaku Menteri Kehakiman. Tetapi saya difahamkan juga oleh kerana arahan daripada pihak atasan supaya beliau memulaukan majlis itu, lalu beliau tidak hadir. Apakah ini sikap seorang Menteri Kehakiman yang kita berharap dapat memainkan peranan untuk mengembalikannya semula suasana yang sudah menjadi retak antara Majlis Peguam dengan Kerajaan. Tetapi apa yang dimainkan oleh beliau ialah terus mengikut nada yang dicakap oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menghentam Majlis Peguam habis-habisan.

Pada pandangan saya, ucapan-ucapan yang dibuat oleh mereka ini termasuk Yang Berhormat Menteri Kehakiman sendiri, adalah bermotif untuk mewujudkan satu suasana supaya rakyat negara ini membenci Peguam. Dengan perasaan sedemikian memberi suatu justifikasi kepada Kerajaan untuk memperkenalkan Akta Profesion Guaman yang akan dipinda dalam sidang yang sedang berlangsung sekarang. Saya tidak berniat untuk membahaskan Akta itu kerana masanya belum sampai.

Tetapi apa yang saya hendak bangkitkan ialah tugas Menteri Kehakiman ini yang sepatutnya memainkan peranan untuk memulihkan suasana yang renggang antara Majlis Peguam dengan pihak Kerajaan yang sepatutnya menjadi orang tengah, tetapi rupa-rupanya Menteri Kehakiman berlaku tidak adil, masuk sebelah pihak, menyokong Kerajaan dan menghentam Majlis Peguam, maka retak sudah menjadi belah.

Tuan Pengerusi, Kementerian Kehakiman mestilah menjadi sebuah Kementenan yang hanya menjaga kepentingan dan kebajikan mahkamah dari aspek pentadbiran. Kementerian Kehakiman tidak boleh dijadikan sebagai sebuah Kementerian untuk mencampuri urusan mahkamah, kerana tugas untuk menjalankan keadilan dan mentafsirkan undang-undang di negara ini adalah terletak di tangan mahkamah. Kementerian Kehakiman tidak boleh bertindak sehingga mencampuri urusan mahkamah sehingga menjejaskan perjalanan proses keadilan di negara ini.

Saya telah mendapat maklum bahawa sejak Kementerian Kehakiman dan Menteri berkenaan ada dalam negara ini, tindakan-tindakan yang dibuat oleh Kementerian berkenaan sehingga telah melampaui kuasa mengkritik, mengkaji, menyelidik tentang penanguhan kes-kes di mahkamah yang pada pandangan saya sudah terkeluar daripada bidang kuasa Kementerian Kehakiman. Perjalanan dan tindakan yang dibuat oleh Kementerian Kehakiman ini juga saya difahamkan telah menimbulkan rasa tidak senang di kalangan para Majistret, para Hakim Mahkamah Sesyen dan para Hakim-hakim di negara ini.

Kita mesti faham bahawa tugas Kementerian Kehakiman seperti saya tegaskan tadi ialah untuk menjaga kebajikan mahkamah dari segi pentadbiran, dan tugas ini mestilah didefinisikan secara khusus. Adalah tidak kena jika Kementerian Kehakiman atau Menteri Kehakiman untuk bertindak

mempersoalkan mengapa mahkamah menangguhkan sesuatu kes, kerana ini adalah dalam bidangkuasa mahkamah. Di dalam undang-undang negara kita adalah jelas kuasa untuk menangguhkan kes di mahkamah adalah teretak di tangan para Hakim, Majistret dan Hakim-hakim Mahkamah Sesyen. Barangkali Kementerian Kehakiman boleh menjalankan uji-kaji, boleh menjalankan suatu kajian, mengapa kes-kes tertangguh. Tetapi tidak mempersoalkan mengapa kes ini ditangguh, kerana ini akan menjejaskan kebebasan Kehakiman di negara ini.

Oleh yang demikian, Tuan Pengerusi, saya menyeru kepada Menteri Kehakiman dan kepada Kementerian Kehakiman supaya dapat menjalankan peranan yang sebaik mungkin dan mendefinisikan tugas-tugas mereka sebaik mungkin sehingga tidak mencampuri urusan mahkamah yang terletak di tangan para Hakim di negara ini untuk menjalankan tugas-tugas mereka. Barangkali niat mewujudkan Kementerian Kehakiman ini adalah baik, baik kerana untuk membantu mahkamah, menyediakan mahkamah-mahkamah yang lebih baik, melatih jurubahasa-jurubahasa yang berkelulusan, tetapi kalau tugas ini telah disalahtafsirkan sehingga mengganggu urusan mahkamah, ianya akan merosak apa yang telah kita terima sejak lama, dengan izin, the independence of Judiciary.

Tuan Pengerusi, satu perkara lagi saya hendak bangkitkan ialah berhubung dengan kedudukan bangunan-bangunan mahkamah di negara ini setaraf dengan kedudukan para Hakim, kedudukan para Hakim yang dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong menurut Perlembagaan Negara, yang telah memberi keistimewaan-keistimewaan khusus di dalam peruntukan Perlembagaan Negara sehingga apa yang dibuat oleh seorang Hakim tidak boleh disentuh, udak boleh dikritik oleh mana-mana pihak, hatta di dalam Dewan yang mulia ini. Maka dengan yang demikian, adalah

sewajarnya mereka ini diberi tempat yang sebaik mungkin. Saya amat sedih, misalannya, apabila kita melawat ke bangunan Mahkamah Tinggi di Kuala Lumpur, kamar seorang Hakim lebih kecil daripada kamar seorang Majistret.

Kalau kita menganggap bahawa perlantikan para Hakim itu suatu perlantikan yang dibuat di bawah Perlembagaan negara oleh Yang di-Pertuan Agong dan undang-undang kita melelakkan kita mereka di tempat yang sebegitu tinggi, tetapi di dalam masa menjalankan tugas mereka ini layanan dari segi kemudahan-kemudahan ini tidak setaraf dengan jawatan berkenaan.

Saya pernah berkali-kali hadir di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur. Kamar seorang Pesuruhjaya Kehakiman, kamar seorang Hakim lebih kecil daripada kamar seorang Majistret. Begitu juga dengan para Hakim Mahkamah Sesyen dan Majistret. Kalau kita berniat atau berhasrat untuk menyelesaikan masalah backlog of cases, dengan izin, Tuan Pengerusi, sudah sampai masanya untuk saya mencadangkan kepada Kementerian berkenaan. Sudah sampai masanya untuk kita mewujudkan seorang Resident Magistrate bagi setiap seluruh daerah-daerah di dalam negara ini. Apa yang berlaku sekarang ini ialah seorang Majistret Litar menghadiri beberapa buah Mahkamah dan sudah tentulah seorang Majistret apabila mengalami ataupun mengendalikan beberapa buah Mahkamah, persidangan tidak dapat dijalankan tiap-tiap hari. Bila persidangan tidak dapat dibuat pada riap-tiap hari, ditambah pula dengan ada tiga pihak dalam satu kes: pihak Polis, pihak jabatan, pihak peguam dan pihak Mahkamah maka berlaku pula penangguhan. Bila berlaku permohonan penangguhan, kes bertangguh. Oleh hal yang demikian, saya ingin mencadangkan supaya sudah tiba masanya Kementerian Kehakiman mengadakan seorang Resident Magistrate bagi tiap-tiap jajahan di dalam negara ini.

Baru-baru ini, suatu tindakan yang dibuat dengan mewujudkan Mahkamah Sesyen di tiap-tiap jajahan di seluruh negara adalah suatu langkah yang pada pandangan saya baik untuk menyelesaikan kes-kes di seluruh negara yang sedang bertangguh.

Mengenai kes-kes yang tertangguh di Mahkamah, apa yang kita dengar sekarang ini satu pihak menuduh pihak yang lain. Pihak peguam menyalahkan Polis. Polis menyalahkan Mahkamah. Mahkamah menyalahkan Polis, macam-macam cerita berlaku. Persoalan yang harus kita ingat ialah dalam penangguhan mana-mana kes ada tiga pihak yang terlibat—(i) pihak Mahkamah, (ii) pihak Pendakwa dan (iii) pihak Peguam. Kalau kes itu kes jenayah. Dalam kes sivil pula ialah pihak menuntut, pihak kena tuntutan dan pihak Mahkamah. Ada tiga pihak yang terlibat. Dan di bawah peruntukkan undang-undang, kuasa telah diberi kepada mereka ini masing-masing sama ada di bawah Legal Profession Act atau di bawah Code of Judicature Act, dengan izin; Akta Mahkamah Rendah dan sebagainya untuk menanggukkan mana-mana kes yang ada justifikasi.

Saya tidak berhajat untuk memperkatakan bahawa penangguhan perlu. Tetapi dalam tiap-tiap kes, kalau tidak dapat dielakkan, penangguhan tidak boleh dihalang, kerana ada barangkali terdapat keadaan-keadaan di mana penangguhan itu adalah perlu demi keadilan untuk mengendalikan sesuatu kes.

Tuan Pengerusi, kembali kepada tugas-tugas Menteri Kehakiman dan Kementerian Kehakiman ini, oleh kerana sekarang ini sudah terdapat seorang Menteri dan sudah terdapat sebuah Kementerian Kehakiman. Saya hendak minta Menteri dan Kementerian berkenaan supaya dapat memainkan peranan yang lebih berkesan untuk memperapatkan hubungan di antara Majlis Peguam dengan pihak Kerajaan

yang semua orang sudah tahu sekarang ini, sudah begitu renggang. Kalau Menteri Kehakiman tidak dapat memainkan peranan ini, saya tidak nampak mana-mana lagi orang lain yang boleh memainkan peranan yang sama.

Tidaklah boleh kita hendak menyelesaikan masalah ini apabila wujud hubungan yang renggang di antara Kerajaan dengan Majlis Peguam. Tidaklah boleh kita hendak gunakan suatu kuasa lulus undang-undang untuk mewujudkan suatu Majlis Peguam yang lain, Kerana ini bukan cara untuk menyelesaikan masalah seperti yang saya bangkitkan dulu apabila sesuatu badan tidak menyokong Kerajaan, maka kita tidak iktiraf ini, maka kita tubuh satu badan yang lain. Ini bukan cara menyelesaikan masalah. Kalau pihak Kementerian Kehakiman dan Menteri Kehakiman ikhlas untuk menyelesaikan masalah maka Menteri Kehakiman sendiri mesti memainkan peranan untuk merapatkan hubungan yang sudah sedia renggang ini.

Tetapi, apa yang kita nampak peranan yang dimainkan oleh Menteri Kehakiman dengan penuh hormat ialah menangguk di air keruh. Apabila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pulang daripada luar negeri menghentam Majlis Peguam maka dua tiga hari selepas itu Menteri Kehakiman seperti burung Tiong terus mengikuli noda Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Peranan seperti ini tidak berkesan. Sepatutnya kita mesti memainkan peranan untuk merapatkan jurang ini. Memperkenalkan undang-undang baru (pindaan) kepada Legal Profession Act 1976 dalam Dewan ini, bukan penyelesaian masalah. Bukan saya hendak membela mana-mana peguam. Peguam yang salah tetap salah. Peguam yang melakukan penyelewengan mesti dibawa ke muka pengadilan. Tetapi cara bagaimana pindaan ini akan dibawa cukup meragukan kita terutamanya di dalam saat-saat di mana hubungan antara

Majlis Peguam dengan Kerajaan sudah menjadi retak. Saya tidak mempersoalkan ini, kerana saya akan bahaskan undang-undang ini apabila tiba masanya.

Oleh hal yang demikian, Tuan Pengerusi....

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, sila gulung.

Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed: Oleh hal yang demikian, Tuan Pengerusi, sekali lagi saya membangkitkan perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Jelutong dan perkara yang dibangkitkan oleh saya telah menyentuh cardinal principle. Prinsip asas dalam kebebasan kehakiman di negara ini. Tetapi malangnya Menteri Kehakiman tidak tampil untuk menjawab perkara ini, diserahkan kepada Setiausaha Parlimen. Saya amat kesal dengan tindakan ini. Terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Pasir Mas.

4.18 ptg.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali (Pasir Mas): Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada mukasurat 199, Butiran 020000 Pentadbiran Undang-undang.

Tuan Pengerusi, di dalam dunia ini tidak ada perkara yang sempurna. Malah saya ataupun dari segi kaca mata Islam, tidak ada mana-mana orang Islam sekalipun bercakap macam mana kuat dari segi Islamnya belum tentu dapat masuk syurga. Ianya tergantung dalam pengetahuan Allah s.w.t.

Tuan Pengerusi, pada awal perbahasan Kementerian Kehakiman ini wakil dari Jelutong dan Kok Lanas telah memusatkan perdebatan mengenai dengan sikap Menteri Kehakiman. Tetapi sebelum itu ada dibangkitkan mengenai kehadiran Menteri-menteri.

Kalau tanya saya secara peribadi, pada sekali imbas, saya juga bersetuju untuk melihat kehadiran Menteri-menteri dalam Dewan Rakyat ini. Tetapi pada pandangan saya, soal kehadiran ini satu perkara. Tetapi saya hendak bertanya bahawa kila sebagai Ahli Dewan Rakyat yang tidak pegang jawatan ini, apakah kita semua hadir sepanjang masa di Dewan Rakyat ini. Sememang kita juga ada tanggungjawab dan kewajipan. Ahli Parlimen Jelutong waktu ada kes di mahkamah waktu Dewan Rakyat bersidang, Ahli Parlimen Jelutong tidak hadir juga ke Dewan Rakyat. Kehadiran tidak 100%. Sama juga Ahli Parlimen Kok Lanas, kemungkinan tidak hadir.

Tuan R. Karpal Singh: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Jelutong bangun.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Masa 15 minit. Saya boleh beh, tetapi masa ditetapkan 15 minit. Saya bukan takut ini.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Hendak beri atau tidak?

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Boleh beri masa lebih atau tidak?

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Tidak.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tidak? Saya tidak beri. Kalau ada lebih masa, saya akan beri. Saya akan jemput bangun nanti. Saya akan minta....

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Teruskan Yang Berhormat.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Pengerusi, soal ini yang dibangkitkan. Mungkin Menteri-menteri ada kerja, dengan tugas masing-masing. Saya hendak beritahu Ahli Parlimen Kok Lanas waktu saya menjadi Ahli Dewan

Rakyat pada penggal pertama, waktu itu Ahli Parlimen Gua Musang menjadi Menteri Perdagangan, ada juga waktu Menteri Perdagangan iaitu Ahli Parlimen Gua Musang pada waktu itu tidak hadir sepanjang masa di Dewan Rakyat. Kenapa Ahli Parlimen Jelulong tidak tegur. Kenapa Ahli Kok Lanas tidak tegur. Ini bab soal kehadiran.

Saya bersetuju, kalau boleh kita hadir sepanjang masa. Ada waktu kita tidak mungkin dapat hadir, kerana ada masalah-masalah yang tertentu atau dharurat dalam keadaan-keadaan atau masa-masa tertentu. Menteri-menteri yang bertanggungjawab memang secara kebetulan ada urusan di pejabat. Tetapi kalau kita tahu sengaja tidak hendak datang, kita pun turut rasa terkilan dan rasa tidak senang hati, Tetapi menuduh secara melulu mengatakan tidak bertanggungjawab adalah sesuatu perkara yang tidak bertanggungjawab.

Jadi soalnya, Tuan Pengerusi, dari segi soal kita bercakap dari segi kehakiman, saya sendiri dahulu ragu. Saya pernah juga mempersoalkan soal kebebasan kehakiman. Saya mengaku. Apabila timbul masalah kes Tun Salleh Abbas dahulu. Sama juga dengan Menteri Kehakiman. Pada waktu itu dia bukan anggota Kabinet. Dia peguam biasa. Timbulnya kes pada masa itu adalah secara mendadak, maka kita juga turut mempersoalkan pada waktu itu.

Dan sekarang dia menganggotai Kabinet, bukan dia mengampu Perdana Menteri. Tugas seorang anggota Kabinet mestilah bekerja sebagai satu pasukan. Waktu itu dia tidak tahu dan dia hadir sebagai ahli di Majlis Mesyuarat Peguam. Maka dia menyokong atau tidak menyokong, dia angkat tangan atau tidak angkat tangan, itu bukan persoalan bagi saya. Yang kita hendak bincangkan di sini ialah soal Kementerian Kehakiman, bukan soal sikap. Soal sikap ialah soal yang saya hendak sebutkan kemudian nanti dan saya hendak jawab dalam bab sikap Ini, Tetapi ini soal kebebasan kehakiman.

Saya juga dahulu pernah mempersoalkan, tetapi buktinya dijawab sendiri oleh Ahli Yang Berhormat dari Jelulong dan Kok Lanas. Tahun ini pihak Peguam mendapat hampir 200 permohonan *habeas corpus*. Ini menunjukkan Kehakiman kita bebas, kalau Hakim memihak. . . .

Tuan R. Karpal Singh: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Nanti sekejap lagi. Saya akan jemput Yang Berhormat bangun. Biar saya habis dahulu.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Dia tidak beri jalan, Yang Berhormat dari Jelulong.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Sekejap lagi saya beri, biar saya habis dahulu. Kalau saya mula beri, dia tanya, saya jawab, dia tanya, saya jawab, masa saya habis.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Kalau begitu teruskan.

Tuan R. Karpal Singh: Takutkah?

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Saya tidak takut, bila pun saya tidak takut kalau muka macam ini.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, kedua-dua Yang Berhormat janganlah tawar menawar.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Saya beri sekejap sahaja.

Tuan R. Karpal Singh: Tuan Pengerusi, apa yang saya ucapkan tadi ialah ada kebebasan kehakiman dalam negara ini dan ini dtunjukkan apabila 200 permohonan *habeas corpus* telah diluluskan oleh Hakim-hakim di dalam negara ini. Apa yang saya persoalkan

ialah mengenai penangkapan semula selepas seseorang itu telah dilepaskan. Itulah apa yang saya persoalkan, bukan kebebasan kehakiman di dalam negara ini. Itu ada dalam negara ini. Itu baik. Apa yang saya merayu ialah jangan menjejaskan dan jangan menakutkan Hakim-hakim ini, beri mereka kebebasan untuk membuat tugas-tugas mereka dengan baik. Itulah apa yang saya katakan tadi.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Terima kasih Yang Berhormat dari Jelutong kerana sekarang ini mengakui ada kebebasan kehakiman. Baguslah. Saya mengucapkan tahniah. Soalnya kenapa ditangkap semula, memanglah undang-undang manusia itu tidak sempurna, tidak ada benda yang perfect dalam dunia ini. Sebab itu ada ISA. Saya pernah mencadangkan di dalam Dewan yang mulia ini bahawa ISA perlu dipinda untuk diambil tindakan bagi menghapuskan rasuh, sebab susah kita hendak mendapat mak'umat dan bukti bagi Polis menjaga keselamatan. Pihak Keselamatan mungkin tahu bahawa mereka ini terlibat, tetapi kerana teknikal undang-undang, di mana undang-undang itu begitu umum dan tidak spesifik, maka di Mahkamah dia bebas, tetapi Polis tahu bahawa dia bersalah. Apakah kita hendak membiarkan orang salah tidak dihukum? Ini saya tidak bersetuju dengan Ahli Parlimen dari Jelutong. Orang yang bersalah mesti dihukum dan yang tahu ialah Polis yang membuat siasatan. Mungkin dalam Mahkamah, akibat teknikal dia dapat *habeas corpus*.

Dari segi Islam sendiri lagi rumit. Kalau hendak tanya daripada segi Islam, orang yang dituduh berzina hendak kena tengok oleh 4 orang saksi dan tengok terang-terang, kena buka mata terang-terang, orang itu kena sempurna pula. Tetapi kita tahu benda itu berlaku dan kita biarlah bebas. Jadi, kenapa kita persoalkan Polis tangkap balik. Itu hak mereka sebab mereka menjaga keselamatan dan mereka lebih tahu dan

lebih arif. Kita kena beri 'benefit of the doubt'. Proses pengadilan mesti berjalan, bukan setakat proses keadilan itu berlaku di dalam mahkamah semata-mata, proses keadilan mesti dilihat dalam perspektif yang menyeluruh.

Tuan R. Karpal Singh: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Jelutong bangun lagi.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Saya tidak ada masa, fasal saya banyak lagi hendak bercakap ini. Saya tidak beri. Kalau ada masa nanti, saya beri kepada Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Teruskan.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Jadi, bila kita hendak bercakap soal keadilan, sama juga kita bercakap soal demokrasi. Tadi Yang Berhormat sebutkan dua Wakil Rakyat Kelantan itu pengkhianat bila masuk UMNO. Satu masa Yang Berhormat bercakap soal demokrasi. Demokrasi itu kebebasan. Ahli Parlimen Bayan Baru dahulu pernah menjadi anggota PEKEMAS tetapi sekarang masuk DAP. Tidak ada apa-apa, tidak satah. PAS satu masa dahulu masuk Barisan Nasional. Yang menganjurkan PAS masuk Barisan ialah Menteri Besar Kelantan sekarang Ustaz Nik Aziz. Semasa dalam Barisan Nasional sokong Barisan Nasional, bila keluar—menentang. Sama juga dengan Ahli Parlimen dari Gua Musang.

Saya tidak percaya bahawa dia menentang dasar-dasar yang ada sekarang kalau dia masih ada dalam UMNO. Sama juga dengan pemimpin-pemimpin yang lain dan banyak lagi yang boleh buktikan dalam soal ini. Soal prinsip kita boleh bahas sepanjang masa, begitu juga perspektif keadilan. Kita lihat macam mana kita punya faham, kita punya konsep—sama juga dengan kebebasan kehakiman. Jadi, tidak adillah

kalau kita memusatkan sesuatu isu berasaskan kepada definisi atau pada skop tertentu dan tidak lihatnya dengan secara menyeluruh. Baru kita boleh faham. Saya cukup faham dengan Pembangkang sebab saya pernah berkawan dengan mereka. Tetapi bila saya kembali semula ke UMNO mereka banyak saya habis-habis, termasuk Ahli Parlimen Pengkalan Chepa. Saya ingat orang tua makin tua makin bagus. Ini orang muda makin sehari makin bagus, yang tua makin tidak bagus. Apa hal?

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, saya rasa ini politik kepartian.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Saya hendak balik kepada tajuk, tetapi ini ada kaitan dan perhubungan sebagai penjelasan. Jadi, berbalik kepada soal Urusan Kehakiman—soal yang dibangkitkan oleh Majlis Peguam iaitu soal Tun Salleh. Soal Tun Salleh ini pada saya kuasa yang mutlak dalam negara ini ialah rakyat. Kes ini bagi saya telah selesai. Saya juga dahulu memang bersimpati dengan Tun Salleh dan saya bercakap di dalam Dewan yang mulia ini dan isu yang paling banyak digunakan dalam pilihanraya umum tahun 1990 ialah isu Tun Salleh dan Tun Salleh sendiri dijemput di atas pentas oleh parti Pembangkang dan dia hadir sama dalam majlis itu. Isu ini digunakan habis-habisan dan dimasukkan dalam manifesto Gagasan Rakyat. Hampir semua rakyat dalam Malaysia sudah tahu ini, dunia pun sudah tahu, akhir sekali keputusan yang dibuat oleh pihak Kerajaan melalui Tribunal yang dijelaskan oleh Perdana Menteri yang mana rakyat beri mandat kepada Barisan Nasional, rakyat beri mandat kepada UMNO dan kepada Dr Mahathir. Apa lagi sibuk, sokong Barisan sahajalah.

Sekarang isu itu sudah habis dan mereka memusat kepada isu peribadi. Semalam DAP hentam Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri kerana peribadi, hari ini mereka hentam Menteri Kehakiman kerana peribadi.

Tuan R. Karpal Singh: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Yang Berhormat Jelutong, bangun lagi.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tidak boleh lagi. Tidak ada masa.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Dia tidak beri. Teruskan.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Saya minta budibicara Tuan Pengerusi, kalau beri masa, saya beri.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Tidak. Tidak ada tawar-menawar.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Saya minta maaf. Ini bukan bermakna saya tidak demokratik. Saya adalah pengamal demokrasi number one. Cuma saya hendak supaya kita jangan melihat dan menghina seseorang itu dalam sudut kaca mata untuk kepentingan diri kita. Semua orang politik ada kepentingan. Jangan hendak nafi, orang PAS pun ada kepentingan politik, sama juga macam Ahli Parlimen dari Rantau Panjang, kalau dia orang Selangor atau orang Johor kenapa dia bertanding di Kelantan. Kerana hendak menanglah, tumpang tuah di Kelantan. Penting dirilah itu. Sama juga dengan Ahli Parlimen Nilam Puri yang sudah dua kali bertanding di Pulau Pinang, tetapi kalah, kemudian bertanding di Kelantan. Penting dirilah itu. Bercakap fasal Islam berbuih-buih air liur setempayan.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, sila gulung.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Sedang gulunglah ini. Tuan Pengerusi tidak tahu saya sedang gulung ini.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat ghairah sangat menyentuh soal politik ini.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Saya beri perbandingan sebab ladi Tuan Pengerusi tidak tegur semasa mereka bercakap, meleret-leret jauh dalam soal sikap, hentara sana hentam sini. Jadi, saya pun serupalah, saya selalu menari mengikut rentak, kalau rentak elok, eloklah, kalau inang, inanglah, kalau rock, rocklah. Itu saya punya cara. Karaoke saya tidak ertinya, maaflah saya tidak erti itu. Tetapi ini bab yang saya hendak jawab supaya jangan kita memandangkan diri kita sahaja yang betul, kita manusia tetap ada kelemahan. Apatah lagi undang-undang buatan manusia. Tetapi sekurang-kurangnya kita ada kebebasan sekarang. Bercakap di Dewan Rakyat tanpa had. Hendak maki hamun sampai sekarang sudah jadi budaya, bila kita maki orang, kita marah, kita kena maki, kita marah. Jadi, kalau kita hormat-menghormati, soal prinsip itu sikap masing-masing, soal pandangan politik, itu hak masing-masing. Kita bercakap bab isu, mengenai dasar, barulah kita berteraskan kepada keilmuan, barulah kita menjadi pemimpin yang bertanggungjawab.

Jadi, Tuan Pengerusi, ini pandangan saya oleh kerana perkara ini dibangkitkan dan Ahli Parlimen Kok Lanas sedang membesar-besarkan untuk mengenakan soal sikap, dari segi individu, bukan untuk membela soal proses kehakiman. Mereka membesar-besarkan soal sikap Menteri Kehakiman, begitu juga yang lain-lain dari segi individu dan peribadi. Kalau hendak bercakap soal peribadi, banyak lagi kita boleh bercakap. Akhir sekali bab rakyat, kita tidak bercakap, bab kepentingan rakyat, kita lupa, bab kepentingan negara, kita lupa dan yang kita bercakap macam mana kita hendak jatuhkan seseorang itu.

Saya bab macam ini sudah puas, Tuan Pengerusi. Yang penting bagi saya dari segi Kementerian Kehakiman, dahulu saya pernah cadangkan dan sekarang ini saya hendak bertanya pihak Kerajaan dari segi akauntabiliti, dari segi

tanggungjawab Peguam Negara tidak ada di dalam Dewan Rakyat. Dahulu Peguam Negara adalah juga seorang anggota Dewan Rakyat ataupun anggota Kabinet. Setahu saya Kementerian Kehakiman sekarang ini bertanggungjawab kepada Peguam Negara, yang menjawab dalam Dewan Rakyat ialah Menteri Kehakiman. Sebab itu pernah saya cadangkan dalam Dewan Rakyat ini supaya kembali kepada sistem asal supaya ada pihak yang bertanggungjawab kepada Parlimen (akauntabiliti), yang menjadi seorang Peguam Negara supaya dia tahu apa yang berlaku.

Sekarang ini setahu saya Menteri Kehakiman hanya bertanggungjawab soal-soal bangunan mahkamah, kemudahan asas dan sebagainya. Tetapi walau bagaimanapun, saya ucapkan tahniah kepada pihak Kerajaan kerana telah membuktikan bahawa sistem kehakiman kita benar-benar bebas di negara kita dan ini disahkan sendiri oleh Ahli Parlimen dari Jelutong. Ini suatu recognition yang cukup tinggi bagi Kerajaan Barisan Nasional. Sekian, terima kasih.

Tuan R. Karpal Singh: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat hendak minta penjelasan dari siapa?

Tuan R. Karpal Singh: Saya hendak minta penjelasan dari Pasir Mas.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Dia sudah habis berucap, Yang Berhormat.

Tuan R. Karpal Singh: Tadi dia cakap, dia boleh beri peluang.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Tetapi nampaknya dia sudah habis bercakap. Lumut.

4.31 ptg.

Datin Ling Chooi Sieng (Lumut): Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada mukasurat 199, Butiran 010000

Khidmat Sokongan, Kod 10000 Emolumen dan 20000 Perkhidmatan dan Pengkalan, jumlah peruntukannya \$4,835,100.

Tuan Pengerusi, kadangkala kita juga ketahui kes-kes mahkamah ditangguhkan disebabkan kekurangan, dengan izin, parajudicials, khasnya Jurubahasa. Perkara seperti ini sudah berlaku bertahun-tahun. Kebanyakan Ahli Dewan Rakyat pernah membangkitkan perkara ini. Pada fikiran saya, Menteri yang berkenaan hendaklah bertindak untuk mengatasi masalah ini. Saya cadangkan menaikkan tanggagaji Jurubahasa Mahkamah sebagai satu remedy, dengan izin. Pada masa sekarang kebanyakan Jurubahasa mempunyai sijil STPM tetapi gaji mereka tidak setanding dengan kelayakan akademik mereka. Kebanyakan pemegang SPM atau STPM enggan memegang jawatan Jurubahasa. Mengapa? Pemegang-pemegang SPM atau STPM lebih suka bekerja dengan sektor swasta, kerana mereka mendapat gaji yang lebih. Saya lahu Yang Berhormat Menteri yang berkenaan akan menjawab bahawa sekiranya gaji Jurubahasa dinaikkan, ini akan melibatkan tanggagaji satu kumpulan dalam pejabat Kerajaan. Saya berharap Menteri yang berkenaan akan menimbangkan peranan dan tugas yang dijalankan oleh Jurubahasa Mahkamah. Seorang Jurubahasa memainkan dua tugas iaitu sebagai Kerani dan juga Jurubahasa. Tetapi gajinya sama dengan seorang Kerani. Apakah salahnya jika gaji Jurubahasa Mahkamah dinaikkan kerana mereka menjalankan dua tugas pada masa yang sama.

Tuan Pengerusi, saya ingin membangkitkan tiga perkara dalam ucapan Belanjawan saya iaitu, dengan izin, assignment of criminal cases dan kegunaan Bahasa Kebangsaan dalam Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Agung dan juga hubungan di antara pihak Kerajaan dan Bar Council. Yang Berhormat Menteri tidak membuat apa-

apa jawapan. Nampaknya, beliau memandangkan ketiga-tiga perkara itu kurang mustahak atau tidak begitu serius. Saya berpendapat bahawa kekurangan Jurubahasa seperti yang saya bangkitkan tadi adalah salah satu sebab yang menyumbang kepada kes-kes backlog dan pada masa ini saya berharaplah mendapat jawapan daripada Menteri berkenaan. Saya juga berharap Yang Berhormat Menteri akan menyelesaikan masalah kekurangan Jurubahasa ini.

Akhirnya saya mohon menyokong. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Lanang. Selepas Yang Berhormat berucap, Menteri yang berkenaan diminta menjawab.

4.35 ptg.

Tuan Jason Wong Sing Nang (Lanang): Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya hendak merujuk kepada mukasurat 199, Maksud Bekalan 43, Butiran 010000 Khidmat Sokongan dan Buliran 030000 Mahkamah.

Tuan Pengerusi, Kementerian merupakan salah satu dahpada tiga bahagian utama dalam Kerajaan. Kementerian ini juga merupakan Jabatan Kerajaan yang paling diperlukan oleh rakyat. Kementerian Kehakiman membantu menyelesaikan masalah kepentingan antara individual dan individual dan antara individual dan Kerajaan, sama ada Negeri atau Pusat, maka ia mewujudkan kepentingan kehakiman supaya saksama. Kesaksamaan Kehakiman merupakan dasar untuk melindungi Perlembagaan kita.

Tuan Pengerusi, saya ingin membangkitkan satu cadangan dan berharap Kementerian Kehakiman akan mempertimbangkan. Saya menyeru Kerajaan supaya bertindak meminda Article 122A yang termaktub dalam Perlembagaan Pusat supaya menambahkan jumlah

Hakim di Mahkamah Tinggi Borneo atau melantik lebih banyak Pesuruhjaya Kehakiman.

Tuan Pengerusi, saya quote, dengan izin—

"122A. Constitution of High Courts.

(1) Each of the High Courts shall consist of a Chief Justice and not less than four other judges; but the number of other judges shall not, until the Yang di-Pertuan Agong by order otherwise provides, exceed—

- (a) in the High Court in Malaya, twenty-seven; and
- (b) in the High Court in Borneo, eight".

Tuan Pengerusi, saya membuat cadangan ini kerana terdapat banyak kes-kes tertangguh di Mahkamah Tinggi di Borneo. Sesungguhnya dengan keupayaan Hakim-hakim yang ada sekarang, mereka masih belum dapat menyelesaikan kes-kes ini dengan cepatnya. Memandangkan cabaran yang akan kami hadapi dalam tempoh 10 tahun yang akan datang, banyak lagi kes-kes akan dibawa ke mahkamah dan Hakim-hakim sekarang pasti tidak mampu mengadilkannya. Oleh itu, saya ingin bertanya atas perkara berikut—

- (1) berapakah kes sivil yang tertangguh di Mahkamah Tinggi di Kuching, Sibul, Miri, Kota Kinabalu, Sandakan dan Tawau;
- (2) berapa lamakah kes yang paling lama tertangguh, mengapa terdapat tertangguh begitu lama;
- (3) berapakah kes jenayah yang tertangguh di Mahkamah Tinggi Borneo dan jumlah kes yang tertangguh di Mahkamah Tinggi di Kuching, Sibul, Miri, Kota Kinabalu dan Sandakan dan Tawau;
- (4) berapakah kes pembunuhan yang akan dibicarakan di Mahkamah

Tinggi Borneo khasnya di Mahkamah Tinggi di Kuching, Sibul, Miri, Kota Kinabalu, Sandakan dan Tawau; dan

- (5) kes pembunuhan yang paling lama menanti perbicaraan.

Tuan Pengerusi, dalam hubungan ini saya ingin menyatakan Kerajaan mesti meletakkan Kementerian Kehakiman sebagai Kementerian yang paling utama dalam Wawasan 2020.

Masyarakat umum akan berkeyakinan sekiranya Kementerian Kehakiman dapat menyelesaikan masalah pertelingkahan mereka dengan cepat. Mana-mana tunggakan akan mengakibatkan kesusahan kepada mana-mana pihak.

Tuan Pengerusi, dalam pada itu perlantikan lebih ramai Hakim di Mahkamah Sesyen dan Mahkamah Majistret di seluruh negara untuk mengendalikan kes-kes tertentu merupakan tindakan dan komitmen Kerajaan yang patut dialu-alukan. Dua mahkamah ini memainkan peranan penting kerana menyelesaikan banyak kes. Saya ingin mengucapkan syabas kepada mereka atas kesungguhan mereka.

Dengan itu saya mengakhiri ucapan saya. Terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Setiausaha Parlimen.

4.42 ptg.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Douglas Uggah Embas): Tuan Pengerusi, bagi pihak Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman, saya mengucapkan berbilang-bilang terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan beberapa perkara dan permasalahan berkenaan dengan Kementerian Kehakiman. Saya

cuba sedaya upaya untuk menjawab soalan-soalan yang telah ditimbulkan.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Jelutong dan Ahli Yang Berhormat dari Kok Lanas tadi mempersoalkan masalah Menteri yang tidak hadir. Saya rasa ini bukan satu perkara yang luar biasa dan dalam pendapat saya, mereka menimbulkan perkara ini merupakan satu petunjuk bahawa mereka kehilangan modal untuk dibawa ke dalam Dewan ini.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Menteri Kehakiman adalah orang yang bertanggungjawab menjalankan tugas, dan pada hari ini beliau ada tugas di luar dan oleh yang demikian, maka tidak dapat hadir bersama. Begitu juga berbagai perkara dan tuduhan telah dibuat oleh....

Tuan R. Karpal Singh: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Jelutong bangun.

Tuan R. Karpal Singh: Ada tugas di luar—apa tugas itu? Apa yang lebih penting, Kementerian dia atau tugas luar? Bolehkah saya dapat tahu apa tugas luar ini? Beritahu untuk rekod.

Tuan Douglas Uggah Embas: Yang Berhormat Menteri adalah seorang Menteri negara kita, jadi dia banyak tugas rasmi.

Tuan R. Karpal Singh: Untuk rekod, saya ingin tahu. Jangan main-main, ini satu rekaan, tidak benar apa yang dikatakan tadi.

Tuan Douglas Uggah Embas: Tuan Pengerusi, saya berterima kasih kepada Yang Berhormat dari Pasir Mas tadi yang memahami keadaan sebenarnya yang telah memberi....

Tuan R. Karpal Singh: Penjelasan.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, nanti sekejap.

Tuan R. Karpal Singh: Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, hendak beri jalan atau tidak kepada Jelutong?

Tuan Douglas Uggah Embas: Tidak beri jalan, tidak mahu membuang masa.

Tuan R. Karpal Singh: Untuk rekod, tidak jawab tadi.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, dia tidak beri jalan.

Tuan R. Karpal Singh: Bukan jalan. Saya tanya tadi, tetapi dia tidak jawab, apa jalan? Tidak dapat jawapan. Saya mahu jawapan.

Tuan Douglas Uggah Embas: Saya sudah jawab.

Tuan R. Karpal Singh: Dia tidak jawab, saya mahu jawapan.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, sabar, sila duduk! Yang Berhormat teruskan.

Tuan Douglas Uggah Erobas: Yang Berhormat dari Kok Lanas tadi juga menimbulkan perkara Menteri yang tidak menghadiri upacara Bar Council.

Tuan R. Karpal Singh: Tuan Pengerusi, point of order.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, point of order.

Tuan R. Karpal Singh: Jikalau ada beri jalan tadi.

Tuan Douglas Uggah Embas: Point of order yang ke berapa?

Tuan R. Karpal Singh: Untuk penjelasan.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Point of order yang ke berapa Yang Berhormat?

Tuan R. Karpal Singh: Ada dalam buku itu. (*Ketawa*)

Tuan Douglas Uggah Embas: Duduk! duduk!

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Itu tidak boleh Yang Berhormat, kalau tidak ada Peraturan Mesyuarat...

Tuan R. Karpal Singh: Jikalau dia beri jalan kepada saya, saya tanya satu soalan, itu bermakna tentu ada jawapan. Jikalau tidak ada jawapan, kenapa beri jalan?

Tuan Douglas Uggah Embas: Saya telah beri jawapan.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat jangan tawar menawar ya.

Tuan Douglas Uggah Embas: Buat apa jawab dua tiga kali, tidak fahamkah?

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Kalau point of order, capak teruslah. Tetapi kalau tidak ada....

Tuan R. Karpal Singh: Tuan Pengerusi, common sense. Atas point of order ini....

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, cukuplah. Kalau point of order, sebutkan sahaja. Kalau tidak....

Tuan R. Karpal Singh: (*Menyampuk*)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Itu tidak timbul. Melainkan kalau Yang Berhormat hendak minta Yang Berhormat Setiausaha Parlimen jawab apa yang dibangkitkan tadi.

Tuan R. Karpal Singh: Dia tidak jawab.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Itu saya serahkan kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sama ada hendak beri jawapan, mana yang wajar terpulang kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Teruskan Yang Berhormat.

Tuan Douglas Uggah Embas: Saya telah beritahu dia tadi, dia menjalankan tugas rasmi. Saya berharap Ahli Yang Berhormat dari Jelutong faham apa erti tugas rasmi.

Tuan R. Karpal Singh: Tugas rasmi di mana? Itu saya mahu tahu.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat cukuplah. Kalau dia hendak beri jalan, bolehlah Yang Berhormat bangun dan minta penjelasan.

Tuan Douglas Uggah Embas: Tuan Pengerusi, saya ingin menjelaskan di sini.. ..

Tuan R. Karpal Singh: Tuan Pengerusi, dia bukan Menteri, bukan Timbalan Menteri tetapi Setiausaha Parlimen dan mahu bertanggungjawab kepada satu Kementerian, dan dia mahu main-main sekarang,

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Janganlah begitu, Yang Berhormat.

Tuan R. Karpal Singh: Bukan begitu, dia tidak mahu jawab dengan tepat, itu saya mahu dapat tahu. Tugas rasmi—di mana dia sekarang?

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Sila duduk, Yang Berhormat.

Tuan R. Karpal Singh: Saya boleh duduk, itu tidak mengapa, tetapi saya mahu dapat tahu untuk rekod. Jangan main-main.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, cukuplah. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen.

Tuan Douglas Uggah Embas: Siapa yang main-main. Sayakah atau Yang Berhormat dari Jelutong yang main-main?

Datin Ling Chooi Sieng: Tuan Pengerusi, saya minta penjelasan.

Yang Berhormat, saya bersetuju dengan Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas, semua Ahli-ahli Parlimen, Menteri-menteri dan Timbalan-timbalan Menteri tidak dapat menghadiri persidangan Dewan hari ini, tetapi adakah Yang Berhormat sedar bahawa satu tarikh yang telah ditetapkan untuk Menteri Kehakiman untuk menyampaikan Budget speechnya kepada Parlimen ialah hari ini. Tidakkah Menteri mempunyai satu tugas di mana beliau sendiri mesti menghadiri persidangan Parlimen hari ini.

Tuan Douglas Uggah Embas: Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Menteri walaupun tidak hadir tetapi pegawai-pegawainya pun ada bersama kita untuk menjawab apa yang kita bincangkan pada hari ini.

Tuan Pengerusi, mengenai ketidakhadiran Yang Berhormat Menteri di satu function, dengan izin, Bar Council adalah kerana mereka tidak menjemput Ketua Hakim Negara. Jadi, dalam pandangan Yang Berhormat Menteri, dia tidak hadir kerana menghormati kedudukan Ketua Hakim Negara.

Tuan Pengerusi, tadi Ahli Yang Berhormat dari Jelutong menyentuh mengenai sistem keadilan kita dan kebebasan kehakiman. Memanglah menjadi landasan dan asas kepada

Kerajaan untuk menentukan Badan Kehakiman itu bebas untuk membuat keputusan yang membangkitkan pertelingkahan di antara rakyat dengan Kerajaan ataupun rakyat bersama rakyat. Oleh sebab itulah sistem pemisahan kuasa ataupun dengan izin, separation of powers, dilaksanakan dengan berkesan walaupun di dalam mana-mana undang-undang manusia yang direka oleh manusia mestilah ada golongan yang tidak berpuas hati mengikut anggapan dan persepsi masing-masing terhadap keadilan itu sendiri.

Kerajaan Barisan Nasional sentiasa menghormati keputusan yang dibuat oleh Mahkamah di negara kita ini.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat dari Jelutong juga timbulkan masalah mengenai perlantikan Judicial Commissioner ataupun Suruhanjaya Kehakiman. Untuk makluman Dewan ini, perlantikan Judicial Commissioner ataupun Suruhanjaya Kehakiman ini bukanlah satu perlantikan yang dibuat hanya di negara kita ini. ia juga dibuat di negara-negara yang lain, ia melihat ada masalah berkenaan dengan kes-kes tertangguh. Maka sebagai satu tindakan dan peruntukan sementara untuk mengatasi kes-kes tertangguh ini, dilantik dengan secara cepat Suruhanjaya Kehakiman untuk membantu menyelesaikan kes-kes ini dan mereka juga tertakluk di dalam membuat keputusan dengan cara bebas dan adil. Saya tidak bersetuju dengan Yang Berhormat yang mengatakan bahawa oleh kerana....

Tuan R. Karpal Singh: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, nanti sekejap. Jelutong bangun.

Tuan Douglas Uggah Embas: Tak beri jalan lagi kerana kita sudah kesuntukan masa.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Dia tak beri jalan, Yang Berhormat Jelutong. Teruskan.

Tuan Douglas Uggah Embas: Saya tidak bersetuju dengan Yang Berhormat yang mengatakan bahawa oleh kerana tidak ada security of tenure, dengan izin, maka mereka tidak dapat bertindak dengan bebas. Saya fikir bertindak dengan bebas atau tidak bergantung kepada tiap-tiap individu itu sendiri di dalam menjalankan tugas yang diberi kepadanya.. .

Tuan R. Karpal Singh: Penjelasan.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Hendak beri jalan, Yang Berhormat?

Tuan Douglas Uggah Embas: Tak beri, tak ada masa lagi.

Tuan R. Karpal Singh: Perkara mustahak yang saya bangkitkan.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, dia tak beri.

Tuan R. Karpal Singh: Tidak boleh macam itu....

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, jangan berhujah ya. Kalau dia....

Tuan R. Karpal Singh:... .
sungguhpun ada peraturan, tetapi.. ..

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Memang. Kalau Yang Berhormat hendak meminta sesuatu, Yang Berhormat boleh bangun, tetapi terpulang kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sama ada hendak berikah atau tidak?

Tuan R. Karpal Singh: Kena pinda Peraturan-peraturan, Yang Arif.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Itu lain ceritalah, Yang Berhormat.

Tuan R. Karpal Singh: Unconstitutional seperti ini.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, tertib ya. Sila duduk, Yang Berhormat! Jangan terbawa-bawa dengan perasaan. Sila duduk, Yang Berhormat!

Tuan Douglas Uggah Embas: Kita telah memberi peluang kepada Yang Berhormat tadi menimbulkan berbagai masalah, jadi kita sekarang....

Tuan R. Karpal Singh:
(Menyampuk)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, cukuplah. Kalau dia tak beh, itu terpulang kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, Teruskan.

Tuan Douglas Uggah Embas: Tuan Pengerusi, Yang Berhormat dari Kok Lanas tadi juga menyentuh mengenai tugas Kementerian Kehakiman dan menyentuh mengenai perkara kes tertangguh dan beliau mengatakan campurtangan Kementerian Kehakiman mengenai masalah ini adalah satu campurtangan yang tidak perlu diambil oleh Kementerian Kehakiman. Saya ingin menjelaskan kepada Dewan ini bahawa setakat sehingga Jun, 1991 lebih 434,000 kes-kes jenayah dan sivil yang belum dibicarakan. Maka tindakan untuk mengatasi masalah ini tidak boleh dikatakan kita campurtangan. Kementerian Kehakiman tidak pernah campurtangan dalam urusan Mahkamah. Kajian yang dijalankan dan tindakan yang diambil oleh Kementerian Kehakiman untuk mengalasi masalah ini adalah menunjukkan bahawa Kementerian Kehakiman dengan sedaya upaya mencari jalan bagaimana menyelesaikan kes ini.

Pada 6hb November, 1991 Yang Berhormat Menteri telah juga menggariskan berbagai tindakan penyelesaian kepada tindakan untuk menyelesaikan masalah ini, termasuk juga untuk menarabahkan jurubahasa-jurubahasa dan hakim-hakim yang diperlukan. Kementrian juga telah mengambil berat tentang ini sehingga Yang Berhormat sendiri meminta pihak MAMPU untuk menjalankan kajian menyeluruh mengenai kes-kes tertangguh.

Untuk makluman Dewan ini, kajian telahpun siap, perakuan-perakuan dan tindakan yang dicadangkan oleh MAMPU telah dikemukakan kepada Yang Berhormat Menteri dan ia akan dikemukakan kepada Jemaah Menteri untuk pertimbangan dan kelulusan bagi melaksanakan perakuan-perakuan tersebut, Jadi, saya harap Yang Berhormat udaklah menganggap apa-apa tindakan yang diambil oleh Kementerian Kehakiman itu sebagai usaha campurtangan dalam hal ehwal Mahkamah.

Tuan Pengerusi, beberapa Yang Berhormat juga menimbulkan masalah bangunan mahkamah. Kita memang mengakui bahawa satu masalah yang kita hadapi adalah kekurangan bangunan-bangunan dan bilik-bilik Mahkamah. Oleh yang demikian, maka dalam peruntukan yang kita bincang pada hari ini untuk tahun 1992, \$35 juta telah diperuntukkan kepada Butiran 00100 Bangunan-bangunan Mahkamah dan juga Pembaikan/Ubahsuai, Pembekalan Alat-alat dan Kemudahan-kemudahan bersabit dengan Mahkamah. Kita berharap dengan tindakan yang serupa itu kita dapat dengan seberapa boleh menyelesaikan masalah kita mengenai dengan kemudahan-kemudahan Mahkamah.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat dari Lumut telah menyentuh mengenai perkara penggunaan Bahasa Malaysia. Walaupun tidak begitu detail yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat, tetapi saya ingin menjelaskan bahawa soal

Bahasa Malaysia ini telahpun digunakan di Mahkamah-mahkamah dan akta itu ada memberi peluang untuk kita menggunakan dengan sepenuhnya.

Tuan Pengerusi, akhirnya sekiranya ada perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat yang saya tidak sempat jawab di sini, saya minta maaf, walau bagaimanapun Kementerian akan mengambil perhatian kepada semua perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah bercakap tadi. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$59,824,500 untuk Maksud B.43 di bawah Kementerian Kehakiman jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$59,824,500 untuk Maksud B.43 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$35,000,000 yang disebutkan untuk Maksud P.43 dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 1992 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan dan disetujui.

Wang sebanyak \$35,000,000 untuk Maksud P.43 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1992.

Maksud B.44 (Jadual)—

Maksud P.44 (Anggaran Pembangunan, 1992)—

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Kepala Bekalan B.44 dan Kepala Pembangunan P.44 di bawah

Kementerian Penerangan terbuka untuk dibahas sekarang. Bandau.

4.59 *ptg.*

Tuan George Sangkin (Bandau): Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh terlebih dahulu B.44, Butiran 010000 Khidmat Sokongan di bawah Program 010100 Pentadbiran dan Kewangan; Butiran 030000 di bawah Perkhidmatan Penerangan.

Tuan Pengerusi, saya dapati bahawa banyak Pejabat-pejabat Penerangan Daerah di Sabah kekurangan kakitangan untuk melaksanakan tugas-tugas Jabatan tersebut.

Kejadian ini didapati berlaku di kesemua daerah-daerah di Sabah kecuali beberapa pejabat penerangan bahagian di negeri itu. Saya tahu tugas-tugas yang dilaksanakan oleh pegawai-pegawai Jabatan Penerangan di setiap daerah adalah luas yang memerlukan kakitangan yang cukup. Antara lainnya, seperti tugas yang memerlukan lebih banyak kakitangan ialah kegiatan seperti lawatan dari rumah ke rumah ataupun dari kampung ke kampung yang merupakan kawasan-kawasan yang tidak mempunyai perhubungan jalan-raya terutama sekali di kawasan-kawasan luar bandar. Mereka kena berjalan kaki berbatu-batu jauhnya bersama-sama dengan para pegawai Kerajaan lain apabila berlaku lawatan pegawai-pegawai Kerajaan.

Saya pernah melihat dia juga seorang pegawai penerangan daerah, dia juga sebagai pemandu kenderaan di pejabat tersebut, dia juga sebagai seorang operator mesin projektor dan juga kita lihat dia juga sebagai seorang yang melawat dari rumah ke rumah untuk menyebarkan maklumat kepada orang-orang di luar bandar. Apatah lagi dengan tugas-tugas lain seperti juruhebah ketika mereka dilantik sebagai juruhebah dan

juga mengadakan majlis dialog dan juga sivik, semuanya merupakan satu tugas "One man show", dengan izin.

Tambahan kepada itu, saya dapati sudah begitu lama masti banyak pejabat-pejabat penerangan daerah yang tidak mempunyai bangunan pejabat yang baik. Sangat kasihan sekali kita melihat keadaan mereka menggunakan bangunan-bangunan yang sudah lama, yang sudah usang yang ditinggalkan oleh Jabatan-jabatan Kerajaan lain kerana mereka ini berpindah ke bangunan pejabat baru.

Jadi, saya amat kasihan melihat dan minta kepada Kementerian Penerangan untuk melihat perkara ini. Saya pernah berkhidmat di Jabatan Penerangan Malaysia di Sabah dan pejabat yang pernah saya bertugas dahulu masih duduk di bangunan yang sama yang sudah usang, yang sudah begitu lama bekas bangunan Pejabat Daerah dan saya rasa sudah tiba masanya Kementerian ini meneliti keperluan pejabat-pejabat penerangan daerah di seluruh Sabah dengan membina bangunan-bangunan pejabat yang baru supaya mereka ataupun pegawai-pegawainya yang bertugas di daerah-daerah tersebut dapat melaksanakan tugas-tugas dengan sepenuhnya serta membolehkan mereka berkhidmat dalam keadaan suasana pejabat yang sihat dan selesa dan di sini khususnya saya menyampaikan permintaan, terutama sekali kepada Kementerian ini supaya dapat membina pejabat penerangan daerah di Kota Marudu yang saya lihat mereka hanya menumpang pada satu bangunan yang begitu usang sekali.

Tuan Pengerusi, seterusnya saya ingin menyentuh mengenai Program 030200, iaitu Perkhidmatan Luar Sivik dan Masyarakat.

Tuan Pengerusi, nampaknya kegiatan luar Jabatan Penerangan tidak lagi sehebat seperti yang saya ikuti dahulu. Kegiatan sivik misalnya dan juga dialog

dan tayangan wayang gambar percuma yang diadakan di kawasan-kawasan luar bandar jarang sekali diadakan dan mungkin kerana kita tidak dipanggil bersama kepada Majlis-majlis dialog ataupun sivik itu maka kita tidak tahu sama ada kegiatan-kegiatan ini masih diadakan atau tidak, tetapi yang saya pasti ialah tayangan wayang gambar percuma yang kita selalu adakan di kawasan-kawasan yang tidak mempunyai pancaran televisyen ataupun tidak sampai siaran televisyen atau tidak ada bekalan elektrik untuk perkhidmatan televisyen. Maka perkhidmatan tayangan wayang gambar percuma ini, saya percaya masih lagi diperlukan.

Saya menyatakan demikian kerana selama ini saya tidak lagi melihat ataupun mendengar kegiatan-kegiatan ini diadakan. Walau macam manapun, di bawah sistem siaraya, saya ingin memuji kepada kakitangan atau pegawai-pegawai Jabatan Penerangan di daerah-daerah kerana saya sendiri sering melihat mereka dan kakitangan-kakitangan mereka memberikan kerjasama dalam membekalkan sistem siaraya.

Saya berpendapat bahawa kegiatan sivik dan juga kegiatan dialog haruslah digiatkan semula dan haruslah juga melibatkan pemimpin-pemimpin Kerajaan Negeri tidak mengira dari mana parti asalnya. Kita berharap bukan kerana Parti Bersatu Sabah berada di luar Barisan Nasional, maka Ahli Parlimennya ataupun Ahli Dewan Undangan Negerinya tidak lagi dijemput atau diundang bersama untuk melibatkan diri mereka dalam kegiatan-kegiatan seperti sivik, dialog, temuramah dan sebagainya.

Tuan Pengerusi, saya berbalik kepada Butiran 020000, iaitu Perkhidmatan Penyiaran di bawah Program 020100 Rancangan.

Saya menggesa kepada Kementerian Penerangan untuk mengkaji rancangan-rancangan televisyennya. Walau bagaimanapun, kita merasa puas hati juga

dengan siaran-siaran hiburan yang ditayangkan melalui televisyen—TV1 dan TV2 serta TV3, ini agak menarik juga. Namun demikian, kita telah pun menegur berulang-kali dalam Dewan yang mulia ini sama ada saya sendiri ataupun rakan-rakan saya Ahli Parlimen yang lain daripada Sabah kepada Kementenan ini supaya mengkaji liputan akhbar Televisyen Malaysia di negeri Sabah supaya memperbaiki liputan berita ataupun documentary, dengan izin, pembangunan dan pelancongan bagi negeri Sabah.

Mentang kita sedar ada juga liputan-liputan akhbar ataupun dokumentari Televisyen Malaysia bagi negeri Sabah, tetapi terlalu sedikit sekali, Tuan Pengerusi. Walaupun saya tidak ada menjalankan satu analisis ataupun content analysis, dengan izin, terhadap kekerapan liputan akhbar TV Malaysia yang dilaporkan oleh TV ini bagi negeri Sabah, tetapi apa yang saya dapati dalam satu minggu misalnya, kita jarang sekali mendengar berita dari Sabah melalui TV Malaysia Channel satu, dua ataupun tiga.

Jadi, sama ada ianya Berita jam 6 atau jam 8, kecuali berita seperti keadaan cuaca dan sebagainya. Sehubungan dengan ini, saya mintalah Kementerian Penerangan menjelaskan, iaitu dalam seminggu, kita kena minta penjelasan supaya kita sedar mengenai masalah ini. Dalam seminggu misalnya, berapa kerapkah berita-berita daripada Sabah disiarkan melalui televisyen TV1, TV2 ataupun TV3.

Tuan Pengerusi, saya menyentuh liputan akhbar melalui Televisyen Malaysia ini disebabkan oleh fakta yang diterima umum bahawa media massa merupakan cabang yang keempat kepada Kerajaan, atau, dengan izin, "Mass media is considered as the fourth branch of the Government". Bagi saya, TV Malaysia atau Televisyen Malaysia ini merupakan media massa yang penting sekali bagi melaksanakan fungsi-fungsi media massa sebagai cabang yang

keempat kepada Kerajaan yang saya sebutkan tadi, Oleh itu saya percaya, Televisyen Malaysia boleh menyebarkan dengan seluas-luasnya segala perkembangan dan pembangunan yang berlaku di seluruh negara ini kepada semua lapisan masyarakat di Malaysia yang sempat menonton ataupun melihat berita melalui peti-peti TV.

Oleh itu, saya menggesa kepada Kementerian Penerangan supaya membuat tiputan akhbar TV kepada semua Negeri-negeri di seluruh Malaysia ini seluas-luasnya yang boleh dan seadil-adil yang bolch bagi membolehkan rakyat kita di seluruh Malaysia ini mengetahui perkembangan-perkembangan semasa sama ada politik, sosial, ekonomi dan sebagainya yang sedang berlaku di seluruh negara kita.

Tuan Pengerusi.cuma sekian sahaja perbincangan saya dan saya ucapkan terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Batang Lupar.

5.09 ptg.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar (Batang Lupar): Tuan Pengerusi, saya tidaklah hendak bercakap panjang, tetapi mengulang lagi cerita lama yang pernah saya ceritakan di Dewan yang mulia ini berhubung dengan Kementerian Penerangan.

Saya merujuk kepada Maksud Bekalan 44, Mukasurat 205, Butiran 020000 Perkhidmatan Penyiaran.

Sebagaimana tidak dapat dinafikan, penyiaran sama ada di media cetak ataupun media elektronik adalah satu alat yang begitu penting sekali di dalam membentuk masyarakat di negara yang tertentu.

Jadi kita boleh membenlukkan masyarakat kita dengan apa-apa cara sekalipun, kalau kita sebut umpamanya dahulu rakyat Amerika telah meng-

gunakan Holly wood sebagai propaganda mencemarkan nama baik orang luar Amerika, dikatakan kalau orang Arab itu semuanya jahat, cut throat, bad, thief segala-galanya, digunakan Hollywood sejak pengeluaran Hollywood pada tahun 50an dan 60an, saya tidak ada lagi—muda lagi. Tetapi saya pernah tengok kalau cerita orang Arab itu semuanya jahat, orang Putih sahaja yang hero, orang Putih sahaja yang menang. Jadi, alat itu telah dipergunakan dengan meluas-luasnya seluruh dunia sebagai alat propaganda yang terbesar sekali. Dalam konteks inilah kita mesti mempergunakan alat media cetak, media massa dan media elektronik kita ini di seluruh negara untuk membentuk ke arah mana dan fikiran apa masyarakat di negara 1111 hendak kita tujukan.

Jadi, daripada itu inginlah saya menyentuh semula daripada di awang-awang kita turun ke bumi nyata, saya pernah berkata di Dewan yang mulia ini pada persidangan yang lepas iklan yang pernah dikatakan, iklan janganlah mengeksploitasikan sangat anak-anak kecil yang berumur 5 tahun, 6 tahun, 7 tahun 8 tahun dan 10 tahun dengan cerita-cerita kartun, dengan iklan, dengan cerita yang tak sesuai dan banyak lagi yang ditunjukkan dalam televisyen, kadang-kadang kita sebagai ibu bapa di rumah to counter cerita daripada iklan di dalam TV itu dengan cerita lain. Jadi ia bertentangan betul dengan apa yang ditunjuk di dalam TV dan dengan cerita kita.

Umpamanya kalau keluarlah satu iklan iaitu makanan budak, kita kata makanan ini junk food, dengan izin, kita katakan cerita yang macam-macam, benda yang boleh terbang, benda yang boleh berpusing, benda yang boleh berlari, benda yang boleh apa sahaja tetapi benda itu tidak benar, tidak betul, jadi kita hendak menceritakan kepada budak-budak itu kalau tidak kita terpaksa kena beli benda itu, hendak menunjukkan yang benda itu bukan benar, benda itu bohong. Bagi orang yang

mampu untuk membuat begitu bolehlah, bagi keluarga yang tidak mempunyai kemampuan perkara ini tidak harus berlaku, jadi anak yang menerima hakikat iklan itu terus dengan bulat-bulatnya apa yang dilihatnya di dalam TV itu semuanya betul. Jadi terjuallah benda-benda yang tidak baik ini dan televisyen telah digunakan oleh komersial untuk mempengaruhi fikiran anak-anak itu dengan benda-benda yang mungkin tidak diselidiki dan tidak betul.

Saya berharaplah iklan ini, walaupun peruntukan revenue sampai kepada televisyen begitu banyak, tetapi sebaliknya juga revenue resources manusia, masyarakat dalam Malaysia ini lebih penting daripada kewangan yang diterima oleh televisyen itu sendiri. Mana satu pilihan kita? Hendak membentuk masyarakat yang baik atau menerima duit tiap-tiap tahun kepada televisyen itu sendiri.

Jadi, saya berputar kepada Program 0200100 Rancangan. Di sini saya sentuh sepintas lalu.

Semenjak kebelakangan ini, kita di Sarawak alhamdulillah telah menerima sedikit-sebanyak liputan, lebih banyak daripada dahulu. Mungkin setahun dua dahulu kita tidak menerima liputan banyak di dalam akhbar-akhbar, tetapi kadangkala akhbar-akhbar ini hanya disiarkan di dalam Berita Wilayah, tetapi Prime Time News pukul 8.00 malam berita Sarawak jarang sekali ternampak.

Kita mesti mengingatkan integrasi nasional adalah satu konsep yang penting hendak kita binakan di dalam masyarakat Malaysia, supaya tidak ada perbezaan orang Malaysia daripada Semenanjung, tidak ada perbezaan orang Malaysia daripada Sarawak. Kalau ada perbezaan dirasa orang mungkin tidak benar, tetapi sensitivity, dengan izin, orang yang di sebelah Sarawak dan Sabah terasa sedikit kalau perbezaan ternampak. Saya berharap kalau rancangan yang ada ini, kalau nampak

Menteri pergi ke Johor datang jugalah ke Sarawak, tidak payah ikut Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri sahaja, Menteri-menteri Sarawakpun boleh juga boleh beri liputan dalam Prime Time ataupun dari Sabah. Kadang-kadang orang yang bekerja tidak semua datang pukul 6.00 petang, dia sengaja hendak balik untuk sembahyang Maghrib sahaja pukul 6.30 petang baru sampai ke rumah. Kalau tidak sampai ke rumah dalam pukul 6.00 petang dia akan terlepas Berita Wilayah. Jadi, tidak dapatlah melihat Berita Wilayah kerana liputan Berita Wilayah ini terhad betul, bukan terhad dengan maknanya, terhad dengan orang Sarawak sahaja, tetapi terhad kepada semua rakyat Malaysia, selain dari anak-anak yang menonton kartun sahaja yang hadir.

Saya berharaplah dalam Prime Time khabar-khabaran daripada Sarawak atau Sabah itu dikeluarkan juga, bukan kita hendak membezakan kerana terasa betul, kepada orang sensitif perkara ini berlaku, tetapi kalau dipandang kepada orang yang neutral secara objektif, mungkin tidak. Tetapi perasaan ini terpaksa dibendung dan dijaga.

Saya ingin berpindah ke mukasurat 206 dalam Program 030200 Perkhidmatan Luar Sivik dan Masyarakat.

Di sini juga, saya ingin menyentuh adalah mengenai satu media yang penting terutama sekali di Sarawak, kerana sebahagian besar negeri Sarawak belum lagi menerima siaran televisyen—radio memang ada di rumah panjang, tetapi orang di rumah panjang tidak balik ke rumah hingga pukul 7.00 malam selepas bertani ataupun setelah berkebun atau pergi memburu. Jadi, di waktu malam sahaja mereka pergi mendengar cerita siaran atau mendengar radio, sebilangan besarnya tidak ada. Jadi kebanyakan khabar-khabar yang kita kehendaki ialah menerusi radio itu yang mereka terima, kepada yang mampu membeli radio, kadang-kadang ada rumah panjang yang kalau hendak beli

bateripun 3 jam jalan kaki, 2 jam jalan kaki. Maknanya minggu ini saya tidak payah dengar radio, oleh kerana bateri saya tidak dapat, tunggulah masanya saya pergi ke pekan nanti baru saya beli bateri. Jadi kalau sudah selesai makan baru pergi membeli bateri, seminggu itulah radio tidak dengar, minggu itulah khabar tidak dengar.

Kalau perkhidmatan sivik ini diperhebatkan lagi sebagaimana yang telah dipinta oleh Yang Berhormat dari Sabah tadi ada banyak kebajikannya untuk menyebarkan khabar dan dasar Kerajaan. Jadi pegawai-pegawai luar Jabatan Penerangan itu mestilah diperalatkan dengan cukup, bukan sahaja daripada dasar Kerajaan, tindakan Kerajaan, projek Kerajaan, tetapi juga dengan perkara-perkara lain, umpamanya AIDS, mesti diperkenalkan kepada mereka. Ini penting kerana banyak masyarakat di luar bandar berhijrah ke dalam bandar yang di dalam bandar itu mungkin berhubung dengan orang daripada luar negara yang mungkin membawa AIDS ke negara kita, dan mereka ini akan balik ke kampung menyerapkan keadaan yang buruk, yang mereka jumpa di bandar kepada masyarakat di kampung. Jadi dengan itu masyarakat yang tidak tahu menahu yang ir.nocent, dengan izin telah mendapat gejala yang buruk. Jadi tiap-tiap benda yang tidak baik umpamanya AIDS yang saya sebutkan tadi mesti diberitahu kepada pegawai-pegawai penerangan yang menjalankan usaha mereka dan menjalankan Perkhidmatan Luar Sivik dan masyarakat itu.

Saya selalu dibawa pergi bersama atau dijemput menghadiri pengumuman sivik ini dan tayangan gambar diperlihatkan, tetapi tayangan gambar ini, gambar yang ditunjuk itu buatan tahun 50an, buatan tahun 60an tidak up-to-date. Jadi, tolonglah cari material yang baru-baru, carilah material tahun 1991 tunjukkan, kerana orang yang membuat dakwah ke dalam kampung ke luar bandar itu dia itu up-to-date dengan news dan khabaran 1991.

Jadi khabaran yang dibawa oleh Kerajaan mesti up-to-date to counter the allegation ataupun tuduhan yang lidak baik. Kalau kita tidak up-to-date, sentiasalah kita di belakang, one step behind, kalau tidak 10 steps behind. Jadi, apa sahaja usaha kita menjadi tidak bererti. Inilah sebabnya keluar buku oleh James Barkley, keluar macam-macam buku lagi mengenai Sarawak. Saya hendak beli semua buku hal Sarawak ini. Sekarang saya sudah beli 10 buku, tetapi tidak habis baca. Selagi ada penulis luar negeri yang datang ke Sarawak tulis buku, saya hendak beli, hendak baca semua apa cerita mereka. Banyak cerita yang tidak baik ini, saya jemput sesiapa Ahli Yang Berhormat yang hendak sokong Orang Puteh, yang sokong Mat Salleh ini baca buku ini, buku yang mereka tulis ini, apa cerita mereka. Jual bini pun ada dalam ini, tahukah tidak? Orang Sarawak, orang dalam negeri Sarawak di pendahuluan Sarawak jual isteri kepada Mat Salleh dalam buku ini. Ini orang Sarawak sendiri yang tidak hendak sokong, sebab dia tidak baca buku.

Jadi, saya mintalah Kementerian Penerangan baca juga buku ini, jangan saya seorang sahaja, supaya kita tahu apa tuduhan orang luar negeri. Saya, dalam masa persidangan tiga minggu balik daripada United Nations, saya sudah baca lima buku, *Stroll Through Borneo* (Masuk Borneo), yang keluar dalam *Heritage Malaysia*. Semua jahat-jahat buku-buku mereka ini. Propaganda orang-orang puteh kepada kita. semua tidak betul. Kita orang Iban dilawan dengan orang Melayu. Orang Melayu kata tidak baik, orang Iban kata lidak baik, lagakan Kristian dengan Islam, semua ada dalam buku ini, baca buku ini.

Jadi, kita mesti ada media dan perhubungan yang up-to-date, masalah the third world country di antara bangsa ialah masalah komunikasi. Jadi, kalau kita sudah kalah di antarabangsa, tetapi di dalam negeri kita sendiri sepatutnya kita jangan kalah. Komunikasi inilah

yang penting menyibar khabar baik. Jangan mereka beri khabaran mereka duduk dalam hutan, mereka cerita yang buruk. Dia duduk dalam longhouse, dia cerita orang di coastal area tidak baik. Dia duduk di coastal area, dia khabar orang di longhouse tidak baik. Jadi, orang longhouse dan coastal area ini hendak dilagakan. Jadi, saya berharaplah pihak Kementerian yang bertanggungjawab memberi khabaran ini, berilah khabaran-khabaran yang up-to-date kepada pegawai-pegawai kita. Tidak cukup dengan pegawai untuk mengadakan sivik, mengadakan ceramah, menunjukkan gambar kartun, gambar luc... .minta maaf, saya tarik balik kalau ada bunyi "lucah" tadi, salah sebut. Gambar wayang yang ceritanya bermacam-macam dan gambar yang 50an dan 60an. Tidak hendak tunjuk gambar yang up-to-date 1990, 1991—counter-attack. Sepatutnya jangan cara recessive explanation sahaja, kita mesti menunjukkan kila boleh - bukan dengan cara detensive, tetapi aggressive.

Tuan Wahab bin Suhaili: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, minta penjelasan.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Boleh, jangan banyak sangat.

Tuan Wahab bin Suhaili: Minta penjelasan sedikit. Memandangkan bahawa buku yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi menimbulkan isu sensitif, adakah Yang Berhormat bercadang agar Kementerian Penerangan mengambil tindakan untuk mengharamkan buku itu di dalam negeri ini?

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Negara Malaysia adalah negara demokrasi, walaupun banyak Pembangkang mengatakan bukan demokrasi.

Tadi Setiausaha Parlimen sudah kata bahawa berapa ratus periodical newspapers yang dikeluarkan mencaci negara ini, mencaci Kerajaan, bahkan pegawai-pegawai pun kena caci. D.O. yang kecil pun masuk dalam ini, bukankah jahat juga. Tetapi kita biarlah rasionalnya memilih sendiri. Orang macam saya tahu memilih, kenapa pula yang lebih cerdik daripada saya tidak boleh pilih. Jadi, saya serahlah kepada Kementerian kalau sudah baca buku *Stroll Through Borneo* nanti, kalau hendak diharamkan, haramkanlah. Saya terima apa tindakan Kerajaan. Bukan ini sahaja, banyak lagi buku, siri buku *Heritage of Borneo* ini banyak. Saya hendak beli semua.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, masa Yang Berhormat sudah cukup.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Sedikit sahaja, oleh kerana saya bercakap hal Sarawak. Jadi, permintaan saya ialah orang yang terlibat dengan orang luar negeri yang memberi encouragement kepada orang luar negeri ini, bukan sahaja buku ini diban, orang yang buat macam itu mesti diselidiki latarbelakang mereka. Sebelum saya balik daripada Amerika dulu, saya jumpa satu teks, saya lupa beli. Saya hendak beli, tetapi tidak jadi beli. Dia kata, "You love Amerika or leave Amerika", kata dia. Mula-mula saya tidak cam apa erti, "You love Amerika or leave Amerika". Baru saya sedar bila sudah naik kapal terbang—orang Sarawak kata naik belon—baru saya sedar. Ceritanya itu, "If you don't love Malaysia, you leave Malaysia." That's it, dengan izin. Orang di sinikah, atau orang anak bumiputera Malaysia, kalau dia tidak suka dengan Malaysia, dia larilah. Terima kasih, dengan itu saya menyokong.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Padang Terap.

5.25 ptg.

Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar (Padang Terap): Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada Butiran 020000 Program 020100 mengenai dengan Rancangan di bawah Perkhidmatan Penyiaran.

Saya ingin menyambung apa yang telah dipercakapkan oleh rakan saya, Yang Bcrhormat dari Batang Lupar mengenai dengan Rancangan. Saya telah bercakap tiap-tiap tahun mengenai Rancangan dan satu daripada perkara yang saya bangkitkan dua tahun yang lalu yang mendapat response daripada pihak Kementerian ialah pertama sekali mengenai dengan siaran-siaran program ataupun siri-siri yang kita tahu akan merosakkan akhlak masyarakat kita. Misalannya, penyiaran siri Dallas, Dynasty dan lain-lain lagi.

Dahulu saya bawa dalam Dewan ini soal Dallas dan Dynasty ini yang mendewa-dewakan life-style apa yang dipanggil *I jump into your bed, you jump into my bed, and everybody jumps into everybody 's bed.* Jadi, apabila saya bangkitkan soal itu, pihak Televisyen Malaysia telahpun memberhentikan, saya fikir lebih kurang daripada setahun. Tetapi baru-baru ini sudah keluar pula Dallas dan Dynasty. Bukan tidak seronok hendak tengok, Tuan Pengerusi, saya sendiri pun seronok tengok siri ini. Tetapi apakah siri ini patut kita tayangkan kepada semua masyarakat yang mana ternyata bahawa siri ini membawa nilai-nilai yang bertentangan dengan nilai-nilai kita khususnya nilai agama dan nilai masyarakat Timur yang mementingkan the sanctification of the family life, dengan izin, yang berasaskan kepada perkahwinan yang halal. Dan sudah tentu sekali Kementehnan Kesihatan akan menyokong saya jikalau kita terus mendewa-dewakan life-style ini ataupun cara hidup ini. Kemungkinan AIDS akan bertambah naik lagi, kerana kita sendiri menyangkan satu life-style yang menggalakkan peningkatan penyakit AIDS, the promiscuous society, Tuan Pengerusi.

Jadi, saya harap Timbalan Menteri dan Setiausaha Parlimen yang cukup dinamis supaya membawa balik kepada Kementerian ditimbang semula mengenai dengan siri-siri yang menunjukkan filem ataupun menunjukkan cara-cara hidup yang membawa nilai yang bertentangan dengan apa yang kita inginkan masyarakat kita menganut.

Tuan Pengerusi, mengenai dengan Rancangan juga, iklan yang disebutkan oleh dua Ahli Yang Berhormat tadi, saya ingin menambah bahawa supaya pihak Kementerian, khususnya Televisyen Malaysia, lebih meneliti mengenai dengan iklan ini khususnya iklan yang mempengaruhi sub-conscious anak-anak ataupun kita sendiri. Lebih kurang 10 tahun dahulu Amerika Syarikat telah mengharamkan iklan yang menunjukkan satu babak secara repetitive, kerana jikalau ditunjukkan secara begini, pengaruhnya ataupun efeknya ialah ia masuk ke dalam sub-conscious seseorang itu. Dan dengan secara automatik ianya akan bersemadi dan seseorang yang dipengaruhinya secara itu akan bertindak tanpa mengetahui apakah tindakannya itu membawa padah ataupun membawa manfaat.

Jadi, misalannya kalau hendak saya sebutkan satu contohnya ialah iklan Camel, yang mana menunjukkan motosikal yang dinaiki oleh pemuda kacak atau pemuda rugged itu ditunjuk secara repetitive, secara berulang-ulang. Dan dengan cara itu dia masuk ke dalam sub-conscious seseorang manusia yang akan manfaat bukan kepada manusia itu tetapi kepada syarikat yang mengiklankan. Di Amerika telah diharamkan iklan sebegini. Saya harap pihak Kementerian meneliti dan mengkaji semula masalah ini supaya masyarakat kita tidak dirosakkan secara brain washing yang cukup halus atau, dengan izin, yang subtle ini.

Perkara ketiga, mengenai program rancangan ialah mengenai dengan apa yang dipercakapkan tadi. Saya ingin

membuat cadangan di sini, Tuan Pengerusi, berita mengenai daerah-daerah yang mana ditunjukkan peristiwa yang berlaku di tiap-tiap negeri di Malaysia ini yang disiarkan pada pukul 6.00 petang patutlah dibawa kepada prime time yang mana berita pada prime time itu bukan meliputi hanya setengah jam tetapi sejam. Yang mana setengah jam ataupun 20 minit ditumpukan kepada berita-berita daerah dan yang lebih lagi itu ditumpukan kepada berita-berita internasional. Kerana di masa prime time itulah boleh dikatakan semua rakyat Malaysia selepas sembahyang Maghrib, selepas makan—duduk, mereka dicapture, dengan cara otomatis dan melihat segala apa yang hendak ditunjukkan. Seperti kata Ahli Yang Berhormat dari Batang Lepar tadi, pukul 6.00 petang kebanyakan orang tidak tengok berita. Anak-anak muda berada di luar rumah, beriadah. Orang-orang tua yang mana ada duit, main golf dan berjalan. Ibu-ibu sibuk memasak. Yang tengok hanya residual sahaja. Residual itu mungkin orang-orang yang telah lanjut umurnya. Kumpulan yang dipanggil kumpulan dependent sahaja yang tidak mempunyai daya produktif dalam masyarakat. Yang umurnya lebih 70 tahun, apa pun sudah tidak boleh buat.

Tuan Pengerusi, saya cadangkan supaya berita itu diadakan sejam. Saya fikir berita yang diadakan pada prime time sekarang setengah jam tidak cukup. Kerana kalau kita lihat apa yang dilakukan di negara-negara maju seperti Amerika dan England, prime time news adalah satu jam. ABC Newskah, NBC, CBS, oleh Walter Croncripe, Barbara Walters—satu jam. Yang mana sebahagiannya ditunjuk berita di Amerika dan setengah jam berita internasional. Kalau ini dapat dilakukan oleh TV Malaysia, saya fikir tidak akan ada lagi kompelen-kompelen mengenai dengan hal ini.

Tuan Pengerusi, saya ingin masuk pula ke dalam Butiran yang sama, cuma programnya ialah 020400 Pengesan

Siaran. Mengenai dengan pengesan siaran ini, saya difahamkan bahawa pihak RTM telah membuat apa sahaja untuk mengatasi masalah yang dialami oleh rakyat di sebelah utara Semenanjung. Di sebelah utara Semenanjung, kami mengalami banyak gangguan-gangguan daripada penyiaran TV Thailand. Tengah sedap duduk tengok, Tuan Pengerusi, tahu-tahu "pup masuk" siaran TV Thailand. Ada kalanya dari stesen TV Haadyai, Golok, Bangkok dan juga Chiangmai. Seronok tengok, tetapi malangnya kita tidak faham. Sebab Elvis Presley pun cakap Siam. (*Ketawa*) Kalau dia cakap orang putih tidak apa juga.

Jadi kita mintalah supaya perkara ini dibangkitkan tiap-tiap tahun. Tetapi belum lagi dapat diselesaikan oleh pihak Kementerian. Saya difahamkan pihak Kementerian telah cuba menyelesaikannya, malah pihak Kementerian mempunyai bargaining edge yang kuat iaitu berasaskan kepada dasar kita yang mendahului siaran melalui sekian gelombang-gelombang. Tetapi kalau tidak diikuti oleh Thailand tentang persetujuan ini, kita patut bawa perkara ini hingga ke peringkat ASEAN Summit yang mana sebuah negara jiran tidak mematuhi undang-undang ataupun peraturan antarabangsa mengenai dengan penyiaran. Kalau perlu dibawa kepada ASEAN Summit yang akan diadakan di Singapore bulan Februari tahun depan. Perkara ini tiap-tiap tahun dibangkitkan. Kalau saya tidak bangkitkan, Ahli dari Kuala Kedah akan bangkitkan. Kuala Kedah tidak bangkit, Alor Setar akan bangkitkan. Jadi, di utara adalah menjadi satu masalah atau satu nuisance iaitu semacam duri dalam daging kepada rakyat di utara mengenai dengan hal ini. Tiap-tiap kali selalunya ada gangguan daripada TV Thailand.

Perkara yang lain pula, iaiah mengenai Butiran 010000 di mukasurat yang sama, Program 010200 Perancangan, Pembangunan dan Penyelidikan.

Kita selalu dengar, mengenai dengan rating poll ataupun survey yang dibuat untuk memberi ratings kepada satu-satu program atau satu-satu siri yang dibuat oleh TV Malaysia mahupun dibuat oleh TV sendiri ataupun dibuat oleh pihak swasta.

Saya ingin tahu bagaimana ratings ini dibuat. Kerana, kita kadang-kadang bagi satu-satu siri itu yang cukup baik, cukup bagus content dan mesejnya, cukup popular dari segi penerimaan keseluruhan rakyat Malaysia. Tetapi apabila ditengah-tengah kemuncak kepopularitiannya, sekonyong-konyong distop, diberhentikan. Misalannya rancangan "Pi Mai, Pi Mai, Tang Tu" yang dulu. Sekonyong-konyong dihentikan tayangannya. Pada hal tentu sekali program ataupun penyiaran sebegini mendapat rating yang tinggi. Mungkin perentian ini dibuat oleh sebab ditengok ratingnya rendah. Tetapi kalau ditanya kepada tiap-tiap rakyat biasa, even the tayman, Tuan Pengerusi, dengan izin, mereka akan mengatakan bahawa program ini adalah satu program yang baik. Program yang bukan sahaja memberi hiburan kepada kita tetapi membawa social criticism ataupun satire yang kuat terhadap kedudukan masyarakat kita khususnya masyarakat bandar. Dan lain-lain lagi rancangan-rancangan yang baik yang saya lupa hendak sebutkan di sini. Tetapi ratingnya yang saya rasa pasti rendah terus disiarkan dari setahun ke setahun. Macam rancangan Hang Setia. Tidak ada siapa yang puji. Tetapi tiap-tiap tahun ada cerita Hang Setia. Jadi saya belum lagi mendengar sesiapa yang memuji Hang Setia. Anak saya sendiri pun dia kata, "ini rancangan merapu"—dia kata.

Tuan Pengerusi, saya harap pihak Yang Berhormat Menteri, Timbalan Menteri dan juga pihak Setiausaha Parlimen sama-sama dapat menjawab macam mana rating mereka buat. Jadi, apakah methodology survey yang dibuat itu betul ataupun mungkin RTM mempunyai polisi lain misalnya limited

number atau bilangan siri yang terhad. Kalau terhad, cuba baiki. Saya harap cuba eksploitasikan penerimaan masyarakat dan cuba nilaikan sesuatu rancangan itu dari segi substance atau dari segi isi di dalam hal membawa mesej kepada masyarakat walaupun dia mengkritik Dewan Bandaraya sekalipun, tetapi kritiknya itu adalah baik dan adalah realistik yang membina.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat....

Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar: Akhir sekali, saya gulung, Tuan Pengerusi—dua minit sahaja.

Mengenai dengan 010000 Khidmat Sokongan mengenai FINAS. FINAS ini, saya dengar teruk sangat. Bukan teruk kerana FINAS tetapi teruk tidak mendapat sokongan yang baik. Saya haraplah jikalau kita betul-betul serius untuk menjadi industri perfileman sebagai satu industri yang menonjol, yang memang mempunyai potensi yang besar, saya harap Kementerian memberi lebih sokongan kepada FINAS ini bukan sahaja dari segi sokongan wang yang memang tiap-tiap tahun rendah daripada \$10 juta. Malah sokongan moral dan segala sokongan untuk menjadikan industri perfileman di negara kita satu industri besar, kerana kita mempunyai pasaran yang besar untuk dipasarkan perfileman negara, cuma mutu ataupun kualiti filem kita belum ada dan juga kuantiti filem yang dikeluarkan oleh negara belum lagi cukup untuk menembus atau bersaing di pasaran dunia perfileman. Sekian, terima kasih.

Tuan Lim Guan Eng: (*Bangun*)

Tuan Robert Lau Hoi Chew: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Kota Melaka.

Selepas ini, Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

5.42ptg

Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka): Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya hendak merujuk kepada Maksud Bekalan 44, Butiran 020000 Program 020100 Rancangan.

Tuan Pengerusi, saya ingin menyoalkan mengapakah Perhimpunan Agung UMNO baru-baru ini disiarkan secara langsung oleh RTM sedangkan Persidangan Parlimen tidak diberikan layanan yang sama? Adakah dalam pandangan pihak Kementerian Penerangan, Perhimpunan Agung UMNO adalah lebih mustahak daripada Persidangan Parlimen, malah laporan Parlimen tidak diberikan ruang langsung atau satu segment khas seperti yang dilakukan pada masa lampau? Nyata sekali pada pandangan Barisan Nasional, Parlimen kini adalah tidak penting maka UMNO adalah lebih penting, seperti yang dibuktikan dengan ketidakhadiran Yang Berhormat Menteri-menteri dalam Mesyuarat Parlimen.

Saya juga hendak bertanya, berapa banyakkah kerugian yang ditanggung oleh RTM kerana ekoran daripada siaran secara langsung Perhimpunan Agung UMNO, kerugian dalam bentuk opportunity costs, dengan izin, oleh kerana tidak dapat mengutip bayaran iklan yang biasanya dikutip kalau siaran-siaran biasa disiarkan.

Tuan Pengerusi, adalah jelas bahawa RTM diperalatkan oleh pihak UMNO dan Barisan Nasional. Saya ingin bertanya sama ada perhimpunan agung parti-parti lain, khususnya parti Pembangkang seperti DAP dan parti Semangat 46 akan diberikan layanan yang sama, iaitu diberikan siaran-siaran langsung apabila perhimpunan agung parti diadakan. Kalau tidak, apakah rasional UMNO diberikan siaran secara langsung? Persidangan Parlimen

dipandang sebegini rendah sekali oleh Kementerian Penerangan yang merupakan dengan secara tidak langsung satu penghinaan ke atas Parlimen.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin merujuk kepada program yang sama mengenai satu kajian Soal-Jawab atau questionnaire, dengan izin, yang dijalankan oleh empat pertubuhan Cina ke atas masyarakat Cina tentang program-program Cina di televisyen. Questionnaire mengenai program-program berbahasa Cina ini dijalankan oleh empat pertubuhan yang berikut, iaitu—

- (i) Gabungan Pemuda-pemuda Suku Kaum ataupun Persatuan Belia Siang Hin;
- (ii) Persatuan Dewan Perhimpunan Cina, Bahagian Kebudayaan dan Pendidikan;
- (iii) Pusat Penyelidikan dan Sumber Cina; dan
- (iv) Persatuan Mahasiswa-mahasiswa Universiti-universiti Taiwan.

Dalam questionnaire tersebut, 90% telah melahirkan perasaan tidak puas hati ke atas pihak Kementerian, kerana tidak menjalankan tugasnya atau menggunakan kuasanya untuk meminta TV3 menyiarkan berita bahasa Mandarin. Di sini, saya juga amat kesal dengan sikap MCA yang "bertalam dua muka" dalam perkara ini. Ini adalah kerana kempen untuk memaksa TV3 menyiarkan berita bahasa Mandarin dilancarkan oleh pihak MCA. Dan sungguhpun pemuda DAP memberikan sokongan kepada usaha ini, pemuda DAP tidak mahu campur dengan secara langsung dalam kempen memaksa TV3 menyiarkan berita bahasa Mandarin untuk mengelakkan anggapan bahawa pemuda DAP mempolitikkan perkara ini.

Pihak pemuda MCA yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat dari Kuala Lipis, iaitu Yang Berhormat Timbalan Menteri Kebudayaan,

Kesenian dan Pelancongan, telah melancarkan kempen memboikotkan program TV3 untuk memaksa TV3 menyiarkan bahasa Mandarin. Tetapi mengikut satu jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat dari Kuantan, Yang Berhormat Setiausaha Parlimen dalam Persidangan Dewan yang lepas, telah menyatakan bahawa tidak ada sebarang permohonan yang dibuat oleh pihak pemuda MCA mengenai perkara ini dan juga bahawa dia tidak sedar bahawa satu kempen boikot telah dijalankan oleh pihak pemuda MCA terhadap TV3, dan juga bahawa perkara ini tidak pernah ditimbulkan,

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, perkara ini yang diperjuangkan oleh pemuda MCA mendapat perhatian daripada Timbalan Presiden MCA, iaitu Yang Berhormat dari Hulu Langat di mana beliau menyatakan bahawa beliau kesal dengan prestasi Pemuda MCA dalam perkara ini. Pemimpin MCA sendiri tidak berpuashati dengan prestasi sayap pemuda mereka dengan prestasi Pemuda MCA dan tentu sekali Presiden Pemuda MCA, bila dia masuk, satu minit—dia lari, kerana tahu perkara ini akan ditimbulkan dalam Kementerian ini. Ini adalah satu pandangan oleh Yang Berhormat Timbalan Presiden MCA dari Hulu Langat yang menyatakan betiaw tidak berpuashati. Dia anggap pemuda MCA "Fu to ser wei", iaitu berkepala. ...

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, jangan jauh sangat dari Butiran ini.

Tuan Lim Guan Eng: Bukan, ini mengenai dengan Rancangan.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat... .

Tuan Lim Guan Eng: Ia berkepala harimau tetapi berekor ular.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, saya sudah beri satu peringatan. Kalau Yang Berhormat hendak berucap, ikut Butiran, ya.

Tuan Lim Guan Eng: Ya, saya mengikut Butiran Rancangan. Oleh sebab itu, saya harap bahawa pihak Kementerian mendapat maklum-balas daripada masyarakat Cina, menggunakan kuasa untuk meminta TV3 menyiarkan berita bahasa Mandarin. Ini bukan satu permintaan yang keterlaluan, kerana kalau berita bahasa Mandarin boleh disiarkan, maklumat boleh diberikan sekurang-kurangnya mutu berita boleh dipertingkatkan untuk bahasa Mandarin. Ini adalah kerana daripada kajian ini, 70% tidak berpuashati dengan program-program bahasa Cina yang disiarkan, terutama sekali dengan program berita bahasa Mandarin di TV2. Di anlara aduan mereka ialah bahawa isi kandungan berita bahasa Mandarin kerana tidak bermutu dan tidak cukup menyeluruh, komprehensif dan tidak mendalami dalam sesuatu perkara.

Kedua, mengikut kajian tersebut, berita bahasa Mandarin dicampur-adukkan dengan perkataan-perkataan istilah-istilah Bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris seperti "rojak".

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat dari Kota Melaka, Yang Berhormat dari Kota Setar bangun.

Tuan Lim Guan Eng: Tidak beri, minta maaf. Nanti saya akan beri. Bahawa dan juga ada beberapa aduan terhadap juruhebah. Saya hendak bertanya, apakah latihan yang diberikan kepada juruhebah untuk berita bahasa Mandarin ini?

Kerana daripada maklumat yang diterima oleh kami tidak ada seorang

pemberita berbahasa Cina yang fasih dalam bahasa Cina dalam bahagian Berita Mandarin. Saya hendak bertanya sama ada ini benar atau tidak, kerana biasanya apabila Berita Mandarin disiarkan, kurang sekali liputan mengenai aktiviti-aktiviti di masyarakat Cina.

Tuan Pengerusi, dalam questionnaire ini adajuga ketidakpuasan hati mengenai program-program berbahasa Cina yang kurang dan ada satu permintaan bahawa program seperti Peristiwa Semasa, program-program sains, program-program khas liputan secara langsung dibenarkan. Berita-berita sukan, berita-berita quiz mengapakah tidak boleh diadakan dalam bahasa Cina.

Akhirnya dalam kajian survey questionnaire ini adalah didapati bahawa masa siaran yang ditayangkan untuk program bahasa Cina bagi TV1 untuk bulan tiga tahun ini, untuk TV1 masa untuk siaran bahasa Mandarin kosong, masa siaran bahasa Tamil kosong. Bagi TV2 masa untuk siaran bahasa Cina 25.21% manakala untuk bahasa Tamil 15.68%. Bagi TV3 masa untuk bahasa Cina 11.38% manakala untuk bahasa Tamil 2.75%.

Ini bermakna secara puratanya untuk ketiga-tiga channel ini, ketiga-tiga rangkaian ini hanya 12% daripada masa siaran diberikan untuk siaran atau rancangan berbahasa Cina dan 6% sahaja diberi untuk yang berbahasa Tamil atau India.

Tuan Pengerusi, saya rasa ini adalah suatu keadaan yang sungguh tidak memuaskan. Mengapa hanya 12% sahaja. Kalau kita mengikut rasional Barisan Nasional yang mengikut kuota kependudukan, sekurang-kurangnya mesti mencerminkan ratio penduduk di negara Malaysia. Sekurang-kurangnya siaran yang berbahasa Cina sebanyak 30% dan untuk berbahasa Tamil 10%. Mengapa prinsip ini yang diperjuangkan oleh Barisan Nasional tidak diikuti? Ini

jelas sekali menunjukkan bahawa pihak Barisan Nasional mengamalkan double standard, hipokrat yang besar sekali, khususnya yang sama besar seperti MCA lah terutamanya dalam TV3 untuk penyiaran berita dalam bahasa Mandarin.

Tuan Pengerusi, saya juga hendak bertanya sama ada Mingguan Majalah dan Drama Pelangi yang pernah ditimbulkan oleh saya dalam mesyuarat yang lepas akan dipulihkan, kerana setakat ini tidak ada satu rancangan semasa atau current events dalam bahasa ibunda. Adakah ini akan dipulihkan dan apakah rancangan latihan juruhebah dan pelakon berbahasa Cina tempatan yang diberikan oleh pihak RTM? Adakah benar bahawa kebanyakan juruhebah-juruhebah atau kakitangan di bahagian program siaran berbahasa Cina adalah kakitangan sandaran atau part-timers, dengan izin.

Mengenai Radio Malaysia, bolehkah. . . .

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, minta gulung.

Tuan Lim Guan Eng: Ya, baik. Bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen berikan masa yang diperuntukkan untuk program berbahasa Cina dan Mandarin. Apakah bentuk latihan yang diberikan kepada mereka, kerana ini adalah satu keadaan di mana mereka merasa tidak bersemangat kerana ketidakcukupan latihan yang diberikan kepada kakitangan-kakitangan tersebut. Sekian, terima kasih.

Tuan Lim Kit Siang: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Sudah habis, kita sudah beri notis tadi.

Tuan Lim Kit Siang: Satu perkara sahaja.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, kita sudah beri notis.

Tuan Lim Kit Siang: Satu perkara sahaja.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Masa tidak cukup.

Tuan Lim Kit Siang: Masa tidak cukup.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Patut Ketua Pembangkang bangun lebih awal.

Tuan Lim Kit Siang: Yang Berhormat Menteri Kewangan ada di sini, tentu dia bersetuju untuk memanjangkan masa.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, masa suntuk.

Tuan Lim Kit Siang: Satu perkara sahaja—lima minit.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Kalau Ketua Pembangkang bangkit awal, saya beri awal. Saya pandang Ketua Pembangkang tidak bangun.

Tuan Lim Kit Siang: Lima minit.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Tidak bolehlah Yang Berhormat, tidak cukup masa.

Tuan Lim Kit Siang: Yang Berhormat Menteri Kewangan boleh bersetuju untuk panjangkan masa selama lima minit.

Beberapa Ahli: (*Menyampuk*)

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, kita beri lima minit sahaja.

Tuan Lim Kit Siang: Okay, lima minit sahaja, tidak lebih daripada lima minit. Mengenai satu point yang saya akan berucap sahaja. Terima kasih, pukul enatn saya akan berhenti.

Tuan Pengerusi, Maksud Bekalan B.44, Butiran 010000 Khidmat Sokongan mengenai Elaun dan Emolumen Menteri, Timbalan Menteri dan Setiausaha Parlimen.

Di sini saya mahu sebut apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Penerangan pada 25hb November bahawa Kemenlerian boleh bertindak sebagai penasihat kepada cara-cara laporan yang dibuat oleh pihak-pihak akhbar ke atas perkara-perkara yang boleh membawa kemudaratan kepada keselamatan dan kesejahteraan negara.

Baru-baru ini kita tengok dalam STAR hari-hari ada kenyataan Menteri-menteri MCA menghentam DAP, hentam saya sendiri. Hari-hari ada—tidak apa, kita terima, tetapi kenapa jawapan kita tidak dikeluarkan. Itu tentulah memudaratkan kesejahteraan negara. Patutlah menasihatkan STAR, adil sedikit, mahu keluar besar-besaran, ruangan untuk baikpun Ling Liong Sik, Ting Chcw Peh hentam DAP, fitnah, dusta, tidak apa.

Beberapa Ahli: (*Bangun*)

Tuan Lim Kit Siang: Tidak ada masa, pukul enam sahaja. Tentulah boleh hentam kita. Saya tidak takut mereka hendak lancar satu serangan, all-out war tidak apa. Tetapi sekurang-kurangnya kita mahu keadilan.

Beberapa Ahli: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, dia tidak beri jalan.

Tuan Lim Kit Siang: Sekurang-kurangnya ada dusta, fitnah disiarkan di

dalam STAR oleh pemimpin-pemimpin MCA. Bila kila jawab, berilah jawapan kita. Kalau tidak, tidak ada keadilan tentulah suratkhbar dusta, fitnah.

Tuan Yim Chee Chong: Tuan Pengerusi... .

Tuan Lim Kit Siang: Saya harap STAR boleh ambil perhatian itu.

Tuac Yim Chee Chong: Minta maaf ya. Yang Berhormat. Tuan Pengerusi...

Tuan Lim Kit Siang: Saya tidak beri jalan. Saya tidak ada masa. Kalau beri jalan—injury time. (*Diganggu*)

Tuan Yim Chee Chong: Saya ingin mengambil bantahan terhadap ucapan yang tidak berasas.

Tuan Lim Kit Siang: Tidak apa-apa.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, duduk!

Tuan Yim Chee Chong: DAP bankrap.

Tuan Lim Kit Siang: Free press, press yang adil.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, dia tidak beri jalan.

Tuan Lim Kit Siang: Oleh kerana itulah apa guna mengadakan STAR kalau berat sebelah sahaja di mana dusta-dusta boleh disiarkan, kita jawab, dia tidak berani siarkan. Adakah ini menunjukkan bahawa semua pemimpin-pemimpin MCA pengecut?

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Parit Sulong bangun

Tuan Lim Kit Siang: Parit Sulong pun samalah.

Tuan Yim Chee Chong: Ini ucapan yang tidak berasas.. . (*Diganggu*)

Tuan Lim Kit Siang: Apa yang kita mahu ialah kebebasan, keadilan.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Roket boleh jawabkah? Sudahlah! Roket pengecut!

Tuan Lim Kit Siang: Saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh menasihatkan....

Tuan Chor Chee Heung: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat Tanjong, nanti dahulu, point of order. Berapa?

Tuan Lim Kit Siang: Mahu duduk, okay duduk!

Tuan Chor Chee Heung: Nampaknya macam Ketua Pembangkang tidak tahu. Dia berbahas tidak bersangkutan dengan isu-isu ini. (*Ketawa*)

Beberapa Ahli: (*Menyampuk*)

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Point of order berapa ini? Tidak ada point of order. Yang Berhormat Tanjong, sudah lima minit.

Tuan Lim Kit Siang: Saya mahu gulung sekarang bahawa saya harap Yang Berhormat Menteri, Timbalan Menteri menggunakan apa yang dikatakan dalam soal jawab supaya....

Beberapa Ahli: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Duduk Yang Berhormat!

Tuan Lim Kit Siang: Saya gulung ini, apa yang dia takut. UMNO pun takut. MCA takut, UMNO pun takut. Apa ini?

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, sudah cukup waktu.

Tuan Robert Lau Hoi Chew: Tuan Pengerusi, saya ingat dia sudah kena. Saya minta dia duduk.

Tuan Lim Kit Siang: Okaylah kalau begitu supaya Ahli-ahli Parlimen MCA dan UMNO jangan ada heartattack, saya duduklah.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Kementerian Penerangan di minta menjawab.

Tuan Robert Lau Hoi Chew: Tadi saya berdiri, tetapi Tuan Pengerusi kata ini adalah yang terakhir. Oleh kerana Tuan Pengerusi memberi 5 minit kepada Ketua Pembangkang, maka saya pun minta lima minit sahaja. Bolehkah dibenarkan? (*Tepuk*)

Tuan Lim Guan Eng: Duduk, duduk!

Tuan Robert Lau Hoi Chew: You sudah ada peluang.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, saya yang buat keputusan dan saya minta Kota Melaka duduklah.

Beberapa Ahli: (*Menyampuk*)

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, sila duduk! Duduk dulu! Yang Berhormat, duduk! Biar saya buat keputusan.

Kita tidak dapat memberi masa lagi kepada sesiapa-pun, sebab masa sudah suntuk—jam 6.00. Kita sudah

ketinggalan satu hari dalam perbahasan ini. Kememorian Penerangan, sila jawab.

6.04 *ptg.*

Timbalan Menteri Penerangan (Tuan Railey bin Haji Jaffrey): Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan terbanyak-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah berminat dalam membahaskan belanjawan berhubung dengan Kementerian Penerangan.

Yang Berhormat dari Bandaudan juga Yang Berhormat dari Batang Lepar telah menyentuh perkara-perkara berhubung dengan siaran wayang gambar dan juga perkhidmatan sivik yang kurang sempurna. Ingin saya maklumkan dalam Dewan yang mulia ini bahawa berhubung dengan siaran wayang gambar memang benar bahawa wayang gambar masih. ...

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, ada yang bangun.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Minta maaf, Yang Berhormat, bukan saya kata, 'tidak sempurna' perkataan itu bukan keluar dari mulut saya, apa yang saya kata 'wayang itu lama sangat', sivik itu sempurna.

Tuan Railey bin Haji Jaffrey: Jadi saya masih menyentuh soal wayang gambar. Maksud saya tidak sempurna ini ialah not up-to-date, sepertimana Yang Berhormat kata tadi. Jadi, suka saya memaklumkan di sini bahawa gambar-gambar lama seperti wayang gambar P. Ramlee masih diminati ramai. Jadi, kita masih memainkan lagi wayang seperti ini selain daripada wayang-wayang gambar yang akhir sekali yang berwarna yang mana boleh dikatakan wayang

gambar yang kita siarkan ada yang terbahara sekali yang kita sewa daripada penyewa-penyewa tempatan yang berkenaan.

Berhubung dengan perhimpunan sivik yang disentuh oleh Ahli Parlimen dari Bandau sebentar tadi bahawa perhimpunan stvik memang terus diadakan dan saya percaya kelemahan-kelemahan yang ada dapat kita atasi.

Kita akui bahawa memandangkan tempat-tempat dan keadaan setempat di daerah Bandau khususnya, dan amnya di negeri Sabah atau negeri Sarawak masih mempunyai masalah perhubungan yang begitu besar. Jadi, kadangkala program-program yang kita atur untuk diadakan sivik, sama ada smk masyarakat, tayangan wayang gambar, perhimpunan sivik, lawatan sivik dan sebagainya, pernah juga ia tidak dapat disempurnakan seperti apa yang telah dirancangan oleh kerana keadaan-keadaan tertentu. Tetapi saya berjanji bahawa kelemahan-kelemahan ini kita akan dapat mengatasi di masa-masa akan datang.

Berhubung dengan kekurangan ruang pejabat, ingin saya memaklumkan kepada Yang Berhormat dari Bandau dan juga dari Batang Lupar bahawa dalam tahun 1992 iaitu tahun depan Kementerian akan mendirikan tiga buah Pejabat Penerangan Daerah di negeri Sabah, satu di kawasan Yang Berhormat dari Bandau sendiri di Kota Marudu, satu di Kuala Penyu dan satu di Lahad Datu dan empat di negeri Sarawak dan satu di Daerah Setiu iaitu di negeri Terengganu.

Tuan Pengerusi, menyentuh tentang supaya siaran RTM dapat diperbaiki lagi iaitu menyentuh berkenaan berita-berita yang amat kurang sekali untuk menghubungi penduduk-penduduk di luar bandar sepertimana yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat dari Bandau dan juga Batang Lupar. Berhubung dengan bema-berita Wilayah yang mana Yang Berhormat

dari Padang Terap tadi mencadangkan supaya berita-berita yang disiarkan dalam Berita Wilayah seharusnya disiarkan dalam Berita Perdana "Prime Time News" pada jam 8.00. Suka saya memaklumkan di sini bahawa ada di antara berila-berita yang di siarkan di Berita Wilayah pada jam 6.00 ada juga disiarkan di dalam Berita Perdana sebagai ulangan memandangkan kandungan berita itu mengandungi ciri-ciri yang penting jika dibandingkan dengan berita-berita yang lain.

Jadi, kita tidaklah berhasrat untuk menambah siaran daripada setengah jam kepada satu jam buat masa ini, kerana apa yang kita siarkan sekarang melalui berita jam 6.00 dan berita jam 8.00 adalah selama setengah jam pada tiap-tiap satu adalah mencukupi. Barangkali pada masa depan jika difikirkan perlu dan mendesak perkara ini boleh ditimbangkan untuk menambahkan lagi waktu siaran yang lebih panjang. Berhubung dengan kesan iklan....

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:
(Bangun)

Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar:
(Bangun)

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat Timbalan Menteri sebentar, dua orang Ahli Yang Berhormat bangun.

Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar: Saya hendak mencelah sedikit, Tuan Pengerusi. Isu yang dibangkitkan bukan soal mencukupi, isu yang dibangkitkan ialah prime time itu kalau di bawa berita pukul 6.00 ke pukul 8.00 hingga pukul 9.00, audiencenya ataupun orang yang melihat berita itu akan lebih ramai. Jadi, bukan sahaja dia dapat melihat berita luar negeri tetapi malah berita dari Sarawak, Sabah, Perlis, Kedah, Kelantan di dalam satu masa. Jadi, bukan soal tidak cukup, memang cukup tetapi soalnya ialah mendapatkan audience

yang lebih banyak dan lebih berkesan apa-apa mesej yang Kerajaan hendak membawanya.

Tuan Railey bin Haji Jaffrey:

Terima kasih, Yang Berhormat daripada Padang Terap. Sebenarnya, seperti saya katakan tadi ada di antara berita-berita yang disiarkan dalam jam 6.00 juga disiarkan pada jam 8.00 memandangkan kandungan berita itu mengandungi ciri-ciri yang penting dan soal semua berita jam 6.00 dipindahkan ke jam 8.00 yang bererti supaya semua rakyat Malaysia dapat menikmati berita yang sama, kerana waktu itu dipandang waktu rehat di mana semua orang menonton televisyen. Perkara ini tidaktah dapat kita putuskan dalam masa yang singkat tetapi ianya boleh dikaji untuk melihat sejauh mana kesesuaiannya untuk mencapai matlamat semua.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat Timbalan Menteri, ada Ahli yang bangun.

Tuan Robert Lau Hoi Chew: Minta maaf, Tuan Pengerusi. Minta penjelasan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar di negeri Sarawak, kecuali Bandar Kuching seluruh negeri Sarawak tidak ada berita TV—camera crew seperti di Sibu, Miri, Bintulu dan lain-lain. Kerana itu tiada berita tempatan dari Sarawak, kecuali Bandar Kuching, berita dari bandar-bandar yang lain tidak boleh disiarkan.

Tuan Railey bin Haji Jaffrey: Yang Berhormat bertanya ini fasal radio atau televisyen.

Tuan Robert Lau Hoi Chew: Televisyen. Ya, ini berita TV—camera crew.

Tuan Railey bin Haji Jaffrey: Tuan Pengerusi, berhubung dengan liputan-liputan kepada satu-satu daerah yang berkenaan seperti di negeri Sarawak ini,

saya percaya RTM Sarawak sentiasa peka dengan keadaan-keadaan di mana liputan-liputan perlu dilakukan berhubung dengan satu-satu kegiatan oleh Kerajaan Negeri atau badan-badan tertentu. Tetapi saya percaya, apa yang berlaku di negeri Sarawak berhubung dengan liputan, biasanya RTM melakukannya setelah mendapat permintaan ataupun permohonan untuk liputan, jika difikirkan liputan yang diminta itu perlu diberikan liputan atau tidak. Jadi... ..

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:
(Bangun)

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Parit Sulong bangun Yang Berhormat.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Sebenarnya saya hendak bercakap tidak dapat, jadi saya hendak bertanya. Apabila Timbalan Menteri menyalakan bahawa masalah Berita Perdana pukul 8.00 itu tidak boleh dipanjangkan kepada waktu yang lebih panjang oleh kerana, dia kata: "mungkin berkehendak kepada kehendak yang mendesak," Saya ingin bertanya kepada Timbalan Menteri, adakah pihak Kementerian akan menjalankan satu kajian hasil dari perbincangan dalam Dewan hari ini supaya diadakan satu kajian yang menyeluruh sama ada kehendak itu wujud atau tidak ataupun sama ada kita di sini cakap-cakap sahaja, sedangkan kita membawa hasil dan kehendak rakyat diperingkat akar umbi. Terima kasih.

Tuan Railey bin Haji Jaffrey: Tuan Pengerusi, soal ini boleh kita kaji. Itulah sebabnya saya katakan kalau ianya perlu seperti perkara-perkara lain kita kaji dan kita akan buat—kalau perlu. Memang permintaan pada dasarnya mungkin ada, menurut Ahli Yang Berhormat, tetapi setakat ini kita belum menerima sebarang permintaan seperti yang ditimbulkan di Dewan pada hari ini.

Berhubung dengan kesesuaian berita yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat dari Batang Lupar supaya berita-berita yang disiarkan berhubung dengan negeri Sarawak tidak melihatkan ada perkara-perkara yang bias dan ketinggalan dari segi liputan, suka saya maklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa RTM tidak berhasrat dan tidak bemiati untuk meninggalkan mana-mana negeri daripada bidang liputannya dalam Televisyen melainkan berita-berita yang wujud di satu-satu masa, di satu-satu negeri atau di satu-satu daerah itu merupakan berita yang mewajarkan RTM membuat liputan dan mengeluarkannya sebagai bahan berita atau lain-lain rancangan dalam Televisyen. Tidak timbul soal sama ada negeri Sarawak kurang liputan, negeri Sabah kurang liputan dan lain-lain negeri lebih liputan dan sebagainya. Tetapi walau macam manapun, dalam semua hal berhubung dengan perkara ini kita akan melihat daripada semasa ke semasa berhubung dengan masalah liputan yang perlu dengan mengkaji elemen-elemen yang patut dimasukkan dalam bahan berita pada masa-masa akan datang.

Tuan Wahab bin Suhaili: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Maharuddin): Yang Berhormat, Batang Sadong bangun.

Tuan Wahab bin Suhaili: Minta penjelasan sedikit, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Memandangkan keadaan berita sama ada di Sabah ataupun di Sarawak dihantar ke Semenanjung ini memakan masa, biasanya kalau berita hari ini, esok ataupun lusa baru dikeluarkan di Televisyen. Apakah langkah-langkah ataupun kemungkinan yang diambil oleh Kementerian beliau untuk mempercepatkan agar berita ini kalau berlaku pada hari ini, pada waktu malamnya dalam Berita Perdana dapat disiarkan?

Tuan Railey bin Haji Jaffrey: Tuan Pengerusi, berhubung dengan kecepatan berita dikeluarkan daripada negeri Sarawak, kalau berita itu berlaku pagi, RTM mengambilnya, meliputnya pada waktu pagi, biasanya tape boleh dikirim melalui kapal terbang yang terawal sekali ataupun kalau berita itu amat penting sekali, cara yang kedua ialah dengan menggunakan satelite yang dihantar terus daripada Telekom Sarawak kepada RTM di Kuala Lumpur. Itulah antara cara yang boleh kita gunakan, pada hal dalam perkara-perkara biasa, dalam hal-hal biasa menghubungi liputan ini kita menggunakan cara di mana tape itu dikirim melalui kapal terbang ke Angkasapuri.

Tuan Pengerusi, berhubung dengan filem-filem yang boleh mendorong atau memesongkan anak-anak daripada nilai-nilai tempatan kepada nilai-nilai atau life-style kebaratan seperti yang ditunjukkan dalam filem-filem Barat yang disebutkan oleh Yang Berhormat dari Padang Terap sebentar tadi seperti filem-filem Dallas dan Dynasty, saya percaya filem-filem yang dimainkan kembali ini bukan merupakan filem yang amat popular tetapi ianya telah melalui Badan Penapis Kementerian yang telah menerima supaya filem ini dimainkan setelah ada permintaan,

Berhubung dengan iklan yang dikatakan boleh memesongkan akhlak anak-anak atau muda-mudi kerana ada kandungan yang dikatakan tidak sihat, saya suka menyatakan di sini bahawa sama dengan penilaian-penilaian rancangan-rancangan lain dalam filem-filem di mana iklan-iklan itu juga telah diterima oleh Badan Penapis sebelum ianya dibenarkan untuk diputarakan melalui Televisyen.

Tuan Ruhanie bin Haji Abmad: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat Parit Sulong bangun lagi.

Tuan Ruhanie bin Ahmad: Saya ingin mendapat penjelasan daripada Timbalan Menteri, adakah dikeluarkan garis panduan yang tertentu kepada pengeluar-pengeluar dan pengusaha-pengusaha iklan sebelum iklan itu diterima untuk menaja sesuatu rancangan televisyen ataupun radio, oleh kerana sama ada Timbalan Menteri sedar atau tidak setengah-setengah iklan adalah sangat-sangat bertentangan dengan dasar Kerajaan kita sendiri? Umpamanya, Kerajaan ingin membuat promosi internal tourism, kita juga mengiklankan mengagung-agungkan keindahan di luar negeri; seperti iklan Salem, Kent Travel, Peters Stuyvesant, saya rasa ini boleh disesuaikan dengan keadaan setempat.

Yang ketiga, saya hendak tanya sama ada pihak Kementerian juga sedar mengenai iklan-iklan ini, ada juga iklan-iklan yang cuba memportraykan, yang cuba menggambarkan kepada generasi Malaysia sebagai "Generasi Baru Malaysia". Generasi Baru Malaysia yang digambarkan dengan Pepsi Cola, dengan rancangan rock dan sebagainya. Saya minta penjelasan, apakah tindakan yang akan diambil mengenai hal ini?

Tuan Railey bin Haji Jaffrey: Tuan Pengerusi, berkenaan iklan ini, tindakan RTM ialah amat rasional. Selain daripada berpandukan kepada etika penyiaran di mana iklan-iklan juga terlibat dalam mematuhi etika ini, kita juga berpendapat bahawa dengan mempelbagaikan iklan, sama ada lokasi-lokasi yang diambil melalui iklan itu menggambarkan keadaan setempat ataupun di luar negerinya tidak banyak membawa perbezaan yang menggambarkan seolah-olah kita mengagung-agungkan keadaan di luar negeri. Itu tidak timbul sama sekali. Jadi, rasionalnya ialah kita berpuas hati dengan keadaan-keadaan yang setakat ini kita rasa mencukupi.

Berhubung dengan....

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, Parit Sulong bangun lagi.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Minta maaf, Tuan Pengerusi, saya kurang puas hati. Saya hendak bertanya satu perkara lagi. Adakah pihak Kementerian berpuas hati dengan iklan yang menggambarkan "Generasi Baru Malaysia" adalah generasi yang liar, generasi yang mengamalkan dan terlalu dicengkam dengan budaya Barat seumpama generasi Pepsi Cola dan Coca Cola. Adakah itu melambangkan corak hidup generasi Malaysia yang hendak dibina, yang hendak di'psy-war'kan menemsi iklan dan sebagainya? Atau tidakkah kita sedar bahawa ini mungkin satu subversion, subtle subversion yang hendak dikemukakan melalui iklan supaya generasi muda kita akan runtuh di masa akan datang?

Tuan Railey bin Haji Jaffrey: Tuan Pengerusi, sebenarnya saya belum sampai ke situ tadi. Jadi, soal pengambil iklan berhubung dengan contoh yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi, memang di dalam kepekaan kita untuk membenarkan cara-cara iklan itu diadakan, di mana pendapat-pendapat pihak tertentu bahawa kesesuaiannya adalah kurang untuk ditayangkan di televisyen yang boleh mempengaruhi anak-anak muda dengan pengaruh-pengaruh tertentu, seperti yang pernah kami katakan sama ada dalam Soal Jawab harian di Parlimen ini bahawa keadaan semasa yang membenarkan kita membuat iklan ini, bukan semata-mata ianya akan terus diadakan sedemikian.

Kita sentiasa peka tentang teguran-teguran terutama sekali di dalam Dewan yang mulia ini, mahupun juga di luar Dewan. Jika sesuatu iklan didapati kurang sesuai dan kurang perlu diadakan, kita boleh ubah dari semasake semasa. Itulah pentingnya kita bersoal-

jawab di dalam sistem demokrasi di mana kita sentiasa menerima teguran daripada pihak Ahli Parlimen mahupun dari pihak luar.

Tuan Pengerusi, berhubung dengan pengesanan siaran di sempadan Thailand yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Padang Terap sebentar tadi, ingin saya maklumkan di sini bahawa usaha-usaha telah dan sedang dijalankan untuk mengatasi masalah yang dihadapi oleh masyarakat di sebelah utara Semenanjung Malaysia yang mana gangguan siaran masih berlaku di tempat berkenaan.

Pihak Kerajaan telah membawa perkara ini melalui perbincangan secara bilateral melalui forum-forum ASEAN dan Menteri-menteri Penerangan ASEAN, tetapi sekarang ini belum lagi mendapat penyelesaian yang muktamad dan Kementerian Penerangan akan meneruskan usaha ini melalui pihak-pihak yang berkenaan untuk akhirnya mendapat penyelesaian yang boleh diterima oleh kedua-dua belah pihak.

Tuan Pengerusi, berhubung dengan FINAS yang disebutkan juga oleh Yang Berhormat dari Padang Terap, memanglah pada masa ini kekurangan-kekurangan dan kelemahan-kelemahan filem Malaysia masih wujud dan Kerajaan sentiasa memberikan sokongan kepada usaha-usaha yang dijalankan oleh pengusaha-pengusaha filem tempatan sama ada di bidang pengeluaran ataupun penerokaan bidang-bidang baru di dalam memajukan lagi bidang perfileman di Malaysia pada masa-masa yang akan datang.

Berhubung dengan perkara yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka iaitu berhubung dengan mengapa Perhimpunan Agung UMNO baru-baru ini disiarkan secara langsung dan Persidangan Parlimen tidak disiarkan secara langsung.

Ingin saya maklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa Persidangan Parlimen tidak pernah disiarkan secara

langsung selain daripada Hari Pembukaan dan juga waktu Budget session, dengan izin, Dan mengapa Perhimpunan Agung UMNO disiarkan secara langsung, sepertimana yang kita maklum bahawa Perhimpunan Agung UMNO merupakan satu acara yang amat besar, Seperti juga SEMARAK dahulu kita siarkan secara langsung. Dan UMNO merupakan sebuah parti yang terbesar di Malaysia, ia menunggak Kerajaan Barisan Nasional dan apabila kita berikan satu publisiti yang agak istimewa sedikit, tidak bererti kita membeza-bezakan kepada pihak yang lain. Dan sama ada pihak-pihak yang lain boleh dibenarkan atau tidak untuk mengadakan siaran secara langsung, itu kena difikirkan.

Tuan Pengerusi,....

Tuan Ahmad bin Nor (Bayan Baru): *(Bangun)*

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, Bayan Baru bangun.

Tuan Abmad bin Nor: Tuan Pengerusi, saya ingin minta penjelasan.

Jika sekiranya UMNO dibenar diberi liputan, mengapakah tidak lain-lain parti komponen Barisan Nasional diberi layanan yang sama kerana mereka juga adalah anggota Barisan Nasional ataupun Kerajaan Barisan Nasional. Dan kalau boleh parti Pembangkang pun perlu juga diberi hak yang sama.

Tuan Railey bin Haji Jaffrey: Kalau anggota-anggota parti komponen Barisan Nasional ingin mengadakan Mesyuarat Agungnya disiarkan secara langsung dan mereka memohon, boleh kita pertimbangkan. Tetapi kalau parti Pembangkang, saya tidak dapat janji. *(Ketawa)*

Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka): *(Bangun)*

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Kota Melaka.

Tuan Railey bin Haji Jaffrey: Ya, silakan.

Tuan Lim Guan Eng: Saya hendak bertanya sama ada satu permohonan dibuat oleh pihak UMNO kepada pihak Kementerian untuk membuat siaran secara langsung atau adakah ini satu keputusan yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri sendiri.

Yang kedua, adakah kutipan wang dikenakan ke atas siaran secara langsung ini. Kalau tidak, apakah kerugian yang ditanggung oleh kerana untuk menyuarakan Perhimpunan Agung UMNO.

Tuan Railey bin Haji Jaffrey: Tuan Pengerusi, sudah tentu ada permintaan daripada UMNO, kalau tidak, tidak akan disiarkan.

Yang kedua, ini bukan soal untung rugi. Kalau kita fikirkan perkara itu perlu, kita berikan walaupun tidak mendapat retunt daripadanya. (*Tepuk*)

Tuan Pengerusi, berhubung dengan satu perkara lagi yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka, mengapa Kementerian Penerangan tidak membenarkan TV3 menyiarkan berita dalam bahasa Mandarin.

Tuan Pengerusi, setakat ini kita rasai bahawa berita-berita dalam bahasa Mandarin yang disiarkan melalui TV2 amatlah mencukupi dan mempunyai kualiti yang baik. Dan pemberita-pemberita pun merupakan orang-orang yang dipilih dan dilatih sebelum mereka diberikan kebenaran untuk membaca. Di samping itu TV3 pun tidak pernah menimbulkan soal perkara pembacaan berita dalam bahasa Mandarin.

Tuan Pengerusi, berhubung dengan Pemuda MCA memboikotkan TV3, itu saya tidak boleh komen. Itu soal antara Pemuda MCA dengan TV3.

Dan berkenaan dengan isi kandungan berita Mandarin yang dikatakan tidak bermutu, kerana ianya dicampuradukkan dengan istilah-istilah Bahasa Malaysia.

Tuan Pengerusi, ingin saya maklumkan di sini bahawa dalam masyarakat kita pada hari ini, sama ada bahasa Mandarin, bahasa Kantonis, Hakka, Tamil, kita tidak dapat lari daripada keadaan di mana istilah-istilah tertentu berhubung dengan Bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris terpaksa dicampuradukkan untuk memberi kefahaman yang lebih mendalam dan meluas berkenaan satu-satu pengertian terhadap satu-satu perkara.

Berhubung dengan 'Lembaran Minggu' yang disebutkan sebentar tadi yang mana pada masa ini dihentikan, ingin saya maklumkan kepada Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka bahawa sesuatu siaran yang disiarkan di televisyen, tidak semestinya apabila ianya dihentikan tidak boteh dimain lagi, kerana program-program sama ada wayang gambar mahupun rencana-rencana yang kita hentikan dahulu, kita mainkan kembali oleh kerana kita fikirkan ada keperluannya. Begitu juga halnya dengan 'Lembaran Minggu' dalam bahasa Cina boleh dimainkan balik jika difikirkan perlu.

Pada hari ini Yang Berhormat menimbulkan perkara ini, merupakan satu perkara walaupun ianya bukan permintaan daripada mana-mana pihak, tetapi kita sentiasa peka ke atas sebarang teguran yang ditimbulkan tentang satu-satu perkara, terutama sekali yang ada hubungkaitnya dengan suku-suku kaum di negara ini.

Tuan Lim Guan Eng: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Kota Melaka bangun.

Tuan Railey bin Haji Jaffrey: Ya.

Tuan Lim Guan Eng: Saya hendak bertanya sama ada benar atau tidak, bahawa dalam bahagian berita bahasa Mandarin, tidak ada pemberita atau wartawan yang membuat liputan untuk RTM yang berbahasa Mandarin seperti yang ada dalam berita bahasa yang lain. Adakah ini benar atau tidak?

Tuan Railey bin Haji Jaffrey: Tuan Pengerusi, sebenarnya ini tidak benar. Kita tidak akan membuat sesuatu liputan tanpa ada pengetahuan orang-orang yang berbahasa yang berkenaan.

Oleh yang demikian, berita-berita ataupun bahan-bahan daripada sesuatu berita itu boleh dipindah-pindahkan.

Tuan Lim Guan Eng: Kakitangan secara part-time atau adakah kakitangan yang bekerja secara sepenuh masa, bukan secara sandaran atau part-timer di dalam bahagian berita bahasa Mandarin. Apakah latihan yang diberikan untuk mereka ini?

Tuan Railey bin Haji Jaffrey: Tuan Pengerusi, buat masa ini pembaca-pembaca berita ataupun orang-orang yang membuat berita di RTM dalam bahasa Mandarin ialah sama ada orang yang bekerja full time dan membaca berita sebagai part-time ataupun orang yang bekerja sebagai part-time hanya membaca berita sahaja. Tetapi di mana kepakarannya dalam bahasa Mandarin diperlukan, boleh kita gunakan kepakarannya dalam bahasa yang berkenaan sama ada Kantonis mahupun Mandarin.

Tuan Pengerusi, saya rasa lebih kurang ..ekian yang perlu saya jelaskan.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar (Batang Lupar): (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Batang Lupar bangun lagi, masa singkat.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Saya tahu masa singkat, sebab itu dia hendak singkatkan, hendak habis.

Saya komen cerita yang tidak betul dikeluarkan oleh penulis-penulis luar negeri tadi. Saya hendak bertanya kepada pihak Kementerian ini, apakah tindakan yang diambil oleh pihak Menteri ataupun Kementerian untuk to counter propaganda-propaganda yang bohong, propaganda yang mengelirukan ini. Oleh kerana buku ini disibar di seluruh Malaysia, kalau dibaca oleh orang yang tidak tahu, dia anggap cerita ini betul. Tetapi kalau dibaca oleh orang yang tahu, dia kata ini bohong.

Jadi, kalau orang di Semenanjung baca buku ini, dia kata: "Macam inilah hidup rakyat Sarawak." Jadi, apa tindakan Kementerian?

Tuan Railey bin Haji Jaffrey: Tuan Pengerusi, saya mohon maaf, sebentar tadi saya lupa sentuh apa yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat.

Yang sebenarnya, pada dasarnya selain daripada menyebarkan dasar-dasar Kerajaan kepada masyarakat di seluruh negara, memanglah menjadi satu tugas Jabatan Penerangan untuk menafikan sebarang perkara-perkara negatif sama ada yang menyentuh Kerajaan mahupun yang menyentuh masyarakat-masyarakat tertentu di negara kita ini.

Boleh jadi buku yang dimajukan oleh Ahli Yang Berhormat tadi menimbulkan satu persoalan bagi Negeri Sarawak. Jadi, dalam hal ini, saya berjanji sama ada buku yang dibawa oleh Yang Berhormat itu ataupun perkara-perkara lain yang berupa negatif terhadap masyarakat Negeri Sarawak, akan kita gunakan sebagai bahan untuk disampaikan kepada rakyat di mana kakitangan Jabatan Penerangan bertugas sama ada melalui Sivik Masyarakat, Perhimpunan Sivik, Hari Sivik dan sebagainya, mudah-mudahan.

Tuan Lim Guan Eng: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, nampaknya masa tidak ada untuk hari ini.

Tuan Lim Guan Eng: Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri lupa... .

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, masa sudah cukup. Yang Berhormat Timbalan Menteri, sambung esok?

Tuan Railey bin Haji Jaffrey: Sudah habis.

Tuan Lim Guan Eng: (*Menyampuk*)

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Sudah habis Yang Berhormat.

Tuan Lim Guan Eng: Soalan tambahan.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, cukuplah! Tidak payahlah soalan tambahan, tidak ada masa.

Tuan Railey bin Haji Jaffrey: Tuan Pengerusi, dengan itu saya rasa sekianlah yang perlu saya sampaikan sebagai penjelasan dan sebarang perkara-perkara yang telah dilimbulkan sepanjang perbahasan ini yang tidak dapat saya jawab secara jelas, kita akan mengambil perhatian sedalam-dalamnya supaya masalah-masalah ini dapat diselesaikan. Sekian. terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$258,803,200 untuk Maksud B.44 di bawah Kementerian Penerangan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak \$258,803,200 untuk Maksud B.44 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak 521,011,030 yang disebutkan untuk Maksud P.44 dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 1992 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak \$21,011,030 untuk Maksud P.44 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1992.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Majlis bersidang semula.

Majlis Mesyuarat bersidang semula

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ini ditangguhkan sekarang sehingga hari esok, jam 3.00 petang.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.